

PENYATA DEWAN

PERSIDANGAN KEDUA (PERASMIAN) PENGGAL PERTAMA DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KE-13 PADA 1 OKTOBER 2013

HADIR:

BIL.	NAMA	ADUN
1.	YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN: Y.B. Dato' Dr. Haji Awaludin bin Said, D.S.N.S., A.N.S., P.M.C.	Kota
2.	MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN: Y.A.B. Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, S.P.N.S., D.S.N.S., P.S.D., D.S.S.A., A.N.S.	Rantau
3.	Y.B. Dato' Haji Hasim bin Rusdi, D.P.N.S., D.M.S.M., P.P.T., J.P., A.N.S., A.M.N., P.M.C., P.J.K.	Labu
4.	Y.B. Tuan Manickam a/l Letchuman, P.M.C., P.J.K.	Jeram Padang
5.	Y.B. Dato' Haji Ismail bin Lasim, D.S.N.S., A.N.S., P.M.C.	Senaling
6.	Y.B. Dato' Norhayati binti Omar, D.S.N.S., P.M.C., P.J.K.	Pilah
7.	Y.B. Dato' Shamshulkahar bin Mohd. Deli, D.P.N.S., P.M.C., P.J.K.	Serting
8.	Y.B. Dato' Zaifulbahri bin Idris, D.P.N.S., D.N.S., P.J.K.	Chembong
9.	Y.B. Datuk Haji Jalaluddin bin Haji Alias, P.G.D.K., D.N.S., J.P.	Pertang
10.	Y.B. Tuan Haji Tun Hairudin bin Abu Bakar, J.P., P.M.C., P.J.K.	Bagan Pinang
11.	Y.B. Tuan Abd. Razak bin Ab. Said, P.M.C., P.J.K.	Gemas
12.	Y.B. Tuan Haji Abu Ubaidah bin Dato' Haji Redza, J.P.	Ampangan
13.	Y.B. Dato' Haji Lilah bin Haji Yasin, D.S.N.S.	Palong
14.	Y.B. Dato' Haji Mohammad Razi bin Haji Kail, D.S.N.S.	Juasseh
15.	Y.B. Dato' Abd. Samad bin Haji Ibrahim, D.P.N.S., D.N.S., J.P., P.M.C., P.J.K.	Seri Menanti
16.	Y.B. Dato' Haji Yunus bin Rahmat, D.S.N.S., D.M.S.M., K.M.N., J.P., P.J.K.	Klawang
17.	Y.B. Dato' Haji Ishak bin Ismail, D.S.N.S., A.M.N., K.M.N., J.P.	Lenggeng
18.	Y.B. Tuan Mohd. Razi bin Mohd. Ali, P.M.C.	Sungai Lui
19.	Y.B. Tuan Haji Abu Samah bin Mahat, D.N.S., A.N.S., P.M.C.	Johol

BIL.	NAMA	ADUN
20.	Y.B. Tuan Mohd. Ghazali bin Abd. Wahid, A.N.S., P.M.C.	Paroi
21.	Y.B. Tuan Abdul Rahman bin Mohd. Redza	Linggi
22.	Y.B. Tuan Mohd. Isam bin Mohd. Isa, A.N.S., P.J.K.	Gemencheh
23.	Y.B. Tuan Loke Siew Fook	Chennah
24.	Y.B. Tuan Haji Aminuddin bin Haji Harun	Sikamat
25.	Y.B. Tuan Cha Kee Chin	Bukit Kepayang
26.	Y.B. Tuan Gunasekaren a/l Palasamy	Senawang
27.	Y.B. Tuan Chai Tong Chai	Chuah
28.	Y.B. Tuan Ean Yong Tin Sin	Lukut
29.	Y.B. Tuan Yap Yew Weng	Mambau
30.	Y.B. Tuan Ng Chin Tsai	Temiang
31.	Y.B. Tuan Ravi a/l Munusamy	Port Dickson
32.	Y.B. Tuan Veerapan a/l Superamaniam	Repah
33.	Y.B. Puan Mary Josephine Prittam Singh	Rahang
34.	Y.B. Tuan Chew Seh Yong	Bahau
35.	Y.B. Tuan Siow Kim Leong	Lobak
36.	Y.B. Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan	Nilai

**HADIR MENGIKUT FASAL 37(3) UNDANG-UNDANG
TUBUH KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

1. Y.B. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
(Dato' Haji Mat Ali bin Hassan, D.P.N.S., D.P.T.J., A.M.T.)
2. Y.B. PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI, NEGERI SEMBILAN
(Dato' Ishak bin Sahari, D.P.T.J., S.M.P.)
3. Y.B. PEGAWAI KEWANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
(Dato' Haji Tahar bin Haji Sudin, D.P.N.S.)

TURUT HADIR

1. SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
(Encik Mohd. Amin bin Ludin, A.N.S.)
2. PENOLONG SETIAUSAHA
(Cik Nursheeba Laili binti Safian)

[Persidangan dimulakan pada jam 10.00 pagi]

Setiausaha Dewan: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

Susunan Mesyuarat.

1. MEMBACA DOA

Setiausaha Dewan: Perkara pertama, Membaca Doa. Dipersilakan Yang Berhormat ADUN Johol.

[Y.B. ADUN Johol telah membacakan doa di bawah Peraturan 9, muka surat 11 di dalam Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri]

2. PERUTUSAN YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA DEWAN

Setiausaha Dewan: Perkara kedua, Perutusan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, salam dan selawat ke atas junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan; Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Yang Berhormat ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, Dato'-Dato', Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan hadirin yang dihormati sekalian. Persidangan Kedua (Perasmian) Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Ke-13 disambung semula.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya memohon kerjasama semua ahli-ahli Yang Berhormat agar senantiasa mematuhi etika dan segala peraturan yang terkandung dalam Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri, Negeri Sembilan sepanjang tempoh persidangan bagi memastikan persidangan kita berlangsung dalam keadaan harmoni dan lancar.

Dewan Undangan Negeri juga mengambil kesempatan mengalu-alukan kehadiran ADUN Belia seramai 66 orang sebagai pemerhati dan dibahagikan kepada beberapa kumpulan memandangkan ruang yang terhad dan kehadiran mereka adalah untuk mendapat gambaran

sebenarnya perjalanannya Persidangan Dewan Undangan Negeri. Pada pagi ini seramai 10 orang kumpulan pertama hadir dan sebelah petang akan digantikan dengan kumpulan kedua dan seterusnya pada 2 Oktober 2013. Selamat bersidang.

3. **MEMBENTANGKAN KERTAS DEWAN**

Setiausaha Dewan: Perkara ketiga, Membentangkan Kertas Dewan. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Rantau.

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon izin membentangkan Kertas Dewan yang ada di hadapan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian iaitu Kertas Dewan Bil. 1/2013 – Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Tahun 2013 dan Kertas Dewan Bil. 2/2013 – Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Tahun 2013. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kertas Dewan Bilangan 1 dan 2 Tahun 2013 adalah dibentangkan.

4. **MEMBENTANGKAN LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN**

Setiausaha Dewan: Perkara keempat, Membentangkan Laporan dan Penyata Kewangan. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Rantau.

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun membentangkan Laporan dan Penyata Kewangan yang ada di hadapan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian iaitu:

Nombor satu, Penyata Kewangan dan Sijil Ketua Audit Negara; Majlis Perbandaran Seremban bagi tahun berakhir 31 Disember 2012.

Yang kedua, Penyata Kewangan dan Sijil Ketua Audit Negara bagi Majlis Perbandaran Nilai tahun berakhir 31 Disember 2012.

Yang ketiga, Penyata Kewangan dan Sijil Ketua Audit Negara bagi Majlis Perbandaran Port Dickson untuk tahun berakhir 31 Disember 2012.

Yang keempat, Penyata Kewangan dan Sijil Ketua Audit Negara; Majlis Daerah Rembau bagi tahun berakhir 31 Disember 2012.

Yang kelima, Penyata Kewangan dan Sijil Ketua Audit Negara; Majlis Daerah Jelevu bagi tahun berakhir 31 Disember 2012.

Yang keenam, Penyata Kewangan dan Sijil Ketua Audit Negara bagi Majlis Daerah Kuala Pilah untuk tahun berakhir 2012 [31 Disember 2012].

Yang ketujuh, Penyata Kewangan dan Sijil Ketua Audit Negara bagi Majlis Daerah Jempol untuk tahun berakhir 31 Disember 2012.

Yang kelapan, Penyata Kewangan dan Sijil Ketua Audit Negara; Majlis Daerah Tampin bagi tahun berakhir 2012 [31 Disember 2012].

Yang kesembilan, Penyata Kewangan dan Sijil Ketua Audit Negara; Yayasan Negeri Sembilan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012.

Yang kesepuluh, Penyata Kewangan bagi sijil Ketua, Penyata Kewangan dan Sijil Ketua Audit Negara bagi Majlis Agama Negeri Sembilan untuk tahun berakhir 31 Disember 2012.

Yang kesebelas, Penyata Kewangan dan Sijil Ketua Audit Negara untuk Lembaga Muzium Negeri Sembilan untuk tahun berakhir 31 Disember 2012.

Dan yang kedua belas, Penyata Kewangan dan Sijil Ketua Audit Negara; Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan bagi tahun berakhir 31, 2012 [31 Disember 2012].

Untuk pengetahuan Dato' Yang Dipertua, semua Penyata-Penyata Kewangan ini dan Sijil Ketua Audit Negara kepada kesemua 12 penyata-penyata ini adalah telah pun dianugerahkan Sijil Bersih oleh Ketua Audit Negara. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Laporan dan Penyata Kewangan adalah dibentangkan. Dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua agensi kerajaan.

5. PERTANYAAN-PERTANYAAN

5.1 **Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Lisan (Hari Pertama)**

Setiausaha Dewan: Perkara kelima, Pertanyaan-Pertanyaan. Pertama, Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Lisan (Hari Pertama).

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Dipersilakan Yang Berhormat ADUN Palong.

Y.B. ADUN Palong: Assalamualaikum w.b.t. dan salam 1Malaysia. Dato' Yang Dipertua, soalan No. 1.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, sistem bekalan air di Gugusan Felda Palong ini telah pun diberikan perhatian yang khusus oleh pihak berkuasa khususnya oleh pihak Syarikat Air Negeri Sembilan. Semenjak sebelum dikorporatkan lagi, Syarikat Air Negeri Sembilan yang merupakan Jabatan Bekalan Air Negeri Sembilan pada ketika itu, menerima banyak laporan dan jugak banyak rungutan daripada penduduk di kawasan Palong dan di kawasan-kawasan sekitar khususnya di kawasan Daerah Jempol, pada masa-masa yang lepas. Maka suatu telan, pelan tindakan telah pun dibuat untuk memastikan supaya masalah yang dihadapi oleh penduduk khususnya di kawasan, kawasan di Felda Gugusan Palong dan kawasan-kawasan di Daerah Jempol dapat diatasi dengan secara baik. Alhamdulillah, sejak dikorporatkan Jabatan Bekalan Air yang menjadi Syarikat Air Negeri Sembilan, pelan tindakan tersebut telah dapat diuruskan dengan baik. Dan beberapa pelan tindakan telah pun dibuat khusus untuk kita menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh penduduk kawasan Gugusan Palong, masalah air.

Masalah air di kawasan Palong ini dia ada beberapa bentuk, Dato' Yang Dipertua. Secara hari biasanya, tidak banyak masalah yang dihadapi oleh kawasan, penduduk kawasan Palong ini, berkenaan dengan bekalan air. Kadang-kadang terputus dua tiga hari adalah disebabkan oleh paip-paip yang pecah. Maka kita telah pun membuat beberapa program pelan tindakan untuk kita dapat mengatasi masalah tersebut. Masalah yang runcing, yang rumit dihadapi oleh penduduk kawasan tersebut apabila ia, ataupun berlaku pada musim-musim perayaan. Apabila musim perayaan berlakulah masalah ini kerana penggunaan air

tersebut amat tinggi dibandingkan dengan hari-hari biasa. Jadi, tekanan menjadi rendah dan apabila tekanan menjadi rendah, maka kawasan-kawasan di hujung-hujung paip-paip yang menyalurkan bekalan air bersih kepada penduduk tidak mendapat bekalan. Juga berlaku apabila berlaku banyak permintaan ataupun penggunaan air, maka tekanan jugak menjadi rendah, kawasan-kawasan tinggi menjadi masalah kerana tekanan yang rendah tak dapat menyalurkan ataupun membawak air sampai ke kawasan yang kedudukannya tinggi.

Ini telah kita kenal pasti, maka kita telah pun mengambil beberapa langkah untuk kita mengatasi masalah ini dengan segera. Alhamdulillah, kita telah pun, SAINS dengan bantuan daripada Perbadanan Aset Air Berhad yang telah pun diluluskan oleh Suruhanjaya Pengurusan Air Negara, yang mana Negeri Sembilan merupakan negeri yang pertama menjalankan kerjasama pengurusan air di negara ini bersama-sama dengan Kerajaan Persekutuan, telah pun dapat peruntukan-peruntukan yang besar-besar, untuk kita mengatasi masalah yang dihadapi oleh bukan sahaja penduduk di kawasan Palong, Gugusan Palong, tapi di Negeri Sembilan khususnya.

Beberapa pelan tindakan telah pun dibuat khususnya menggantikan paip-paip lama. Paip-paip lama yang selalu pecah ini Dato' Yang Dipertua, merupakan masalah yang besar, yang dihadapi oleh SAINS, yang dihadapi oleh Jabatan Bekalan Air dulu. Di mana apabila paip ini pecah, ia terpaksa ditukarkan dan ia mengambil masa, dan kadangkang apabila paip pecah ini tidak diurus dengan segera, ia menyebabkan bekalan air terputus lama. Dan bila dibaiki pun jugak, untuk kita memulihkan sistem tersebut, untuk menyalurkan air, bekalan air bersih, mengambil masa yang lama jugak.

Jadi alhamdulillah, paip-paip telah mula ditukar di kawasan-kawasan Palong ini, dan paip-paip besar yang telah pun kita tukarkan telah pun dapat mengatasi masalah tekanan yang berlaku pada ketika-tika dulu. Dan yang penting sekali ialah paip-paip ini tidak pecah lagi. Masih ada jugak kawasan yang tinggi, yang dulunya menghadapi masalah air, yang tidak mendapat bekalan jugak telah pun kita dapat atasi. Yang mana kita meletakkan tangki-tangki air yang boleh memberikan tekanan baru kepada kawasan-kawasan yang di hujung-hujung. Yang kawasan Palong 7 misalnya, kita letakkan satu tangki air yang boleh muat lebih kurang 2,000 gelen. Yang mana ia boleh beri tekanan baru dan dapat menyampaikan tekanan tersebut ke kawasan yang lebih jauh, dan kawasan-kawasan yang tinggi kedudukannya daripada kawasan muka bumi yang biasa.

Jadi, alhamdulillah, ini telah dapat kita jalankan. Dan beberapa tahun kebelakangan ini khususnya pada musim perayaan yang baru ini, Hari Raya yang baru ini, kita dapat, dapati bahawa masalah yang dihadapi oleh penduduk Palong ini telah dapat kita kurangkan. Masih ada jugak lagi kawasan-kawasan yang mempunyai masalah, tetapi ianya tidaklah seperti masalah yang dihadapi sebelum kita membuat program pemulihan dan pembaikan yang telah pun kita lakukan sejak SAINS ditubuhkan, Dato' Yang Dipertua. Khusus, kita berbelanja sebanyak lebih kurang [RM]5.2 juta untuk kita menambah baik dan menaik taraf sistem kolam Palong 4 dan 5, dan jugak 6. Menaik taraf sistem pengepaman di Palong 7 dan 8. Dan jugak membaik pulih dan menaik taraf sistem di kolam Palong 2. Ha, ini semua merupakan langkah-langkah yang diambil oleh SAINS untuk kita pastikan supaya kolam-kolam yang dahulunya, dulu ni banyak dibuat *by-pass*, Dato' Yang Dipertua, dengan izin ya, dia, dia kolam kadang kolam dulu masa Jabatan Bekalan Air dulu, banyak kolam ni tidak berfungsi. Sepatutnya kolam ini merupakan satu kolam yang boleh berfungsi yang boleh memberi tekanan yang baru kepada kawasan sekitar tetapi dulu disebabkan oleh beberapa faktor yang tidak kita ketahui, kolam-kolam ini di, di *by-pass*-kan, tidak digunakan. Dan sekarang semua kolam-kolam ini telah kita perbaiki dan kolam-kolam ini telah pun berfungsi. Dan ia dapat memberikan kemudahan untuk bekalan air kepada penduduk kawasan sekitar. Dan alhamdulillah, langkah ini telah dapat memberikan keadaan yang selesa kepada pengguna khususnya apabila hari hujung minggu ataupun musim-musim perayaan.

Dalam pada itu jugak Dato' Yang Dipertua, SAINS dengan kerjasama PAAB (Pengurusan Aset Air Berhad) Negara telah pun membuat program untuk kita menambah baik dan membaik pulih loji-loji rawatan air. Kita dah ada paip baru, kita sedang dan jugak akan menaik taraf paip-paip yang lama, yang 40 tahun lamanya. Paip-paip ini Dato' Dipertua, dah 40 tahun lamanya. Paip *asbestos cement* ini dulu, *AC pype* ni dulu dia dah 40 tahun. Kadang-kadang dia punya simen tu dah tak ada lagi dah, tinggal dia punya, dia punya wayar-wayarnya saja tinggal dalam tanah tersebut. Itu sebabnya bila musim hujan sedikit, apabila tekanan berubah, tekanan tinggi sikit, paip akan pecah. Kita sedang mengganti, mengambil langkah mengganti paip-paip yang lama-lama ini. Ada yang dah berumur hampir 50 tahun paip ni. Sekarang kita gantikan daripada *AC pype* ataupun *asbestos cement pype* ini kepada *mild steel pype*. Paip besi yang mana ia boleh tahan lama dan dia tidak tidak senang pecah. Kita gunakan paip besi, *mild steel pype* ini, dengan izin, di seluruh Negeri Sembilan. Tetapi ia, kita buat secara berperingkat-peringkat kerana ia memakan belanja yang amat tinggi. Menukar paip saja di seluruh Negeri Sembilan ini, Dato' Yang Dipertua, memerlukan hampir [RM]1 bilion. Tetapi kita buat secara ber,

berhemah, dan juga kita buat berperingkat-peringkat. Dan kita kenal pasti kawasan mana yang perlu kita tukar paip dulu, kerana kita dapat daripada rekod yang ada di dalam SAINS, kita dapati ada kawasan-kawasan yang selalu sangat paipnya pecah. Maka kita akan ganti paip tersebut di kawasan tersebut.

Paip dah kita ganti, kolam takungan dah kita pulihkan semula. Sekarang ini timbul pulak soal bekalan air dia. Mana nak dapat bekalan? Kerana paip dah besar. Takungan dah ada. Tekanan dah boleh dibuat, kita buat *pressure valve* pun ada, semua ada, kita buat. Jadi, langkah seterusnya ialah untuk kita menambah bekalan air yang dirawat. Yang boleh dikeluarkan oleh loji-loji rawatan. Oleh sebab itu, dua loji rawatan air, LRA (Loji Rawatan Air) di kawasan Jempol telah pun dan sedang kita baik pulih iaitu loji di Jempol dan Jelai. Yang mana seluruh kawasan Jempol dan jugak majoriti di kawasan Kuala Pilah, Daerah Kuala Pilah adalah berpunca daripada dua loji rawatan air ini Dato' Yang Dipertua. Iaitu loji rawatan di Jelai, Loji Rawatan Air Jempol. Yang mana kedua-dua loji rawatan air ini telah pun kita buat program pemulihan dan penaiktarafan yang telah pun, dan akan selesai tak lama lagi, iaitu menambah kapasiti dia. Iaitu dengan menambah keupayaan loji-loji ini untuk merawat air harian untuk kita hantar ke kawasan-kawasan di dua-dua daerah ini, iaitu di Jempol dan jugak di Kuala Pilah.

Loji Rawatan Air Jempol dan, yang mana kapasiti 12 juta gelen satu hari dulu, sedang kita baik pulih, naik taraf, akan menjadi sebagai loji yang boleh merawat air sebanyak 25 juta gelen satu hari. Lori, loji yang lagi satu pun bagitu, daripada 8 juta gelen sehari kepada 12 juta gelen sehari. Jadi, kita berharap, apabila siap kedua-dua loji air ini, loji rawatan air ini kelak, boleh kali hujung tahun ini ataupun tahun depan, maka masalah yang dihadapi oleh penduduk di kawasan Jempol, bukan saja di Palong, tetapi di kawasan Jempol akan dapat kita kurangkan. Masalah tu kadang-kadang tetap ada. Apabila masalah paip pecah dan yang lain-lain lagi.

Dulu, ataupun sekarang ini Dato' Yang Dipertua, kita mengambil pulak air daripada loji rawatan di Bera, di Pahang, untuk kita memberikan bekalan air di kawasan Serting. Apabila siap dua loji rawatan air ini, kita naik taraf, dan kapasitinya dapat kita tingkatkan kepada dua kali ganda, maka urusan membeli air daripada loji rawatan air di Bera ini jugak akan kita berhentikan. Kadang-kadang orang di Serting pun menghadapi masalah, kita pun tak tahu sebab. Boleh jadi loji rawatan air di Bera tu dibuat penyelenggaraan dan macam-macam lagi. Jadi, ini nanti Dato' Yang Dipertua, siap dan dinaiktarafkan dan digandakan kapasiti loji rawatan air ni nanti, paip-paipnya telah pun kita tukar

secara beransur-ansur. Dan kolam-kolam takungan yang dulu tidak berfungsi, kita naik taraf dan baik pulihkan, maka wujudlah satu situasi di mana tidak akan timbul lagi masalah tekanan yang rendah, bekalan air yang tidak cukup, dan paip yang pecah.

Jadi ini tiga perkara yang rumit, tiga perkara yang menjadi masalah besar yang dihadapi dulu. Iaitu paip pecah, kolam takungan tidak berfungsi dan apabila orang balik ramai, kita tak cukup air. Tekanan dia rendah, apabila tekanan rendah, seluruh kawasan akan menjadi masalah. Dan apabila kita bekalkan air, kita tinggikan dia punya tekanan, paip-paip lama akan menjadi pecah. Jadi, ini masalah Dato' Yang Dipertua. Dan kita harap apabila kita punya pelan pembangunan dan jugak pelan untuk kita menyelesaikan masalah perbekalan air terawat di kawasan, bukan saja di kawasan-kawasan Jempol, Kuala Pilah, tetapi seluruh Negeri Sembilan, berjalan dengan baik Dato' Yang Dipertua, inshaa allah masalah yang dihadapi oleh penduduk terutamanya masalah mendapatkan bekalan air bersih dan terawat di Negeri Sembilan akan dapat kita selesaikan tidak lama lagi. Inshaa allah, terima kasih.

Y.B. ADUN Palong: Boleh *Speaker*? Terima kasih. Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua. Budaya positif masyarakat Palong ni, anak-anak dia suka balik kampung. Jadi hujung minggu, cuti berkembar, perayaan, terutama sekali Hari Raya Aidilfitri, kemuncak saya fikir. Ada tak kajian dibuat oleh kerajaan berkaitan dengan waktu puncak penggunaan keseluruhan air di Gugusan Felda Palong? Dan adakah perancangan dibuat oleh kerajaan bagi sampai ke tahap tersebut dan berapa implikasi kewangan yang digunakan oleh kerajaan?

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, berkenaan dengan sikap positif anak-anak kita balik ke kampung, bertemu dengan ibu bapak, bersama dengan keluarga hujung minggu, dan jugak musim-musim perayaan itu adalah merupakan satu budaya yang amat baik, khususnya di Negeri Sembilan. Dia 'dokek' Dato' Yang Dipertua, 'dio' 'kojo' 'Kelumpo', hujung minggu dia baliklah, terutama jalan dah elok sekarang kan. Jalan Bukit 'Putuih' tak 'putuih' lagi. Dah elok. Dia balik kampung. Itu sebab hari minggu, kadang-kadang kalau balik Kuala Pilah, 'sosak', *jam*. Itu menunjukkan ekonomi Kuala Pilah dan Pantai Timur ataupun wilayah Negeri Sembilan Timur ni memang dah bagus. *Jam*, Kuala Pilah *jam*, mana *jam*, kita sedang perhatikan jugak masalah tersebut. Berkenaan dengan penyuraian trafik di kawasan tersebut. Kita sedang merangka untuk kita buat *Kuala Pilah by-pass*. Macam-macam.

Tapi, persoalan, ataupun soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Palong tadi, apakah kerajaan telah pun membuat satu kajian terperinci berkenaan dengan waktu puncak ini? Ya. Seperti yang saya sebutkan tadi, kita kaji apa sebabnya masalah air ini berlaku. Berlakunya adalah disebabkan oleh penggunaan yang tinggi di waktu-waktu yang kita telah kenal pasti. Di hujung-hujung minggu, di musim-musim perayaan, khususnya di hari raya dan perayaan-perayaan yang lain. Penggunaannya mendadak tuan, Dato' Yang Dipertua. Penggunaannya jauh lebih banyak daripada hari biasa. Boleh jadi sebagai satu kali ganda banyaknya kadang-kadang. Jadi ini telah pun kita kenal pasti. Apabila dia, penggunaan dia banyak Dato' Yang Dipertua, dengan bekalan yang tidak dibuat daripada kolam takungan yang berhampiran, kita mengambil terus daripada loji rawatan air, yang mana dulu ni masalah kita, masalah dalaman, di mana banyak yang kita buat *by-pass*, seperti yang saya sebutkan tadi, dia tidak ambil dari, daripada kolam takungan tapi diambil terus, apabila banyak penggunaannya maka seluruh sistem itu, daripada pangkal sampai ke hujung mengalami tekanan yang banyak iaitu dia akan mengurangkan tekanan sebab penggunaan banyak. Banyak orang bukak paip, dia menurunkan tekanan. Kadang-kadang daripada tiga bar turun kepada setengah bar. Bila jadi setengah bar ini Dato' Dipertua, memang kita tidak akan dapat memberikan penghantaran air sampai ke kawasan yang hujung. Kadang-kadang tak sampai 50 peratus. Lagi 50 peratus perjalanan paip tersebut, hujungnya memang tidak akan ada air. Jadi, ini telah kita buat kajian, kita dapati di hujung minggu Dato' Dipertua, di musim-musim perayaan, kadang-kadang, sekarang ni musim-musim orang kenduri kahwin, dan macam-macam lagi, kita dapati khususnya hujung minggu dan musim perayaan ni memang penggunaan dan permintaan untuk air yang terawat ini memang banyak. Kadang-kadang sampai satu kali ganda.

Tetapi alhamdulillah, seperti yang saya sebutkan tadi, kita telah pun dapat memulihkan sistem paip yang lama kepada paip yang baru kita ganti. Kita telah pun memulakan dan hampir siap, dah siap agaknya paip yang besar, yang berukuran 1.2 meter. Kita buat jajaran daripada kawasan di Palong tersebut sampai daripada Gemas, kita telah buat sampailah nanti kita sambungkan ke loji rawatan air yang baru, yang mana paip ini adalah merupakan paip yang besar dan boleh menampung permintaan daripada seluruh kawasan Gugusan Palong dan jugak kawasan-kawasan yang berhampiran dan di sekitar kawasan tersebut. Jadi bila, khususnya Dato' Yang Dipertua, siap loji rawatan air yang kita naik taraf, siap loji rawatan air yang nak kita lipat gandakan dia punya bekalan ini nanti, kapasitinya Dato' Yang Dipertua, seperti yang saya sebut tadi, daripada 12 juta gelen sehari kepada 25 juta gelen sehari, dan loji yang lagi satu daripada 8 juta gelen sehari kepada 12

juta gelen sehari, isu untuk kita menghadapi masalah permintaan yang tinggi di musim-musim perayaan dan kawasan yang lain tidak akan timbul.

Lagi satu Dato' Dipertua, dulu kita tidak ada sistem yang mana kalau orang mintak banyak air ataupun permintaan air tu banyak, kita bukak secara manual begitu saja, jadi tekanan dia akan tinggi, tinggilah masa hujung minggu. Tapi kita lupa nak tutup, bila hari Isnin orang dah balik, tekanan, permintaan tak ada, tekanan dia tinggi, permintaan tak ada, dia akan, paip-paip lama akan meletup. Dia akan pecah. Ha, jadi sekarang kita ada apa yang dipanggil sebagai *valve*, *valve* yang dia secara automatik dia akan mengawal tekanan itu sendiri. Banyak dah kita buat di Palong ni. Dan ia mem, dia memerlukan kos yang tinggi untuk kita buat. Tetapi alhamdulillah-lah, kerana disebabkan oleh kita nak lihat supaya kita punya perkhidmatan untuk bekalan air ini dapat kita beri dengan baik kepada orang ramai, SAINS mengeluarkan belanja yang amat banyak. Kita meletakkan apa yang dipanggil sebagai injap-injap yang secara automatiknya akan mengurangkan ataupun meninggikan tekanan air di satu-satu kawasan. Dia secara automatik dia berlaku. Dan banyak dah kita buat, dan dia punya keputusan daripada kajian kita, ia amat membantu SAINS di dalam urusan untuk mengurangkan paip-paip yang pecah, tetapi jugak, dalam masa yang sama jugak ia akan dapat memberikan sistem tekanan yang bersesuaian pada satu-satu ketika. Yang mana ia adalah merupakan sistem pengurusan tekanan yang dibuat secara automatik. Dato' Yang Dipertua, terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Soalan seterusnya.

Y.B. ADUN Palong: Soalan nombor 2 boleh *Speaker*? Dato' Yang Dipertua, soalan yang kedua.

Y.B. ADUN Labu: Dato' Yang Dipertua, bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat ADUN Palong, sukacita dimaklumkan selaras dengan Dasar Agromakanan Negara, Dasar Ternakan Negeri Sembilan telah diselaraskan untuk menyokong Dasar Pembangunan Nasional serta Wawasan 2020. Antara dasar-dasar yang diketengahkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar dalam memajukan pembangunan industri ternakan di Negeri Sembilan adalah seperti berikut. Yang pertama, mensasarkan pembangunan industri ternakan di Negeri Sembilan ke arah usaha-usaha menjayakan sasaran bagi mencapai keperluan sara hidup dan lebihan untuk eksport. Yang

kedua, membangunkan dan memperkukuhkan pembangunan industri penternakan berasaskan lebih kompetitif. Dan yang ketiga, memoden dan mentransformasikan industri penternakan secara mampan.

Bagi pelaksanaan program-program di bawah Dasar Penternakan, Negeri Sembilan berhasrat untuk mencapai matlamat-matlamat seperti berikut. Pertama, membantu dalam meningkatkan daya pengeluaran ternakan bagi mencapai pertambahan *output* oleh golongan penternak sehingga mencapai taraf komersial. Yang kedua, memesatkan kecekapan dan mempelbagaikan usaha-usaha di semua peringkat industri ternakan serta industri-industri yang berhubung kait dengannya. Dan yang ketiga, mempergiatkan usaha-usaha ke arah pertambahan pengeluaran sumber bekalan makanan dari subsektor ternakan bagi memenuhi keperluan dalam negeri dan eksport serta menentukan para pengguna memperoleh makanan dalam keadaan bersih, bermutu dan selamat digunakan serta selamat dimakan.

Dato' Yang Dipertua, antara perancangan kerajaan bagi menambah pengeluaran daging ayam adalah dengan mengadakan transformasi pengurusan ternakan ayam. Tujuan transformasi ini diadakan adalah untuk, pertama, meningkatkan sumbangan industri ayam kepada pendapatan dan ekonomi negara. Yang kedua, menjana peluang perniagaan dan pekerjaan. Yang ketiga, meningkatkan pendapatan pengusaha, pekerja dan menyediakan perkhidmatan berterusan supaya mencapai pendapatan tinggi. Keempat, menjamin bekalan ayam mencukupi dan berterusan dengan harga yang berpatutan serta memenuhi kehendak pengguna dari aspek halal, kualiti dan keselamatan makanan. Dan yang kelima, memacu pembangunan industri bagi memastikan Malaysia sebagai pembekal produk makanan halal yang penting di pasaran global.

Bagi menambah lagi pengeluaran daging ayam di Negeri Sembilan, pendekatan strategi juga telah dan sedang dilakukan. Antaranya, menyediakan kawasan baru sebagai Kawasan Strategik Industri Ayam. Kawasan baru ini disediakan untuk mengeluarkan ayam secara berintegrasi, setempat dan berteknologi tinggi. Dengan kata lain, kawasan ini adalah kawasan ternakan ayam berpusat di mana dilengkapi dengan meliputi kilang makanan ayam, ladang ayam komersial, pusat penyembelihan dan pemprosesan serta pusat perkhidmatan. Tujuan pemusatan adalah untuk mengurangkan kos, menghasilkan produk yang kompetitif serta meningkatkan kecekapan pencapaian perkhidmatan. Penubuhan ini membolehkan produk kawasan ini menjurus kepada eksport. Di samping eksport ianya juga

merupakan kaedah pengendalian *Strategic Buffer Stock System*, dengan izin, dalam usaha menjamin bekalan tempatan.

Kaedah pelaksanaannya adalah melalui kerjasama kerajaan dan pihak swasta. Penyediaan kawasan dan infrastruktur asas disediakan oleh kerajaan manakala pelabur melalui pihak swasta. Adalah dijangkakan konsep ini mampu menarik pelabur luar negara. Penglibatan pelabur luar negara akan boleh memudahkan lagi produk menembusi pasar eksport. Sekian Yang di, Yang amat, Yang Dipertua.

Y.B. ADUN Palong: Dato' Yangn Dipertua, soalan tambahan. Isu kekurangan bekalan ayam di waktu hari-hari perayaan, dan juga di hari-hari orang menerima menantu, selalunya menjadi isu yang berulang. Seheinggakan timbul keresahan di kalangan rakyat. Apakah tidak ada perancangan di buat oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini atau kerajaan tidak ada kajian berkaitan dengan keperluan sebenar berdasarkan rekod-rekod yang disimpan oleh kerajaan di mana rakyat menggunakan bekalan tersebut pada waktu-waktu puncak penggunaannya. Soalan saya, apa kajian yang dibuat oleh kerajaan ini, berkaitan dengan waktu puncak penggunaan daging ayam dan apa tindakan yang dibuat oleh kerajaan bagi mengatasinya?

Y.B. ADUN Labu: Dato' Yang Dipertua, memanglah apabila sampai waktu perayaan seperti Hari Raya Puasa ya, maka permintaan ayam begitu banyak sekali kerana maklumlah pada perayaan ini, sudah tentulah ya, masyarakat, rakyat ya, memerlukan daging ini untuk menyambut hari perayaan. Tetapi dalam masa yang sama jugak, untuk Negeri Sembilan ya, saya suka menyatakan di Dewan ini bahawa pengeluaran ataupun bekalan ayam sebenarnya mengikut statistik, kita melebihi malah kita juga ya, menjadi kepada pembekal ayam yang berlebihan ini kepada negeri-negeri lain. Dalam soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat ADUN Palong tadi, yang mengatakan bahawa kajian, sebenarnya bekalan ayam ini apabila sampai hari perayaan, dia sebenarnya adalah merupakan barang keperluan yang dikawal oleh Kerajaan Pusat ya. Jadi bagi Negeri Sembilan, kajian ini saya rasa ianya sudah melebihi daripada pengeluaran, sudah tentu tidak akan berlaku di Negeri Sembilan. Tetapi saya yakin dan percaya bahawa Kerajaan Pusat sebenarnya dalam masa-masa perayaan dia sentiasa memastikan bahawa bekalan ini cukup dan sekiranya berlaku kekurangan sudah tentulah ada ya, bekalan ini yang diimport masuk ke dalam negara. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

Y.B. ADUN Palong: Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 3.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, adalah menjadi dasar Kerajaan Negeri Sembilan untuk melihat Negeri Sembilan menjadi sebagai sebuah negeri yang dapat memacu ekonomi kita berasaskan kepada perindustrian. Ini adalah disebabkan oleh banyak faktor. Faktor-faktor di mana faktor kedudukan kita yang berhampiran dengan Lembah Klang. Kedudukan Negeri Sembilan berhampiran dengan lapangan terbang. Kedudukan Negeri Sembilan berhampiran dengan pelabuhan, air, iaitu di kawasan *Port Klang*. Dan jugak beberapa lagi kelebihan yang mana dapat kita raih dan menjadikan ianya sebagai satu sumber kekuatan kita untuk kita dapat menarik seberapa ramai, seberapa banyak pelabur datang melabur di Negeri Sembilan. Dan adalah dinyatakan di sini bahawa ekonomi Negeri Sembilan banyak sangat, terlalu banyak bergantung kepada ekonomi yang berasaskan kepada perindustrian, pembinaan dan jugak perkilangan. Jadi, ia merupakan sebagai kita punya periuk nasi kita, industri ini, ataupun dalam Bahasa Inggeris-nya, *our rice bowl*, dengan izin.

Maka, segala usaha memang kita tumpukan untuk kita pastikan supaya usaha menarik pelabur-pelabur datang melabur ke Negeri Sembilan ini terus dijalankan dengan secara yang bersistematik, secara yang baik, agar kedatangan pelabur ke negara kita, ke Malaysia, datang ke Negeri Sembilan. Banyak dah, Negeri Sembilan ni. Kita dapat menjadi sebagai tuan rumah ataupun tempat destinasi pelabur-pelabur antarabangsa, *multinational companies*, syarikat antarabangsa, yang datang melabur di sini. Dan akhir, baru-baru ini sebuah syarikat daripada Perancis melabur dengan begitu banyak, Dato' Yang Dipertua, dalam usaha untuk mengeluarkan barangan yang berasaskan kepada industri, industri kapal terbang. Iaitu mengeluarkan brek, *carbon break*. Dipanggil *Carbon break* ni Dato' Yang Dipertua, dia satu industri teknologi tinggi yang mana dulu kapal terbang *boeing* ataupun *airbus* menggunakan brek untuk 'berghonti' kapal 'teghobang' Dato' Yang Dipertua, walaupun dia ada *reverse turbin* dia itu, kalau turun, tapi nak memberhentikan dia memerlukan brek di tayar dia tu. Dulu satu sistem, satu brek ni, satu set ni Dato' Yang Dipertua, 'bosar-bosar', dia mempakai *hydraulic system*. Yang mana satu set tu lebih kurang hampir 150 ke 200 kilogram satu set kepada satu-satu tayar itu. Tapi sekarang dengan sistem *carbon break* ini yang mana dia pakai dalam *Formula 1*, *carbon break* ni yang boleh mengambil tahan haba yang tinggi sampai 3,000 darjah *celcius*, dia pakai itu. Yang mana daripada 200 kilo tadi, satu, satu set brek ini, dia boleh jadi satu set yang 'kocik' tak sampai pun 20 kilo. Ha, ini satu teknologi yang dijalankan oleh syarikat-syarikat kapal terbang *boeing* dan jugak *airbus*, yang telah

menggunakan sistem ini. Dan dia boleh dapat mengurangkan keberatan kapal terbang dan dia boleh menambah *loading* untuk dia punya kargo ataupun penumpang. Kita bera, bertuah dapat pelaburan itu di Sendayan. Boleh jadi, inshaa allah, lagi dua minggu ke tiga minggu, kita akan dapat lagi satu pelaburan daripada Amerika Syarikat. Pelaburan yang berasaskan kepada industri pemakanan yang akan melabur dengan jumlah yang besar jugak.

Tetapi soalan yang ditimbulkan, yang dibuat, yang dibawak oleh Yang Berhormat Palong tadi, memang beliau mewakili kawasan Palong. Dia nak tahu, Yang Berhormat daripada Palong nak tahu apakah usaha kerajaan nak membawak industri ke kawasan Negeri Sembilan Timur. Memang kita, Dato' Yang Dipertua, kita tidak jugak menumpukan satu-satu kawasan ataupun pelaburan itu di satu-satu kawasan tertentu saja. Tetapi Dato' Yang Dipertua, kita mempunyai pelan tindakan perindustrian di dalam Negeri Sembilan. Kita dah ada *blue print*, kita dah ada kita punya pelan tindakan ekonomi kita yang mana kita nak bagi-bagikan jugak pembangunan di Negeri Sembilan ini secara purata. Kita tak boleh memberatkan di satu kawasan dengan membiarkan satu kawasan yang lain. Itu bukan kita punya tujuan. Kita nak lihat supaya seluruh kawasan di Negeri Sembilan ini dapat dibangunkan secara seimbang tetapi dengan satu *qualification*, Dato' Yang Dipertua, dengan izin, kita jugak menghadapi dan memahami apa yang di, dilihat oleh pihak pelabur itu sendiri. Adalah susah untuk membawak pelabur datang ke, nak melabur di Jempol, nak melabur di Jelebu, nak melabur di Kuala Pilah kerana dia seperti yang saya sebutkan tadi, nombor 1, *consideration*, ataupun pertimbangan pelabur ini Dato' Yang Dipertua, dia nak dekat dengan kawasan-kawasan kemudahan seperti lapangan terbang. Dia nak dekat dengan kawasan-kawasan seperti dengan ibu negara. Dia nak dekat dengan kawasan-kawasan kalau dia punya barangan ini, produk yang dikeluarkan itu berasaskan kepada hampir keseluruhannya untuk dieksport, dia nak dekat dengan pelabuhan. Jadi, kalau kita buat jauh daripada pelabuhan, dia tidak akan mendatangkan apa-apa faedah, mah, balah, malahkan ia akan impak kos, kos *transport* ataupun kos pengangkutan itu akan menjadi masalah kepada mereka.

Walaupun begitu Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri tidak berdiam diri. Kita jugak mahu pastikan supaya kawasan di Negeri Sembilan Timur iaitu di kawasan Kuala Pilah, Jempol dan Jelebu ini, terus mendapat pembangunan. Tetapi pembangunan yang dilakukan di kawasan-kawasan ini adalah berasaskan kepada pembangunan yang berinstitusi. Kita juga mesti ambil maklum Dato' Yang Dipertua, bahawa Kuala Pilah, Jempol dan Jelebu ini adalah merupakan kawasan, kawasan apa yang dipanggil sebagai kawasan punca air. Dia

merupakan kawasan punca air. Banyak kawasan di bukit-bukit dan jugak merupakan kawasan sumber air. Jadi, dia merupakan kawasan *upstream*, dengan izin. Sebarang apa sahaja bentuk pembangunan yang nak kita lakukan terutamanya industri perkilangan yang nak kita lakukan, di kawasan *upstream* mesti berhati-hati. Walau macam mana baik pun sekali sistem kumbahan yang dibuat oleh syarikat-syarikat ini, tetapi kita tidak mahu berhadapan dengan risiko pada masa depan. Kerana sumber air bersih, sumber air minuman yang kita, di Negeri Sembilan ini 100 peratus berasaskan kepada air di bawah tanah. Sungai kita. Jadi kita tidak jugak mahu melakukan sesuatu yang mana pada satu ketika nanti kita akan berhadapan pulak dengan risiko pencemaran alam khususnya kepada sumber minuman kita. Jadi, kita buat.

Sekarang ni dah menjadi sebagai, seolah-olah dasar yang belum lagi kita dasarkan, tapi dasar kita di Kerajaan Negeri Sembilan, industri berat dan industri-industri yang besar-besar ni kita buat di kawasan hiliran. Kawasan seperti di Sendayan dan tak lama lagi kita akan bukak lagi satu kawasan yang besar, *industrial park* kerana *industrial park* di Negeri Sembilan ni dah tak mencukupi. Di Nilai hampir penuh. Di Senawang dah penuh. Taman Tuanku Jaafar dah penuh. Di Enstek hampir penuh. Kita perlukan satu kawasan industri yang lebih besar untuk kita mengalu-alukan kedatangan pelabur-pelabur baru di kawasan *downstream* Dato' Yang Dipertua. Saya tak boleh cakap di manalah, nanti banyak orang pulak *speculate, speculate* beli tanah beli apa. Jadi, kawasan yang *downstream*-lah, maknanya bukan di *upstream*.

Tetapi walaupun begitu, kita tidak akan melupakan kawasan di kawasan *upstream* ini. Kita akan buat jugak pembangunan tapi pembangunan berasaskan institusi, universiti-universiti, IPTA, IPTS, kawasan industri yang berasaskan kepada perkayuan, kawasan industri yang berasaskan pemakanan, pengeluaran makanan. Itu industri yang boleh kita buat di sana, dan kita sedang buat. Untuk pengetahuan Dato' Yang Dipertua, dan Dewan yang mulia ini, pada tahun 2012 sahaja, pelaburan yang telah pun dilakukan di kawasan Jempol saja Dato' Yang Dipertua, sebanyak [RM]42.2 juta. Ha, ini industri-industri yang berasaskan kepada industri ilmu. Kita bukak institut pengajian tinggi misalnya. Kita bukak kawasan industri pelancongan misalnya. Kita bukak industri-industri yang boleh dikategorikan sebagai industri yang tidak datangkan pencemaran, yang boleh dijadikan sebagai kawasan selamat untuk kita jadikan ia kawasan tadahan air kita. Kawasan yang mana menjadi huluan kepada sumber air yang kita ambil daripada sungai yang mana kita takut kalau apa-apa terjadi nanti, terjadi kumbahan yang boleh meresap sampai ke bawah tanah, bahan-bahan kimia yang merosakkan kesihatan, ia akan

menyebabkan masalah kesihatan yang amat besar kepada kita pada masa-masa depan. Dato' Yang Dipertua, terima kasih.

Y.B. ADUN Palong: Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Biasanya kita menjual tanah industri ini, pelabur-pelabur akan tanya berapa sekaki persegi, ataupun satu meter persegi tanah yang boleh kita tawarkan pada mereka. Dan ini akan menjadi indikator untuk mereka buat keputusan. Saya ingin bertanya pada kerajaan, adakah kerajaan sudah menyediakan satu kawasan industri di Jempol yang siap dengan infrastrukturnya, yang boleh kita ukur berapa nilai satu kaki persegi ataupun satu meter persegi, supaya dapat kita jual tanah ini kepada pelabur-pelabur dan mereka boleh melabur di kawasan ini dengan kilang-kilang yang selamat? Banyak tajuk-tajuk kilang yang selamat yang boleh kita labur kerana kilang ada hubung kaitnya dengan peluang-peluang pekerjaan.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, seperti yang kita sebut, yang saya sebutkan tadi, di Negeri Sembilan ini kita mengkategorikan kita punya pembangunan. Memang kita, saya katakan tadi, tetapi nak membawa industri berat ke kawasan hulu memang, *doesn't make sense*, dengan izin Dato' ya, *very difficult for us to sell Negeri Sembilan for people open up their factory in Jempol*. Dengan izin, diorang datang ke Negeri Sembilan ini sebab dia kawasannya dekat dengan *airport*, *expatriate* dia boleh duduk di Kuala Lumpur. Dia punya tenaga kerja, dan jugak tenaga mahir dia, dan macam-macam lagi *concoideration*-lah, pertimbangan Dato' Yang Dipertua ya. Tetapi kita sebagai kerajaan, kita akan buat jugak industri-industri pembangunan di kawasan-kawasan yang mana boleh kita bawak. Banyak kita bawak. Kita akan bawak industri pelancongan, industri-industri yang, yang boleh mendatangkan sumber pekerjaan, dan kita ada jugak industri, kawasan di Bahau, ada industri, kawasan industri di Mahsan, dan jugak kawasan di Feldajaya, dia bukak kawasan baru, dan jika didapati masalah nanti, kita jugak akan perhatikan supaya bukak IKS-IKS, industri kecil dan sederhana di sana yang mana boleh memberikan kawasan ataupun tempat untuk peniaga-peniaga, pengusaha-pengusaha kecil dan jugak pengusaha kecil sederhana bukak kawasan mereka.

Di Bahau misalnya, satu kawasan pembangunan baru, kawasan Bandar Baru Bahau sedang, sedang direka bentuk untuk mengelakkan sistem ataupun kesesakan yang di Bahau, kita sedang lulus, kita telah luluskan kawasan apa yang dipanggil jalan, *Bahau by-pass*. Tak payah lagi lalu daripada Bahau kalau daripada Gemas nak pergi ke kawasan Pantai Timur, kita *by-pass* Bahau. Ini sedang kita buat dan sedang kita reka

bentuk. Dan di dalamnya nanti ada jugak kawasan industri untuk, kawasan industri yang mana siapa-siapa yang berminat untuk membuka industri masing-masing boleh datang ke situ. Belum, kawasan Bahau ni, ataupun di kawasan Jempol ni Dato' Yang Dipertua, sebenarnya kalau di Bahau tu Dato' Yang Dipertua, dia punya kedai lebih mahal daripada Seremban kerana kekurangan, kekurangan apa ni, rumah kedai, kekurangan *supply* ya, dengan izin, pembeli banyak, orang di sana merupakan pekebun-pekebun, pengusaha pekebun kecil yang mempunyai sumber kewangan yang baik, yang banyak. Dan itu sebabnya salah satu daripada usaha untuk kita membesarkan Pekan Bahau dan melegakan sistem penyuraian trafik yang sekarang ni sesak setiap minggu, setiap hari, kita buat *Bahau by-pass*. Dan inshaa allah, Dato' Yang Dipertua, kalau diperlukan ataupun wujud keperluan yang mendadak untuk kita memberikan ataupun meletakkan satu kawasan industri, kita akan fikirkan. Tapi yang ada ini dah mencukupi. Dan yang akan dibuat dalam kawasan pembangunan baru di Bahau ni pun mempunyai *content* ataupun kandungan kawasan industri kecil dan sederhana. Dan kawasan-kawasan industri yang difikirkan selamat untuk kita buat ataupun mana-mana orang yang boleh datang ke sana yang tanpa memerlukan sistem pengangkutan yang jauh terutamanya sistem yang berasaskan ataupun berorientasikan eksport ke luar negara, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Saya persilakan Yang Berhormat ADUN Chennah.

Y.B. ADUN Chennah: Dulu Chennah, dulu Lobak sekarang sekarang Chennah. Dato' Yang Dipertua saya kemukakan soalan pertama.

Y.A.B. ADUN Rantau: Saya tak dapat nak jawab soalan ni Dato' Yang Dipertua. Soalannya pencapaian 100 hari Kerajaan Negeri Sembilan. Kalau dalam budaya orang Melayu 100 hari ni orang mati. 7 hari, 40 hari, 100 hari. Dia baca Yasin, baca doa. Ini kerajaan 100 hari apa ada. Kerajaan kita kita sambung dasar apa yang kita buat. Dasar membangunkan Negeri Sembilan. Dasar mensejahterakan rakyat Negeri Sembilan. Dasar untuk melihat supaya Negeri Sembilan terus mencapai pembangunan dan kemajuan yang nak kita capai. Dasar yang akan teruskan, yang mana kita nak lihat supaya mensejahterakan masyarakat ini menjadi agenda utama kita. Dasar yang nak kita lihat supaya orang miskin kita bantu. Dasar yang mana kita nak lihat supaya modal insan diberikan penekanan. Ha, itu sebabnya kita ada dasar pelajaran kita, nak kita jadikan Negeri Sembilan ini sebagai hub

pelajaran. Nak kita jadikan Negeri Sembilan ini sebagai kawasan industri. Nak kita jadikan Negeri Sembilan ini tak terlalu bergantung kepada industri pembuatan sahaja. Nak kita jadikan jugak industri pelancongan sebagai industri yang boleh menambah kepada GDP kita.

Dalam masa yang sama, kita tidak mahu melupakan masyarakat, rakyat yang menjadi sebagai penduduk Negeri Sembilan ini untuk terus kita bantu. Itu sebabnya Dasar Jaringan Keselamatan Sosial, *The Social Safety Net Policy* kita, amat berjaya Dato' Yang Dipertua. Dan kita teruskan. Dan kita akan pastikan supaya mereka-mereka yang layak. Saya sebut di sini ya, mereka-mereka yang layak. Layaknya Dato' Yang Dipertua, atas pertimbangan pendapatan bulanan. Bukan layak kerana dia warna kulit dia hitam, bukan layak kerana warna kulit dia coklat ataupun putih, bukan layaknya kerana dia ugamanya tertentu-terentu, tidak. Layaknya adalah berasaskan kepada pendapatannya. Kalau didapati oleh penyiasat kita, pegawai kita, bahawa mereka ini boleh jatuh dalam kategori yang menerima, layak menerima bantuan, kita bantu. Ha, jadi inilah 100 hari. Tak adalah 100 hari, kalau 100 hari nak, kalau orang mati saja Dato' Yang Dipertua ya, itu sajalah jawapan saya, terima kasih.

Y.B. ADUN Chennah: Dato' Dipertua, soalan tambahan. *I think Yang Amat Berhormat you miss the point.* 100 hari ini dalam dunia politik, semua ada, semua orang tahu. *The first 100 days*, mana-mana ketua kerajaan yang baru, mendapat jawatan ataupun naik dalam jawatan mereka ataupun kerajaan yang mendapat mandat baru selepas pilihan raya, dalam 100 hari pertama itu ada inisiatif-inisiatif baru ataupun pembaharuan-pembaharuan daripada, daripada dulu supaya kita *move forward* ke depan.

Soalan saya ialah, apakah komitmen Kerajaan Negeri untuk membawa pembaharuan terutamanya dalam perjalanan sistem ataupun Persidangan Dewan Undangan Negeri kita. Kerana telah berkali-kali saya telah membangkitkan dan memberi cadangan supaya dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri kita, cara untuk kita bertanya soalan ditukar, bergilir-gilir ha, macam di Parlimen, bergilir-gilir satu ADUN tanya satu soalan, bergilir-gilir. Tadi Yang Berhormat Palong telah lebih satu jam. Yang Berhormat Palong kalau dekat Parlimen tak ada keistimewaan macam tu kan? Yang Amat, Yang Berhormat Palong pun tahu *term* di, di Parlimen. Kerana selepas soalan pertama sahaja dah setengah jam Yang Amat Berhormat beri ceramah air setengah jam.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Soalan dia apa?

Y.B. ADUN Chennah: Soalnya ialah, sama ada, ada tak komitmen untuk membawa pembaharuan, baharu, pemodenan daripada yang dulu, lain daripada yang dulu? Kerana kalau dapat mandat baru, ada satu *term* baru, kita patut memberikan sedikit pembaharuan. Saya nampak dalam Dewan Undangan Negeri ada sedikit pembaharuan, bukan tak ada, dari segi *hardware*. Ada televisyen kat luar, ada komputer kat luar, tetapi yang lebih penting ialah sistem perjalanan dalam Dewan yang mulia ini sepatutnya diberi, dibawa pembaharuan. Kerana tadi tengok, hari ini, satu setengah jam soalan kita, tak sampai tiga ahli Dewan dapat tanya soalan

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, soalan.

Y.B. ADUN Chennah: yang ahli-ahli Dewan lain, tak ada, tak ada peluang

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat Chennah.

Y.B. ADUN Chennah: membawa masalah rakyat di dalam Dewan Undangan Negeri-nya

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat Chennah.

Y.B. ADUN Chennah: tahun depan baru ada, ada, ada peluang. Yang kedua ialah

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat Chennah. Kemukakan soalan tambahan.

Y.B. ADUN Chennah: Soalan saya ialah, soalan kedua ialah, selepas 5 haribulan Mei, Pilihan Raya Yang Ke-13, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bahawa nak *national reconciliation*, tetapi saya nampak Kerajaan Negeri masih meneruskan cara-cara *retalliation* Kata nak *national reconciliation* nak perpaduan, tetapi sehingga sambutan Hari Kebangsaan, ADUN-ADUN Pakatan Rakyat tidak dijemput ke dalam majlis sambutan Hari Kebangsaan. Bagaimana kita nak cakap pasal *national reconciliation* untuk ke depan kalau satu hari yang begitu

utama itu, sambutan Hari Kebangsaan, kita daripada pembangkang daripada Pakatan Rakyat tidak dijemput ke majlis sambutan itu bersama. Apa jawapan daripada Kerajaan Negeri? Terima kasih.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, perjalanan Dewan ini tak ada kena-mengena dengan kerajaan. Dalam Dewan ini Dato' Yang Dipertua-lah. Dato' Yang Dipertua bagi tiga soalan, tiga soalanlah. *Why to do with the government?* Mintak maaflah ya, ya, semua, Dewan ini diurus oleh Yang Dipertua, bukannya oleh kerajaan. Kita semua ahli Dewan. Saya ahli Dewan. Itu sebab orang panggil saya Dewan, ahli Dewan daripada Rantau. Dia tak panggil ahli Dewan Yang Amat Berhormat daripada Rantau. Ya. *I don't mind you calling me* ahli Dewan daripada Rantau sebab dalam Dewan ni semua sama. *So you don't, cannot use, cannot refer the government in this Dewan. This Dewan is solly manage by Dipertua. Don't be soo, soo sore about it,* dengan izin Dato' Dipertua ya.

Pembaharuan, kita bukan kerajaan baru. Kita daripada sejak merdeka. Kerajaan ni sejak daripada merdeka telah membangunkan negara ini. Bukan 100 hari saja macam ada orang nak tunjuk 100 hari. Lepas 100 hari habis semua tipu orang, ya. Lepas daripada 100 hari, lupa segala apa yang telah pun

Y.B. ADUN Chennah: Yang Amat Berhormat, Dato' Yang Dipertua, saya mintak Yang Amat Berhormat tarik balik perkataan "tipu orang" itu. Siapa yang tipu orang?

Y.A.B. ADUN Rantau: Saya tak cakap siapa-siapa

Y.B. ADUN Chennah: Mana ada kerajaan tipu orang.

Y.A.B. ADUN Rantau: Saya tak cakap pun

Y.B. ADUN Chennah: Mana orang? *You* cakap

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat ADUN

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang *you* terasa apasal?

Y.B. Dato' Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat ADUN Chennah.

Y.B. ADUN Chennah: Siapa tipu orang?

Y.B. ADUN Rantau: Saya tak cakap siapa-siapa.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Sila duduk. Silakan. Perkataan itu lebih kepada gambaran.

Y.B. ADUN Chennah: Jangan cakap tipu orang.

Y.A.B. ADUN Rantau: Umum. Saya cakap ada orang.

Y.B. ADUN Chennah: Siapa tu?

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Dia tidak me-*refer* kepada sesiapa. Duduklah.

Y.A.B. ADUN Rantau: Kalau sendiri terasa sendiri makan cili, sendiri terasalah. Saya tak kata siapa pun. Saya tak kata Y.B. daripada Chennah. Saya tak kata kerajaan mana. Saya kata ada orang. Tak tahulah kalau orang terasa, lantak dialah kan. Ada orang lupa Dato' Yang Dipertua dengan, dengan segala propaganda, janji-janji. Kalau menang akan buat itu, ini, habuk pun tadak, ya. Kalau menang buat itu buat ini. Kita tak ada. Kita konsisten Dato' Yang Dipertua. Sejak daripada merdeka tahun 57, Kerajaan Barisan Nasional, dulu Perikatan sekarang Barisan Nasional Dato' Yang Dipertua.

Kita membangunkan negara. Kita mensejahterakan rakyat. Bila kita mula-mula merdeka, Dato' Yang Dipertua, hampir 90 peratus rakyat Malaysia di bawah paras kemiskinan. Hari ini tak sampai 5 peratus Dato' Yang Dipertua. Bukankah itu satu perubahan yang akan kita teruskan, yang saya katakan tadi dasar membangunkan Negeri Sembilan akan kita teruskan di samping kita tidak akan lupa untuk

terus membantu rakyat yang memerlukan bantuan. Ini dasar kita, yang konsisten yang akan kita teruskan. Bukan dasar yang memusim-musim yang nak memikat hati orang tetapi langsung tak dibuat apa-apa. Jadi jangan buat, jangan pening kepala, Dato' Yang Dipertua. Jadi, jangan risau ya. Macam-macamlah kata tadi, apa lagi tanya tadi? Apa lagi tanya tadi? Nak saya jawab. Saya pun dah lupa, sebab 'gogham' saya lupalah.

National reconciliation itu bukan bermakna antara BN dengan Pembangkang. *National reconciliation* antara kaum. Jangan 'kocik' hati pulak tak dibawak berunding ataupun tak dijemput hari merdeka. Besok kalau parti pembangkang, kalau jadi kerajaan pun saya tak kecil hati 'doh'. Saya faham, saya pembangkang, ya, saya faham. Tapi jemput makan pun tak datang. Kadang-kadang marah tak jemput. Tapi jemput makan 'kang', dua meja kosong. Jemput di Istana, jemput, marah, tapi kerusi kosong. Bila tuanku tanya 'kang' kerusi kosong siapa? Tuanku, patik tak payah cakaplah, Tuanku faham. Jangan kadang-kadang menjolok buah tapi kadang-kadang tak 'gheti' nak buat apa. *National con, reconciliation* Dato' Yang Dipertua, *it's got nothing to do with Barisan Nasional* dengan Pembangkang tetapi *it's all about national reconciliation* antara kaum dalam negara ini. Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

Y.B. ADUN Chennah: Pakatan Rakyat mewakili 51 peratus pengundi-pengundi di Malaysia, yang telah memberikan mandat

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Chennah: kepada Pakatan Rakyat. Soalan kedua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Soalan kedua.

Y.B. ADUN Chennah: Sudah tanya, soalan kedua.

Y.B. ADUN Ampangan: Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri tidak memberi subsidi kepada Syarikat City Liner, ya. Sebenarnya bantuan dana kepada syarikat bas berhenti-henti ini adalah insentif Kerajaan Persekutuan melalui SPAD ataupun Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat. Dan bagi memastikan perkhidmatan pengangkutan awam yang

baik dan efisien, Kerajaan Negeri telah bekerjasama dengan SPAD untuk mengkaji laluan semasa isu-isu berkaitan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam di Negeri Sembilan. Dan hasil-hasil kajian yang telah dilaksanakan akan diterjemahkan sebagai program untuk menyediakan sistem penge, pengangkutan awam yang lebih baik dan efisien di Negeri Sembilan. Terima kasih Yang Dipertua.

Y.B. ADUN Chennah: Dato' Dipertua, soalan tambahan. Adakah ker, perancangan Kerajaan Negeri untuk menyediakan ataupun di peringkat Kerajaan-Kerajaan Tempatan, menyediakan perkhidmatan bas-bas mini *shuttle*, untuk kemudahan penduduk-penduduk kampung ke pekan. Kerana kita tahu, walaupun subsidi diberikan kepada syarikat-syarikat bas macam City Liner, mereka ini tidak memberikan tumpuan kepada laluan-laluan sosial, kepada laluan-laluan yang kurang apa, ni, penumpang. Kalau masalah ini tidak diberikan perhatian, mobiliti orang-orang kampung ke pekan ataupun ke bandar itu tersekat. Dan memang masalah ini berlanjutan di kawasan-kawasan kampung, pedalaman ataupun tempat-tempat yang tidak di-*cover* oleh syarikat-syarikat bas. Adalah kita boleh melihat kepada satu cara baru, pendekatan baru di mana pihak Kerajaan Tempatan, Majlis Perbandaran ataupun Majlis Daerah yang mampu supaya memberi beberapa buah *mini bus* ataupun *shuttle bus* ini untuk membawa orang tua, orang-orang kampung. Supaya ada perkhidmatan yang berkekalan seperti itu. Terima kasih.

Y.B. ADUN Ampangan: Yang Dipertua, sebenarnya pihak Kerajaan Negeri memang telah pun ya, bekerjasama dengan SPAD untuk mengkaji keseluruhan sistem perkhidmatan bas ini di seluruh negeri, ya, jadi mungkin ini akan mengambil sedikit masa. Tapi, inshaa allah ya, dengan kerjasama semua pihak, kita akan cuba selesaikan segera perkara ini. Dan mungkin ada jugak satu dua laluan telah pun kita selesaikan, umpamanya di Kuala Klawang dengan, saya lupa, di Kuala Klawang kita dah ada bas tu, mungkin dah, kita dah pun jalankan ya. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih. Seterusnya.

Y.B. ADUN Chennah: Dato' Dipertua, soalan ketiga.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, berkenaan dengan soalan nombor 3 daripada ADUN Chennah. Status ahli Majlis PBT, ketua-ketua kampung dan ahli JKKK lantikan MCA. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, Dato' Dipertua, Kerajaan Negeri pada awal tahun ini, kita telah pun memutuskan bahawa semua penjawat-penjawat, ahli Majlis Daerah, Perbandaran, JKKK, dan jugak yang dilantik Dato' Yang Dipertua, disambung sehingga 31 Disember. Kita masih lagi, ahlinya masih lagi ahli yang sama sehingga 31 Disember ini. Dan terpulanglah apabila tamat tempoh nanti dan apabila sampai untuk kita melantik ahli yang baru nanti, terpulanglah kepada kebiasaan, secara kebiasaan, siapa-siapa yang nak mencadangkan nama siapa-siapa, Kerajaan Negeri, kita terbuka, Dato' Yang Dipertua. Kita terbuka kepada cadangan-cadangan. Bahkan kita mengalu-alukan apa saja cadangan yang dibuat untuk kita pastikan supaya pelantikan ini dibuat dengan baik. Apa yang pasti Dato' Yang Dipertua ialah nama-nama ini akan kita lihat dan kita tapis dan sistem tapisan kita amat ketat. Kita ada buat tiga sistem tapisan, iaitu SPRM, Insolvensi dan jugak dengan pihak Polis Diraja Malaysia. Dan apabila didapati ketiga-tiga pulak la, tapisan ini lulus, maka orang yang didapati sesuai untuk menjawat jawatan ketua kampung misalnya, menjadi JKKK, ahli PBT misalnya, akan kita putuskan selepas itu.

Tetapi berkenaan dengan soalan ahli daripada MCA ini, kita masih lagi, belum lagi kita perbaharui Dato' Dipertua. Ia akan dilakukan pada 31 Disember nanti. Selepas itu nanti, barulah kita boleh tahu sama ada pihak-pihak yang berkenaan ada memberikan cadangan ataupun mencalonkan siapa-siapa. Terima kasih.

Y.B. ADUN Chennah: Dato' Dipertua, soalan tambahan. Pihak MCA telah mengatakan bahawa mereka *resign enblock* peletakan jawatan dalam semua jawatan dalam kerajaan secara *enblock* sama ada jawatan ketua kampung, JKKK ataupun ahli Majlis. Tetapi jawapan yang saya terima, jawapan bertulis yang saya terima mengenai perkara yang sama jugak, hanya 2 orang Pengerusi JKKK dan 13 orang ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan telah meletakkan jawatan secara rasmi sejak 5 Mei 2013. Dan mengikut jawapan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat, maksudnya semua mereka tidak diperbaharui, belum diperbaharui, dan mereka teruskan perkhidmatan mereka sehingga 31 Disember tahun ini. Maka, saya rasa ahli-ahli Majlis, ataupun ni, ahli-ahli JKKK, ketua-ketua kampung MCA inilah yang memperdayakan rakyat. Kerana rakyat pergi cari mereka, mereka kata mereka sudah letak jawatan. Mereka tak ambil gaji. Tak ambil gaji lagi. Tetapi perkara ini nyata bahawa

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, Dato' Yang Dipertua, izinkan saya.

Y.B. ADUN Chennah: mereka masih gaji secara buta tanpa

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Soalan Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Chennah: Soalannya ialah, sama ada mereka ini masih mengambil gaji atau tidak? Kalau mereka masih dalam perkhidmatan, maksud, maksudnya mereka masih mengambil elaun. Elaun sebagai ahli Majlis, elaun sebagai ketua kampung, elaun sebagai ahli JKKK. Tetapi mereka memperdayakan rakyat di luar, rakyat di Kampung Baru, bahawa mereka ini tak ada lagi JKKK.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Soalannya apa Yang Berhormat?

Y.B. ADUN Chennah: Soalannya sama ada mereka ini, elaun-elaun dan keistimewaan-keistimewaan mereka ini masih mereka nikmati sebagai ahli Majlis PBT, dan juga ahli JKKK? Dan sedarkah Yang Berhormat

Y.A.B. ADUN Rantau: Okay, Yang Dipertua

Y.B. ADUN Chennah: Amat Berhormat bahawa mereka ini memberitahu kepada rakyat di Kampung-Kampung Baru, rakyat-rakyat di luar

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua.

Y.B. ADUN Chennah: bahawa mereka tidak memegang jawatan lagi.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, soalnya apa?

Y.B. ADUN Chennah: Soalnya, sedarkah Yang Amat Berhormat bahawa mereka tidak lagi apa ni, tidak lagi berkhidmat kepada rakyat

walaupun mereka masih mengambil elaun dan keistimewaan sebagai penjawat-penjawat awam ini? Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Okay, terima kasih.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, soalan ini, itu bukan soalan tu kena dialog dengan DAP dengan MCA-lah. Jangan dibawak ke sini. Ni Dewan ni Dato' Yang Dipertua, soalan, kita ditanya sama ada dia meletak jawatan. Siapa meletak jawatan kita terimalah. Tak letak jawatan takkan kita nak suruh dia keluar. Ataupun takkan kita nak buang dia. Jadi kalau tak puas hati, terpulanglah, *you see*, mana yang tak letak jawatan, itu pasal, selagi dia tak letak jawatan, selagi dia menjadi ahli Majlis, selagi dia menjadi ketua kampung, kerajaan akan bayar elaun dia. Macam tu, macam

Y.B. ADUN Chennah: Itu gaji butalah.

Y.A.B. ADUN Rantau: Macam jugak ahli Yang Berhormat, selagi tak letak jawatan, YB daripada Senawang. Kata nak letak jawatan dulu, apasal tak letak jawatan?

Y.B. ADUN Temiang: Itu dipilih.

Y.A.B. ADUN Rantau: Selagi yang menjadi apa, kita bayarlah elaun ya. Begitu jugak yang lain-lain. Ketua ketua kampung ke, YDP ke, siapa-siapa saja. Jadi, ini bukan masalah kerajaan Dato' Dipertua, ini adalah, kita kerajaan selagi dia pegang jawatan, kita bagi dia elaun. Kita bayar elaun yang sepatutnya elaun yang perlu kita bayar kepada seseorang penjawat awam. Dia bukan penjawat awam sebenarnya, dia adalah merupakan elaun saja. Dia bukan gaji. Kalau ada apa-apa masalah itu terpulanglah kepada masing-masing. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih. Saya ingin memberikan peringatan kepada ahli-ahli Yang Berhormat, bila saya bercakap tu, ahli Yang Berhormat kena berhenti bercakap. Kita ikut dan mematuhi Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap yang telah kita sama-sama pikul. Dan saya jugak boleh ambil kesempatan di sini mencadangkan kepada ahli-ahli Yang Berhormat, kalau kita nak

mempercepatkan, kita panggil aturan ataupun giliran ahli-ahli Yang Berhormat, bolehlah ahli Yang Berhormat sebenarnya tak semestinya menghantar soalan sampai tiga. Ahli Yang Berhormat boleh hantar satu soalan. Jadi saya akan ikut apa yang ahli-ahli Yang Berhormat hantar kepada saya. Tetapi kalau ahli Yang Berhormat hantar tiga, saya mestilah mengambil tiga soalan. Sebab itulah merupakan kebiasaan kita. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat ADUN Juasseh.

Y.B. ADUN Juasseh: Assalamualaikum w.b.t. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan pertama.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Dipertua, berkenaan dengan air lagi. Pulak tadi di jem, di Palong, sekarang di Juasseh. Alhamdulillah, seperti yang mana disebutkan tadi Dato' Yang Dipertua, masalah air ini bukannya di kawasan-kawasan tertentu saja, seluruh Negeri Sembilan. Tapi langkah-langkah penyelesaian, langkah-langkah untuk kita mengurangkan masalah yang dihadapi oleh pengguna ataupun rakyat Dato' Yang Dipertua adalah menyeluruh. Kita melihat masalah yang dihadapi khususnya masalah ini wujud disebabkan oleh tiga perkara yang saya sebutkan tadi iaitu paip yang lama, pecah. Sebab keseluruhan paip-paip yang Negeri Sembilan ini berumur antara 40 tahun ke 50 tahun. Ini sedang kita tukar perlahan-lahan. Nombor dua, disebabkan oleh tekanan yang rendah. Tekanan yang rendah ini disebabkan ada kadang-kadang kolam pengimbang tak digunakan, di *by-pass*-kan. Dan yang ketiga adalah disebabkan oleh bekalan air yang tidak mencukupi disebabkan oleh ketidakupayaan loji-loji rawatan air yang dibina 40 - 50 tahun dulu, sekarang ini pembangunan dah pesat berlaku di kawasan Jempol, di kawasan Kuala Pilah misalnya. Tapi loji rawatannya masih lagi loji rawatan yang dibina 40 ke 50 tahun dulu. Memang dia tidak akan dapat memberikan bekalan yang cukup kepada pengguna pada setiap hari.

Di Negeri Sembilan secara keseluruhannya Dato' Yang Dipertua, kita mempunyai banyak loji. Tetapi macam di Seremban, Daerah Seremban misalnya Loji Rawatan Air Sungai Terip merupakan loji rawatan air yang memberikan bekalan utama kepada Daerah Seremban. Kita, dalam satu-satu ketika setiap hari, penduduk di Daerah Seremban dan kawasan sekitar kita memerlukan lebih kurang 65 ke 70 juta gelen satu hari, air terawat. Tapi loji di Sungai Terip cuma mampu merawat 50 ke 60 juta gelen sehari. Ha, itu sebabnya di kawasan-kawasan yang tinggi, kawasan penempatan yang tinggi, kadang-kadang mengalami masalah tekanan. Ini pun loji rawatan air di Sungai Terip tu kita telah pun buat dia punya apa orang kata, sistem yang mana dia berjalan 110 peratus

kapasiti dia. Ha, itu sebabnya kita sedang bina sekarang Dato' Yang Dipertua, satu lagi loji rawatan air di Sungai Ngoi-Ngoi, dekat dengan Sungai Terip, yang boleh mengeluarkan, merawat air sejumlah 35 juta gelen sehari. Ini akan dapat memberikan bekalan yang, yang sempurna kepada Daerah Seremban untuk beberapa tahun yang akan datang.

Di Juasseh Dato' Yang Dipertua, khususnya di hari raya di tahun yang lepas, bukan tahun yang baru ni, yang mana, di Juasseh, kawasan Juasseh ni dia merupakan satu loji dan jugak satu paip Dato' Yang Dipertua, yang daripada, daripada Jelai Dato' Yang Dipertua, Loji Rawatan Air Jelai itu, paip itu, akan membawak sampailah ke Seri Menanti. Punya panjang dia punya paip. Dan tidak ada masa tu, kolam pengimbang dia pun tidak diguna dengan sempurna. Dalam satu-satu ketika, pada ketika itu, kolam pengimbang ini tidak pernah penuh sehingga paras setengah pun. Suku saja. Kerana kalau kita 'taghuk' sampai setengah kita akan mengalami masalah paip yang pecah kerana tekanan dia tinggi. Jadi kita dapati ini masalah dia, maka langkah-langkah yang diambil oleh SAINS dengan kerjasama daripada PAAB (Pengurusan Aset Air Berhad) dan jugak diluluskan oleh SPAN, Dato' Yang Dipertua, kita telah pun menjalankan berbagai-bagai langkah. Nombor satu, kita naik taraf loji. Nombor dua, kita menaik taraf kolam-kolam pengimbang air. Nombor tiga, kita ganti paip. Nombor empat, kita buat apa yang dipanggil sebagai tadi injap kawalan tekanan, tekanan. Injap-injap ini boleh mengawal dengan secara automatik, Dato' Yang Dipertua, supaya paip tidak selalu pecah.

Jadi alhamdulillah, kita buat itu dan kita dapati masalah dia berlaku. Itu dia masalah dia. Maka kita telah lakukan sebaik sahaja selepas masalah yang dihadapi oleh rakyat semasa hari raya tahun 2012, maka hari raya tahun 2013, alhamdulillah ya, Yang Berhormat ya, tidak ada masalah yang berlaku di kawasan Juasseh kerana langkah kita menaik taraf loji rawatan air di Kuala Jelai seperti yang saya sebutkan tadi.

Nombor dua, menaik taraf loji rawatan air di Tengkek. Nombor tiga, Loji Rawatan Air Tengkek ini Dato' Yang Dipertua, kawasan dianya tak besar, dia punya kawasan, dia ni, dia menggunakan air, air daripada bukit. Tapi disebabkan oleh hujan, pada ketika itu hujan terlalu 'lobek' tuan-tuan, Dato' Yang Dipertua, 'lobek' tu apa ha? Hujan 'lobek-lah' kan? Terlampau 'lobek', dia, dia tak boleh berkapasiti sebab kita pakai sistem semulajadi pemendapatan. Jadi air dia keruh. Jadi kita telah buat. Ini *mobile* loji sebenarnya, kita buat. Dan jugak kita buat pemasangan injap kawalan seperti yang saya sebutkan tadi. Menaik taraf tangki air menara Rumah Rakyat Padang Lebar. Dulu ni, tangki ni pun tak pernah berfungsi Dato' Dipertua. Tangki 'jo' besar, air tak 'ado'. Banyak tu, di Negeri Sembilan ni tangki besar-besar, dulu dekat

Sendayan, dekat LBJ, tangki besar-besar boleh muat sampai 2,500 sampai 5,000 gelen punya air, tapi tak pernah berpakai, dia terus saja, dia 'buek' gambar saja. Ha, tapi sekarang ni semua tangki-tangki air tersebut telah kita penuhkan dan membina tangki air di Rumah Rakyat Juasseh Tengah dan jugak yang paling utama ialah kita buat tindakan pembinaan kolam baru di Bukit Taisho.

Kolam-kolam pengimbang ni penting Dato' Yang Dipertua. Dia setengah jalan, misalnya Loji Rawatan Air Jelai sampai ke Seri Menanti, berapa kilometer tu, ada dekat 20 kilometer, jadi di pertengahan 10, setiap 5 kilometer ataupun 10 kilometer kita mesti ada tangki air baru. Yang mana daripada paip utama masuk ke tangki air, dan daripada tangki air tersebut akan memberi tekanan baru untuk kita dapat panjangkan lagi tekanan ini kepada kawasan-kawasan yang lebih jauh. Jadi, ini yang sedang kita buat. Dan jugak yang paling utama sekali ialah kita buat apa yang dipanggil sebagai paip, *dedicated pype* sampai ke Gentam. Kerana Gentam jugak ambil kawasan air di situ. Dan kita buat paip, kita buat *T-junction*. Daripada paip lama kita buat *T-junction* dan ada lagi laluan paip yang baru.

Ha, ini kita buatlah Dato' Yang Dipertua. 'Kang' saya bagi gambaran yang jelas 'kang' habis satu hari. Marah pulak daripada Chennah 'kang'. Saya *can give a lecture the whole day about water in Negeri Sembilan*. Mintak maaf, dengan izin. Tetapi ini adalah asas yang kita buat untuk kita pastikan supaya masalah air ini dapat kita urus dengan baik dan orang Negeri Sembilan, dan inshaa allah bila siap loji di Sungai Ngoi-Ngoi, Empangan Teriang dan yang lain-lain Dato' Yang Dipertua, dan siap segala kita punya penaiktarafan loji di, di, di, di Jelai dan jugak di Jempol, di Kuala Jempol, dan jugak di kawasan-kawasan seperti di Gemas, inshaa allah masalah air di Negeri Sembilan ini akan kita atasi dan kita dapat kurangkan. Nak kata selesai 100 peratus, tak boleh Dato' Yang Dipertua, kerana kadang-kadang paip pecah. Kadang-kadang *accident* macam itu hari raya, sepatutnya kawasan di Terachi, kawasan di, di, di, di, di Bukit Putus tak ada masalah air, tetapi lori betul-betul *accident* jatuh di atas paip air, 'pocah' paip air. Lepas tu nak alih lori sampai empat jam, tak boleh nak alih lori. Ha, jadi, masalah air terputuslah. Jadi bekalan macam ni, masalah macam ni memang tidak dapat kita jangkakan Dato' Dipertua, terima kasih.

Y.B. ADUN Juasseh: Soalan

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, mintak maaf, jawapan ini tadi jugak menjawab Soalan Lisan Hari Pertama daripada Y.B. ADUN Gemencheh yang bertajuk "SAINS" ya, terima kasih.

Y.B. ADUN Juasseh: Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua. Saya selaku ADUN Juasseh ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada pihak kerajaan yang telah menyelesaikan banyak permasalahan air di dalam DUN Juasseh ini terutamanya pada waktu puncak. Senario di Juasseh ini Dato' Yang Dipertua, di mana kawasan-kawasan kampungnya, tidak seperti di taman-taman. Kerana seperti yang disebut oleh Yang Amat Berhormat ADUN Rantau tadi, kalau di Rumah Rakyat Padang Lebar tu, ada tangki, yang mana tangki tersebut telah pun diguna pakai. Tetapi di kawasan-kawasan kampung, kita tak ada tangki Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Dan lebih lagi, di rumah-rumah di kampung-kampung ini, tidak mempunyai tangki-tangki air di rumah masing-masing yang boleh, yang mana boleh menampung air untuk sehari atau dua hari sekiranya berlaku paip pecah. Keadaan ini menjadi teruk sekiranya di waktu puncak, yang mana difahamkan bukan dua kali ganda Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penggunaan air, tetapi di waktu puncak ini kalau nak diikutkan, pada musim perayaan lepas, satu rumah tu tinggal atuk dengan wan saja, tapi anak cucu dia balik sampai 40 orang. Jadi, saya jangkakan lebih kurang 20 kali ganda keperluan air semasa waktu puncak. Jadi, saya ingin bertanya pada pihak kerajaan, adakah usaha pihak kerajaan untuk mengadakan tangki air di kawasan-kawasan kampung ataupun di rumah-rumah yang tak ada tangki ini kerana mereka menggunakan *direct intake* dengan izin Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, untuk membina tangki-tangki ni, yang, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Juasseh tadi, salah satu daripada isu dulu ialah di kawasan di, di Bahau di taman, apa tu, Yang Berhormat daripada Jeram Padang? Taman apa tu, yang atas bukit tu? Taman Jaya ya? Dia ada dulu, masalah dulu. Tinggi kita pasang satu tangki dengan rumah pam dia sendiri. Tangki yang boleh menampung 700 gelen air. Dan jugak di Palong 7, kita ada tangki tersebut di mana di Palong 7 ada kawasan yang tinggi, bukit, rumah dalam 20 ke 30 buah rumah, kita pasang tangki tersebut untuk kita memberikan tekanan kepada kawasan-kawasan tersebut.

SAINS sekarang Dato' Yang Dipertua, kita sedang membuat satu apa yang dipanggil sebagai *peak demand management*. Di mana kita sedang mengurus ki, dari segi bekalan kita dah buat. Tapi kita nak lihat.

Kerana masalah akan timbul apabila tiba masa puncak. *That's why we, we*, itu sebabnya kita buat *peak management, peak demand management* yang mana kita akan buat beberapa sistem Dato' Yang Dipertua, untuk kita pastikan bahawa isu, air ni kadang-kadang hari biasa dia cukup, tapi bila tiba musim puncak kadang-kadang dia bermasalah. Jadi itu sebabnya kita buat apa yang dipanggil sebagai injap-injap automatik tadi, yang saya sebutkan tadi seperti kita buat *variable speed drive (VSD)*, di kawasan-kawasan seperti di kawasan Palong dan di kawasan di Gemas yang mana dia akan, dia sendiri akan mengawal air, tekanan air tersebut.

Tapi untuk membuatkan kolam-kolam seperti yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Juasseh tadi, untuk semua kampung, adalah satu perkara yang agak susah. Tapi jugak buat macam di kawasan di DUN Seri Menanti, di kawasan apa tu Dato' Samad kan? Kita buat tangki air di kawasan kampung tersebut, air sungai apa ya? sungai Gunung Pasir, di kawasan Gunung Pasir yang mana kita buat, jugak ada tangki yang mana Gunung Pasir ini adalah kawasan yang paling *last* sekali, yang paling akhir sekali yang, jari yang paling akhir sekali Dato' Yang Dipertua. Jadi ini kawasan kadang-kadang apa saja masalah, sedikit saja masalah kadang-kadang, kawasan Gunung Pasir ini akan menghadapi masalah air. Jadi kita ada jugak, kita bina tangki 2,500 gelen yang mana dia boleh memberikan takungan air jika ada apa-apa masalah, tangki tersebut mempunyai takungan air dan dia jugak berfungsi sebagai memberi tekanan baru kepada paip-paip di jari-jari, paip yang hujung-hujung di Dato' Yang Dipertua. Inshaa allah. Tapi bagaimanapun, kita sedang mengkaji dan akan terus mengkaji cara untuk kita mengatasi masalah di masa-masa puncak. Di musim-musim perayaan dan di musim yang lain. Dan kita, SAINS akan terus menjalankan kajian dan apa sahaja perkara yang dapat kita lakukan untuk kita mengurangkan masalah yang dihadapi oleh orang ramai akan kita lakukan dengan segera. Terima kasih.

Y.B. ADUN Juasseh: Dato' Yang Dipertua, soalan kedua.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, berkenaan dengan pembinaan jalan Guntur ke Langkap. Jalan ni, Guntur ke Langkap ni jalan, jalan dalam kampung, jalan menghubungkan antara dua. Guntur ni Dato' Yang Dipertua, *is* di kawasan Tengkek. Langkap di kawasan Tanjong Ipoh. Dua Dewan Undangan Negeri iaitu Seri Menanti dan DUN Juasseh. Kalau Langkap ni Dato' Yang Dipertua, masuk Tanjong Ipoh Dato' Yang Dipertua, Kuala Pilah tau tak?

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Saya, Yang Amat Berhormat, saya pernah kerja di Padang Lebar ni.

Y.A.B. ADUN Rantau: Oh, mintak maaf. Jalan ke Langkap ni Dato' Yang Dipertua, kalau sampai Tanjong Ipoh ke kiri, masuk ke dalam sampailah ke kawasan Orang Asli sana, dia berhenti situ. Di Guntur ni pulak di Tengkek, masuk Padang Lebar, masuk sampai ke Tengkek. Dan dia beginilah, dia *parallel* macam tu, Kuala Pilah di sini, ni kawasan dia, ni *parallel*. *So, there will be very short distance, the missing link*, minta maaf, dengan izin ya. *That we want to be connected*. Itu yang sedang kita kaji dan kita telah pun buat satu kajian rundingan. Perunding telah kita lantik. Dan telah kita masukkan dalam *rolling plan* Rancangan Malaysia Kesepuluh supaya orang daripada Guntur ni, orang daripada Tengkek ni, kalau nak pergi Tanjong Ipoh tak payah 'poie' keluar apa, keluar Batu Kikir, keluar Kuala Pilah, berpusing. Jadi dia boleh keluar daripada situ, sikit saja, *then* dia keluar, 'dokek' Langkap, dia boleh berjumpa Yang Berhormat daripada Seri Menanti. Kalau dia tak suka Juasseh-lah ya. Jadi, kita hubungkan ya, kita hubungkan di hujung tu kita hubungkan. Kita dah masukkan dalam *rolling plan* ke-10, fasa pertama, tapi nampaknya tak berjaya, kita akan terus masukkan dalam *rolling plan* yang ke-3, fasa yang ketiga dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, inshaa allah. Tetapi kita dah buat dah dia punya *alignment*, dia apa semua dah kita siapkan. Pihak JKR telah pun siapkan. Dan ianya kita mintak di bawah program pembinaan jalan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Dato' Yang Dipertua, terima kasih.

Y.B. ADUN Juasseh: Dato' Yang Dipertua, soalan ketiga.

Y.A.B. ADUN Rantau: Ini 'boghek' ni Dato' Yang Dipertua. Ajaran Syiah. Soalan ini jugak sama dengan soalan ADUN Sikamat, hari, lisan kedua bertajuk "Pengikut Ajaran Syiah" dan Soalan Bertulis daripada Yang Berhormat ADUN Linggi bertajuk, bertajuk "Pengaruh Syiah" ya. Jadi kita jawab sekalilah ya?

Dato' Dipertua, kita memang kebelakangan ini dikejutkan dengan perkara-perkara yang mana dia adalah bertentangan dengan akidah orang Islam khususnya di Malaysia yang mana kita adalah merupakan pengikut mahzab Al-Sunnah Wal Jama'ah khususnya mahzab Syafie. Ajaran Syiah dan jugak banyak lagi ajaran-ajaran yang dianggap sebagai ajaran yang telah pun menye, memesongkan akidah umat Islam banyak dikesan di negara kita. Banyak didapati di negara kita. Bukan

saja ajaran Syiah tapi berbagai-bagai ajaran lain yang telah pun dipantau, yang telah pun diisytiharkan dan telah pun difatwakan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan dan jugak kita punya Majlis Fatwa Negeri. Yang mana ajaran-ajaran ini adalah merupakan ajaran yang bertentangan dengan akidah orang Islam yang rata-rata di Negeri Sembilan dan Malaysia ini seperti yang saya sebutkan tadi.

Maka kita telah mengambil beberapa tindakan. Di Negeri Sembilan, Majlis Agama Islam di bawah panduan yang telah pun dikeluarkan oleh Fatwa, Majlis Fatwa Kerajaan Negeri Sembilan, bahawa kita telah pun membuat larangan terutamanya kepada ajaran Syiah ini. Kita buat larangan ya, kita belum sampai ke tahap mengharamkan lagi. Kita buat larangan sahaja ya. Kerana kita di Negeri Sembilan kita menghormati iaitu Perlembagaan kita iaitu orang bebas mengamalkan agama masing-masing. Tetapi mereka tidak boleh untuk berdakwah kepada orang Islam. Ha, itu dilarang di bawah Perlembagaan. Jadi, kita di Negeri Sembilan kita melarang, kita tidak mengharamkan ya, kita melarang iaitu untuk mereka mengajar, mempelajari dan mengamalkan, berpegang kepada menyebarkan ajaran fahaman-fahaman kepada kita, kepada orang Islam. Untuk menjadi anggota pemimpin ataupun pemimpin, pemimpin golongan Syiah, itu dilarang. Menerbitkan apa-apa bentuk versi atau variasi mana-mana terjemahan dalam apa saja bentuk publisiti, sama ada bahan cetak ataupun elektronik atau selainnya melalui apa-apa kaedah membawa kepada ajaran tersebut, itu dilarang. Dan untuk memiliki, menyimpan, mencetak, menjual termasuk mengedarkan filem, rakaman audio, dan macam-macam yang boleh mengaitkan ajaran tersebut dengan ajaran Islam di Negeri Sembilan. Itu pun kita larang.

Satu Majlis Panel Khas telah ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam pada tahun 2010 iaitu apa yang dipanggil sebagai Jawatankuasa Pemantauan Akidah orang Islam di dalam Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Dan ahli Jawatankuasa ini bergerak aktif untuk memantau dan melihat supaya akidah orang Islam di Negeri Sembilan khususnya tidak dapat di, ataupun tidak boleh diganggu gugat. Dan jika ada pihak-pihak yang cuba melakukannya, kita akan mengambil tindakan di bawah kita punya enakmen keluarga Islam di Negeri Sembilan. Jadi, bukan sahaja kita buat itu Dato' Yang Dipertua, tapi kita jugak melakukan program-program iaitu program untuk kita memberikan penerangan kepada orang ramai yang dilakukan oleh Majlis Agama Islam, Jabatan Agama Islam, dan jugak oleh pihak-pihak NGO-NGO yang lain, untuk pastikan supaya umat Islam dapat diberikan penerangan yang betul, dapat diberikan penerangan pemahaman tentang isu tersebut khususnya isu Syiah yang kebelakangan ini Dato' Dipertua. Banyak orang tanya, apa bezanya Syiah, apa sebab Syiah itu dilarang, macam-macam. Jadi, satu

sesi dan jugak program penerangan yang komprehensif perlu dilakukan dan sedang dilakukan supaya orang dapat membezakan bahawa apa yang didapati menyeleweng dalam ajaran tersebut. Apa yang didapati melanggar akidah orang Islam dalam ajaran tersebut, Dato' Yang Dipertua.

Jadi, jawapannya di sini adalah kita melarang sebarang bentuk penyebaran ajaran Syiah di Negeri Sembilan yang mana telah pun dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Negeri Sembilan dan Majlis Agama Islam dan telah pun diwartakan Dato' Yang Dipertua. Kita dah wartakan ya, bahawa sebarang bentuk penyebaran, sebarang bentuk percetakan, bentuk apa saja untuk mereka melanggar ataupun memesongkan akidah orang Islam di Negeri Sembilan ini adalah dilarang dan telah pun diwartakan. Dan mereka ini boleh dihadapkan ke mahkamah di atas tuduhan dalam Enakmen Agama Islam, Keluarga Islam Negeri Sembilan. Dato' Yang Dipertua, terima kasih.

Y.B. ADUN Juasseh: Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan yang telah pun menjalankan pelbagai usaha untuk membanteras terutamanya mereka-mereka yang terlibat dalam Syiah ini untuk menyebar luaskan ajaran mereka kepada masyarakat orang Islam terutamanya di Negeri Sembilan. Dan, saya sangat berharap kepada jawatankuasa yang telah dibentuk untuk terus ya, memberi pendidikan kepada warga Islam terutamanya di Negeri Sembilan ini kerana Syiah ini bukannya satu mazhab tetapi ia merupakan ajaran yang bertentangan dengan agama kita. Dan pelbagai bentuk dan konsep yang *totally different* dengan apa yang kita, diajar di dalam agama kita.

Dan soalan saya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berapa ramaikah anggota Syiah yang ada di dalam Negeri Sembilan ini? Dan apa, adakah tangkapan-tangkapan yang dibuat ataupun usaha-usaha yang dibuat untuk membetulkan akidah mereka? Kerana mereka-mereka ini kalau terlibat terus di dalam Syiah, sangat-sangat membahaya kepada ahli al-sunnah wal al-jamaah dan kalau kita ikutkan konsep akidah mereka, mereka membenarkan mutaah, iaitu kahwin kontrak, tak kira anak dara ke, janda ke, ataupun isteri orang. Dan seterusnya dengan konsep al-taqiyah ini, iaitu menyembunyikan Syiah mereka, maka kita tidak tahu bagaimana kedudukan mereka di negeri kita ini. Dan lebih menakutkan lagi, ahli

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat

Y.B. ADUN Juasseh: Sunnah wal jama'ah ini

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Soalan tadi apa?

Y.B. ADUN Juasseh: Saya nak tahu berapa ramai yang terlibat dalam tindakan

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih.

Y.B. ADUN Juasseh: Tersebut, terima kasih Dato' Yang Dipertua.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, berkenaan dengan berapa ramai tu, susah nak cakaplah, sebab dia dalam bentuk taqiyah, dia boleh menyembunyikan diri. Dalam Dewan ni pun ada agaknya, agaknya. Jadi kita tak tahu. Jadi, apa yang kita buat adalah kita memantau. Belum ada sebarang pendakwaan dilakukan kepada mereka yang menyebarkan ajaran Syiah ini dalam bentuk apa sekali pun. Tetapi kita dapati banyak *leaflet* ataupun kertas-kertas yang ditinggalkan ataupun disebar untuk mereka menyebarkan. Dan ia dijalankan di dalam berbagai-bagai bentuk Dato' Dipertua. Apa yang saya nak tekankan di sini, apa kerajaan nak tekankan di sini Dato' Yang Dipertua, adalah melalui Majlis Agama Islam, Jabatan Agama Islam, dan jugak jabatan-jabatan yang lain serta NGO-NGO berasaskan agama Islam yang lain, kita akan terus membuat program-program penerangan. Program penerangan kepada umat Islam supaya tidak terpicat dan tidak terperangkap dalam apa, pujuk rayu orang-orang yang nak mengembangkan ajaran Syiah ini kerana mereka memujuk merayunya, pandai Dato' Yang Dipertua. Ini, boleh dikatakan banyak berlaku di IPTA-IPTA, banyak berlaku kerana dia ni, semua senanglah Dato' Yang Dipertua, sembahyang pun dua rakaat saja. Macam-macam. Bak kata ADUN Juasseh tadi, kalau dia suka orang tu dia boleh mutaah, *I love you, you love me, we get married now, and after that tomorrow we can get lost*. Senang saja Dato' Yang Dipertua. Jadi, ini merosakkan sistem. Jadi, macam-macam lagi, bukan masalah kahwin mutaah saja, tetapi berbagai-bagai lagilah yang boleh dikategorikan sebagai memesongkan akidah orang Islam.

Jadi, di Negeri Sembilan, jawapan kepada soalan tadi, berapa ramai? Saya tak tahu. Kerajaan tak tahu Dato' Yang Dipertua. *We cannot say Negeri Sembilan* ada 1,000 orang 2,000 orang, tak ada. Kita tak tahu.

Tetapi usaha berterusan dilakukan untuk kita memantau. Jawatankuasa pembentukan ataupun pembaikan akidah, Majlis Agama Islam berusaha dan jabatan-jabatan serta agensi yang lain terus berusaha supaya kita dapat mengekang segala bentuk ataupun apa sahaja cara untuk mereka mengembangkan ajaran mereka di kalangan umat Islam, di kalangan umat lain, agama lain tak kisahlah kan? Di kalangan umat Islam sahaja. Dan kita akan pastikan supaya program ini diteruskan dan dilakukan dengan secara banyak lagi Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Amat Berhormat, ahli-ahli Yang Berhormat masa bagi pertanyaan-pertanyaan lisan telah pun tamat. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan pihak kerajaan yang telah menjawab segala pertanyaan-pertanyaan. Semua soalan lisan yang pertama, hari pertama ini yang tidak dijawab dijadikan Soalan Bertulis.

Saya juga ingin nak ambil kesempatan di sini untuk memperingatkan kepada semua ahli-ahli Yang Berhormat, untuk menerangkan bahawa tidak ada soalan yang tidak dijawab. Cuma cara penjawapan itu kalau tidak dijawab secara lisan pada hari ini akan dijadikan soal, di jawapan soal, secara bertulis. Dan saya juga berharap kepada ahli Yang Berhormat mematuhi Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah tep, Tetap Dewan supaya perjalanan Dewan kita dapat berjalan lebih lancar.

5.2 Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Bertulis

Setiausaha Dewan: Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Bertulis. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Rantau.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, saya bangun membentangkan jawapan-jawapan bertulis bagi pertanyaan-pertanyaan yang telah pun diberitahu terlebih dahulu seperti yang dibentangkan di hadapan ahli-ahli Dewan sekalian. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jawapan-jawapan bagi Pertanyaan Bertulis adalah dibentangkan.

6. USUL

[“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan menyampaikan ucapan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan atas Titah Ucapan Baginda bagi merasmikan Pembukaan Mesyuarat Kedua (Perasmian) Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-13”.]

Setiausaha Dewan: Perkara keenam, Usul. Dipersilakan Yang Berhormat ADUN Seri Menanti.

Y.B. ADUN Seri Menanti: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum w.b.t. Yang Berhormat Dato’ Yang Dipertua dan Ahli Dewan Undangan Negeri sekalian, yang dikasihi lagi dihormati Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan serta barisan Exco, rakan-rakan Yang Berhormat dari pihak kerajaan dan juga pihak pembangkang, yang hadir pada pe, pada tengah hari ini.

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan menyampaikan ucapan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan atas Titah Ucapan Baginda yang merasmikan pembukaan Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-13.

Terima kasih kepada Yang Berhormat, terima kepada Yang Berhormat Dato’ *Speaker* yang memberi laluan saya untuk membuat ucapan bagi membahaskan Titah Ucapan terima kasih Duli Yang Maha Mulia Tuanku Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dalam perasmian Dewan pada pagi semalam. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan yang telah berjaya mengemudi kemenangan cemerlang Barisan Nasional di Negeri Sembilan dalam pilihan raya yang ke-13 yang lalu. Walaupun Negeri Sembilan telah diwar-warkan oleh pihak pembangkang untuk diambil alih mereka dalam pilihan raya tersebut, Barisan Nasional bersyukur kerana bukan sahaja berjaya mempertahankan Kerajaan Negeri Sembilan, malah berjaya merampas DUN Paroi dan Ampangan daripada pihak pembangkang. Selamat kembali

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Tapi kalah Chennah.

Y.B. ADUN Seri Menanti: Selamat kembali kepada Yang Berhormat, sahabat saya Yang Berhormat DUN Lenggeng ke dalam Dewan Undangan, ke dalam Dewan

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Dato' Yang Dipertua

Y.B. ADUN Seri Menanti: yang mulia ini.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Dato' Yang Dipertua, saya nampak Seri Menanti tengah baca. Dia bukan berbahas.

Y.B. ADUN Seri Menanti: Tak faham.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Sila, teruskan.

Y.B. ADUN Seri Menanti: Tak faham, dia, peraturan ke? Selamat datang kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang baru pertama kali dipilih. Semoga di Dewan yang mulia ini dapat kita mengungkap kedayaan tutur dan sopan lagi bernas sebagai barisan kepimpinan yang terpikul amanah dan tanggungjawab yang perlu digalas, dan dilaksanakan demi kesejahteraan dan keharmonian masyarakatnya ke arah membawa negeri tercinta ini terus membangun dan maju dalam aspek menyeluruh agar jauhnya diintai, dan dekatnya didakap. Faham tak?

Y.B. ADUN Klawang: Dia tak faham kot.

Y.B. ADUN Seri Menanti: Pastinya bumi perpatih ini yang penuh adat ketatasusilaan akan terus mencorakkan satu lakaran aura tersendiri ke arah memacu pembangunan yang mantap dan mampu merealisasikan oleh anak bangsanya yang sentiasa mensyukuri nikmat.

Seperkara yang ingin saya nyatakan seperti dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada pagi semalam, semua Yang Berhormat hendaklah menjalankan amanah dan tanggungjawab yang diharapkan oleh seluruh rakyat Negeri Sembilan yang telah memilih kita. Saya memohon supaya semua ahli Yang Berhormat mengamalkan budaya

terbuka dan berhemah bagi sebarang tindakan dan perilaku dalam Dewan yang mulia ini. Jangan dilingkari setiap detik masa yang berlaku itu dengan sifat kedengkalan akal sehingga dilabelkan sebagai yang tumpul ilmu dan berkarat jiwa.

Pihak pembangkang seharusnya memberi kritikan yang membina bukan menimbulkan perkara yang tidak wujud seperti didakwa kononnya berlaku *black-out* dan, dalam PRU yang lalu. Ternyata semua dakwaan kawan kita ni, pihak pembangkang, hanya persepsi dan rasa kecewa atas keputusan rakyat Malaysia. Ini terbukti dalam semua petisyen yang dikemukakan kepada mahkamah, tidak ada bukti, tidak dibuktikan wujudnya pengundi hantu Bangladesh dan jugak kejadian *black-out* tersebut. Malah, calon yang, calon DAP di Bentong turut menafikan wujudnya kejadian *black-out* semasa pengiraan undi dijalankan. Kita lupakan seketika pasal PRU Ke-13.

Kini tugas kita lebih besar dalam memupuk perpaduan rakyat seperti yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada pagi semalam. Kita seharusnya bersyukur dengan nikmat keamanan negara kita yang terdiri daripada berbagai kaum. Tidak ada negara di dunia ini seperti negara kita yang rakyatnya daripada pelbagai bangsa dan keturunan dapat hidup dalam penuh kemuafakatan atas nama merdeka. Memupuk keharmonian dan perpaduan dan dengan, dengan kehidupan yang diwarnai aman dan damai. Tiada berlaku kemelaratan hidup derita tanpa terbela. Tiada merempat di bumi sendiri. Malah tiada kempunan menjamah nasi walaupun seulas. Segalanya diterperincikan kepayahan dan dijalurkan laluan rentas yang mudah bagi mengatasi apa juga masalah, baik dari segi ekonomi, pelajaran, infrastruktur, kemudahan asas dan segala bagai, demi menzahirkan kehidupan yang saling lengkap melengkapi.

Pihak pembangkang seharusnya bersama-sama berganding bahu dengan kerajaan untuk kita memastikan keamanan yang dikecapi, dikecapi ini akan berterusan sehingga dunia ini akan kiamat. Tidak ada salahnya pihak pembangkang untuk mengkritik dasar kerajaan. Tetapi bukannya dengan menimbulkan pre, persepsi yang mengarut dan tidak wujud semata-mata untuk kepentingan politik. Jadilah pembangkang seperti negara maju, mereka berbahas di dalam Dewan dengan hebat, tetapi tidak pernah memburukkan negara mereka di luar negara, di luar negeri. Perasaan cinta kepada negara seharusnya kita terapkan dalam kalangan masyarakat. Pihak kerajaan telah menjalankan berbagai cara bagi melahirkan masyarakat yang cinta kepada negara dan hidup bersatu-padu. Pelajaran sejarah, pendidikan agama, pendidikan sivik, sukan untuk semua, antara program yang diatur oleh

kerajaan dalam sistem pendidikan kita bagi melahirkan masyarakat yang berjiwa nasionalisma.

Bumi Malaysia ini adalah untuk kita semua. Keterbukaan orang Melayu untuk menerima kerakyatan secara jus soli dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 seharusnya disyukuri oleh semua pihak mengenai kesederhanaan dan pengorbanan yang begitu tinggi yang diperlihatkan oleh orang Melayu demi untuk perpaduan kita. Kita sebagai pemimpin kepada masyarakat seharusnya menunjukkan contoh teladan yang tu, contoh teladan dalam tutur bicara terutamanya dalam sesi perbahasan di dalam Dewan yang mulia ini dan juga di pentas ceramah-ceramah politik kerana kita menjadi ikutan masyarakat. Adakah kita ingin melahirkan masyarakat yang akan datang yang tidak lagi menghormati pemimpin, negara malah turut memperlekehkan ibu bapa mereka sendiri? Telah menjadi kebiasaan pula masa kini anak menyaman ibu bapa mereka mengenai harta pusaka. Sedangkan anak sepatutnya membela dan membahagikan ibu bapa, membahagikan ibu bapa bukan merebut harta ibu bapa. Apakah budaya yang kita mahu dalam generasi yang akan datang?

Memakmurkan negeri dan mensejahterkan rakyat. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dan ahli Dewan sekalian, dalam usaha Kerajaan Negeri Sembilan membangunkan negeri bagi mencapai status negara maju menjelang 2020, kerajaan bukan sahaja memberi tumpuan kepada aspek ekonomi atau pembangunan fizikal malahan pembangunan rohani turut menjadi tumpuan. Dalam keghairahan, keghairahan kerajaan mencari pelabur, penduduk miskin tidak pernah diabaikan oleh Kerajaan Negeri. Ini terbukti dengan jaring, Dasar Jaringan Sosial, Keselamatan Sosial yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar di awal pemerintahan beliau, bila mana telah berjaya membantu lebih daripada 26,000 orang di dalam negeri kita ini, yang kurang berkemampuan dengan perbelanjaan yang mele, yang melebihi, mencapai 6 juta ringgit sebulan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat tanpa mengira kaum, tanpa mengira bangsa, tanpa mengira agama, waima tanpa mengira idologi sendiri, idologi politik.

Bagi memastikan semua masalah rakyat daripada semua daerah dapat didengari oleh kerajaan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar berserta dengan barisan Exco-nya menje, menjelajah daerah ke daerah, mengadakan Mesyuarat Exco dengan membuka seluasnya ruang waktu dalam sesi mendengar bagi menangani, menangani rintihan dan luahan hati oleh masyarakat setempat. Pendekatan menyelami akar umbi permasalahan ini, dalam menjelajah, turun padang, amat bersesuaian dengan transformasi Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang sentiasa mendengari denyutan nadi

hati, dan nadi rakyat. Bagi memastikan pelaksanaan setiap unjuran permasalahan ada keberkesannya melalui program transformasi, transformasi kerajaan ini, semua agensi kerajaan diminta untuk mempercepat penyelesaian sebarang aduan dan masalah rakyat dalam jangka masa yang singkat tanpa bertangguh. Semua yang dibuat oleh kerajaan ini adalah bagi memastikan sentiasa dalam keadaan sejahtera.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dan ahli-ahli Dewan, dalam kecanggihan sistem jaringan jalan raya, pembangunan yang begitu pesat di Daerah Seremban ketika ini, kerajaan tidak pula meminggirkan pembangunan di luar bandar. Hampir di keseluruhan kawasan luar bandar telah menikmati kemudahan asas seperti bekalan air paip 99.8 peratus dan bekalan elektrik melebihi 99 peratus penduduk telah menikmati kemudahan ini semua. Penggantian jajaran paip baru juga turut dijalankan oleh pihak SAINS dalam menggantikan paip-paip yang lama, yang berusia lebih 30 tahun. Namun, tentangan kewangan, kewangan, proses ini akan mengambil masa yang panjang untuk menggantikan seluruh jajaran paip air bagi ke, seluruh penduduk Negeri Sembilan.

Jalan baru daripada Bukit Putus hingga ke Sekolah Rendah Ulu Bendul yang baru siap akan banyak memberi faedah kepada penduduk di Daerah Kuala Pilah, Jempol dan malahan juga di kawasan-kawasan Pantai Timur yang turut akan menyumbang kepada pembangunan ekonomi di kawasan terbabit. Hampir semua jajaran jalan utama di an, di antara bandar dan kampung telah dinaikkan taraf mutunya. Namun kerajaan tidak menafikan masih banyak lagi perlu diperbaiki kerana kekurangan peruntukan kepada pihak JKR untuk melaksanakannya. Begitu jugak, memasang lampu-lampu jalan, di kampung-kampung melalui, melalui Dasar Pencahayaan Negeri, membuktikan penduduk luar bandar yang merupakan penyokong tegar, penyokong kuat kepada kerajaan tidak pernah diabaikan.

Projek Rumah Rakyat Termiskin dan Rumah Mesra Rakyat akan terus diperjuangkan oleh kerajaan bagi memastikan tiada rakyat Negeri Sembilan tidak mempunyai rumah walau macam mana miskin sekali pun. Tidak akan terjadi yang kediamannya yang berbumbungkan langit dan berlantaikan tanah. Kawasan luar bandar yang berpotensi sebagai kawasan tarikan pelancong akan terus dibagi, bangunkan bagi membolehkan penduduk setempat menikmati arus pembangunan di samping mengelakkan daripada ramai tenaga muda berhijrah ke bandar.

Program *homestay* dan ekopelancongan terus mendapat sambutan daripada pelancong asing, rakyat Singapura umpamanya pernah mengadakan ibadah korban di kawasan Homestay Pelegong, Labu. Ini membuktikan program *homestay* untuk menambah pendapatan penduduk setempat mencapai sasaran walaupun masih boleh diperbaiki mutu perkhidmatannya dari masa ke semasa.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dan ahli Dewan sekalian, semua yang dirancang oleh kerajaan tidak akan mencapai sasaran jika tiada kerjasama daripada semua pihak di peringkat akar umbi. Terutamanya daripada pihak JKKK, KRT dan jugak NGO-NGO yang lain yang bergerak aktif di peringkat akar umbi. Mustahil kerajaan dapat mengetahui masalah rakyat di kawasan masing-masing tanpa laporan daripada agensi kerajaan terbabit dan pemimpin-pemimpin di peringkat akar umbi. Semua, semoga kerjasama akrab antara kerajaan Barisan Nasional dengan pemimpin akar umbi ini akan terus berkekalan demi kesejahteraan rakyat yang sentiasa difikirkan dan hati berhormat, Yang Berhormat Barisan Nasional. Adalah diharapkan tiada lagi rakyat Negeri Sembilan yang akan terpinggir dengan arus pembangunan yang dirancang dengan pesat oleh kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan.

Alhamdulillah, dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu, ekonomi Negeri Sembilan yang mencatatkan kadar pertumbuhan sebanyak 5 peratus pada tahun 2012 harus kita syukuri. Tamadun Yunani yang dikenali sebagai Tamadun Greece, sekarang telah jatuh bankrap. Begitu jugak dengan kuasa Sepanyol yang menjajah sebahagian besar dunia pada abad ke-15 turut menja, mengalami muflis. Namun negara kita berjaya mengelakkan daripada terjerumus ke kancah kemiskinan dan kadar pengangguran yang tinggi seperti di Amerika Syarikat. Keadaan ini membuktikan dasar ekonomi kerajaan Barisan Nasional adalah tepat dan bijaksana pemimpin kita di dalam merangka dasar-dasar yang betul, malahan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita pernah berkata di dalam Dewan yang mulia ini bahawa hutang Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan hampir selesai. Yang mana suatu masa dulu, ia juga menjadi bahan dalam ceramah-ceramah pembangkang.

Kadar pengangguran di Negeri Sembilan sekitar 3 peratus pada tahun 2012. Membuktikan dasar kerajaan Barisan Nasional yang bijak, di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan barisan Exco-nya telah berjaya memberi peluang ke, pekerjaan kepada rakyat di negeri ini. Sepetutnya tiada rakyat kita yang menganggur jika rakyat tidak memilih kerja. Ini kerana, ramai pekerja kilang di Nilai ataupun

Senawang, adalah pekerja-pekerja luar, pekerja Bangladesh, Nepal dan yang lain-lain. Begitu jugak bebera, berapa ramai pekerja Indonesia di dalam pembinaan, pem, di dalam sektor pembinaan. Masyarakat perlu berubah, iaitu tidak terlalu berharap bekerja di sektor kerajaan sahaja kerana banyak kerja wujud di sektor swasta.

Tahniah juga diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Kerajaan Negeri Sembilan yang telah berjaya meningkatkan rizab Kumpulan Wang Disatukan dari, sebanyak RM347.47 juta pada 31 Disember 2012. Malah yang paling membanggakan kita kejayaan Kerajaan Negeri Sembilan membayar hutang secara terus kepada Kerajaan Pusat dan antara dua negeri yang berjaya membuat pembayaran mengikut jadual. Ini membuktikan dasar mencari pelabur asing dan kecekapan pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan telah berjaya meningkatkan sumber Kerajaan Negeri. Begitu jugak dengan kecekapan agensi Kerajaan Negeri Sembilan yang berjaya mencapai tahap 98 peratus dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan. Tahniah kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan dan seluruh kakitangan kerajaan Negeri yang telah merealisasikan dan menterjemahkan program-program yang telah disusun oleh kerajaan Barisan Nasional dan, kerajaan Barisan Nasional Negeri Sembilan dengan cemerlang mengikut jadual.

Bagi memastikan rangkaian jalan raya yang baik, Kerajaan Negeri Sembilan telah membelanjakan keseluruhan wang yang diterima sebanyak [RM]196.95 juta, malah terpaksa mengeluarkan perbelanjaan sendiri bagi memastikan mutu jalan raya di seluruh Negeri Sembilan mencapai tahap yang baik. Namun, Kerajaan Negeri Sembilan, di Negeri Sembilan akan terus meminta peruntukan tambahan daripada Kerajaan Pusat pada tahun 2014 bagi memastikan semua jalan yang rosak akan dinaik taraf untuk kesejahteraan rakyat.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dan ahli-ahli Dewan sekalian, pelaburan bagi tahun 2012 amat membanggakan kita apabila beberapa syarikat gergasi yang tadi disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, yang bertaraf dunia turut melabur di Negeri Sembilan seperti pembinaan syarikat brek kapal terbang di Sendayan. Pelaburan asing telah menyumbang kepada KDNK kita, KDNK negeri sebanyak [RM]24.63 bilion. Semenjak penge, mengemudi kepimpinan Kerajaan Negeri Sembilan pada tahun 2004, Yang Amat Berhormat Menteri Besar mensasarkan pendapatan pelaburan sebanyak [RM]1 bilion setahun. Dan alhamdulillah, target ini mencapai sasaran sehingga kini. Pada tahun lepas sahaja sebanyak [RM]2.73 bilion pelaburan telah berjaya dikutip. Iaitu melebihi daripada sasaran yang ditetapkan. Pemimpin yang berwawasan dan mempunyai perancangan sahaja

mampu mencapai KPI yang dile, ditetapkan. Jelas, pelaburan yang banyak ini telah mem, menghamparkan seluasnya peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan tanpa perlu mem, perlu mereka bersusah payah lagi mencari kerja di luar sehingga sanggup berhijrah jauh meninggalkan bumi tanah tumpah darah mereka.

Pihak kerajaan telah mewajibkan setiap projek perumahan menyediakan 30 peratus Rumah Kos Rendah untuk dibeli oleh penduduk yang berpendapatan rendah dan sederhana. Oleh itu, kita menyeru pemaju perumahan agar mempunyai tanggungjawab sosial bagi mengurangkan harga rumah agar semua penduduk di negeri ini mampu membeli rumah di kawasan bandar. Bagi memastikan nasib golongan berpendapatan rendah dan sederhana ini tidak terus dihimpit kemiskinan, maka kerajaan melaksanakan Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia di Seremban Sentral dan juga Seremban Utara dengan kerjasama Kerajaan Pusat, Rumah Awam Harga Rendah di Siliau dan Rantau juga turut disediakan bagi membantu golongan berpendapatan rendah. Termasuk jugaklah Rumah Mesra Rakyat yang dibina oleh pihak SPNB. Inshaa allah, Kerajaan Negeri Sembilan, kerajaan Barisan Nasional Negeri Sembilan akan terus menyediakan Rumah Mampu Milik kepada rakyat sebagai satu tanggungjawab kerajaan bagi memastikan rakyat negeri ini dapat menikmati kehidupan yang sempurna di bumi negeri sendiri. Namun, kerajaan juga menyeru pihak swasta turut memainkan peranan yang sama dan tidak memikirkan keuntungan semata-mata.

Dalam pembangunan modal insan kerajaan Barisan Nasional Negeri Sembilan amat mementingkan pembangunan modal insan. Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengambil alih portfolio Exco kerajaan pada tahun 2005 dan menetapkan sasaran dalam tempoh tiga tahun agar semua peperiksaan awam yang dijalankan iaitu UPSR, PMR dan SPM, STAM dan juga STPM di Negeri Sembilan menduduki tempat yang kelima teratas. Alhamdulillah, sasaran ini mencapai targetnya di mana Negeri Sembilan sejak tiga tahun kebelakangan ini dinobatkan antara yang terbaik dalam semua peperiksaan awam di Negeri Sembilan. Tahniah. Tahun 2012 saja, peperiksaan UPSR dan SPM Negeri Sembilan berada di tempat kedua, sementara dalam peperiksaan STAM tahun lepas Negeri Sembilan berada di tempat pertama. Tahniah kepada Jabatan Pendidikan. Ini membuktikan anak-anak kita mampu mencapai kecemerlangan jika kita terus berganding bahu dengan semua war, warga pendidik bagi memastikan mutu pelajaran negeri ini terus dipandang tinggi oleh masyarakat Malaysia

Hasrat Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk melahirkan seberapa ramai Pendeta Zaaba suatu hari nanti akan dapat dilihat

dalam jangka masa 10 ke 15 tahun akan datang. Ini dapat dibuktikan apabila anak Negeri Sembilan yang berjaya mencapai Ijazah Kelas Pertama bertambah dari tahun ke tahun. Pada peringkat awal diperkenalkan Skim Siswazah Cemerlang ini, tidak sampai pun 10 pelajar Negeri Sembilan di seluruh negeri mencapai tahap ini. Tetapi tahun 2011 sahaja seramai 134 orang anak Negeri Sembilan berjaya Ijazah Kepujian Kelas Pertama.

Kita juga seharusnya berbangga dengan ke, wujudnya tujuh buah sekolah berasrama penuh di Negeri Sembilan dan inshaa allah pada bulan Februari 2014 bilangan ini akan bertambah kepada lapan buah lagi apabila tapak Kolej Tuanku Kurshiah di Bukit Merbah akan dijadikan Sekolah Menengah Sains Perempuan Seremban. Sedangkan Negeri Melaka sahaja, jiran kita, hanya ada dua buah saja sekolah berasrama penuh. Negeri Johor yang jauh lebih besar daripada Negeri Sembilan pun hanya mempunyai tujuh buah sekolah berasrama penuh. Kita juga mempunyai tiga buah MRSM, di Serting, Kuala Klawang dan juga di Gemencheh.

Hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Negeri Sembilan sebagai Lembah Ilmu menampakkan hasilnya dengan wujudnya beberapa Institusi Pengajian Tinggi Awam seperti institusi perguruan Raja Melewar, institusi perguruan teknik di Enstek, Politeknik Port Dickson, Politeknik Nilai, UiTM di Kuala Pilah, kolej swasta bertaraf antarabangsa di Nilai, Bandar Springhill, penubuhan sekolah swasta bertaraf antarabangsa seperti di Cempaka College Enstek [Cempaka International Ladies' College]. Ini tidak termasuk universiti hebat seperti Manipal College [Manipal International University] di Nilai, dan jugak penubuhan Universiti Al-Azhar, cawangan Universiti Al-Azhar dibina di Seri Menanti, Ulu Bendul. Seri Menanti ya.

Peranan institusi agama dan keharmonian antara kaum. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ahli-ahli Dewan sekalian, kerajaan Barisan Nasional mengamalkan konsep wasatiah ataupun kesederhanaan dalam melaksanakan dasar-dasar agama Islam tidak meminggirkan kegiatan agama lain. Konsep hormat menghormati antara agama amat perlu dalam negara yang mempunyai rakyat yang terdiri daripada berbagai kaum. Sehubungan dengan itu, kita sebagai Yang Berhormat perlulah mendidik masyarakat agar konsep hormat menghormati kegiatan antara kaum ini perlu dite, diterapkan semenjak kecil, semenjak anak lagi agar perpaduan negara kita terus terjamin.

Pembangunan belia. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dan ahli Dewan, tahniah kepada ahli-ahli ADUN Belia yang hadir pada hari ini, yang sebagai pemerhati kita. Tahniah dan syabas. Menyedari hampir

46 peratus daripada keseluruhan penduduk Negeri Sembilan terdiri daripada golongan belia, kerajaan dengan kerjasama NGO telah menganjurkan berbagai aktiviti berfaedah bagi membentuk jati diri golongan muda ataupun golongan belia agar mereka sentiasa setia kepada negara kita yang tercinta. Kita amat kesal kerana semasa sambutan hari kebangsaan baru-baru ini, golongan, ada segelintir golongan yang, belia yang tidak mengibarkan jalur gemilang sebaliknya membawa bendera lain pulak. Begitu jugak lagu Negaraku dipermainkan, dipermain-mainkan. Gejala ini amat membimbangkan kita. Dan saya menyeru semua ahli-ahli Yang Berhormat termasuklah daripada pihak pembangkang sendiri agar mendidik golongan belia agar sentiasa setia kepada negara kita kerana di sinilah tempat lahirnya mereka ini.

Gejala negatif seperti mat rempit, sudah berkurangan sedikit setelah pihak kerajaan memperbanyakkan kewujudan tempat bersukan seperti gelanggang-gelanggang futsal di semua kawasan-kawasan di dalam Negeri Sembilan ini. Men, menjadi tanggungjawab, tanggungjawab mendidik anak-anak belia ini bukan tugas kerajaan sahaja tetapi tanggungjawab semua pihak termasuklah ibu bapa, guru-guru, masyarakat keseluruhannya. Pertandingan silat, taekwondo, judo, berpidato, kesenian, sukan, perkhemahan dan yang lain-lain lagi yang dibangunkan oleh kerajaan bagi memastikan semua golongan tidak kira kaum menyertai aktiviti-aktiviti ini bagi memupuk perpaduan kaum. Segala perancangan kerajaan ini seharusnya didokong bersama oleh semua pihak termasuklah pihak pembangkang agar perpaduan yang kita nikmati akan berterusan dan kita dapat melelapkan mata sewaktu kita meninggal dunia nanti dalam keadaan yang tenang.

Akhir sekali, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dan ahli-ahli Dewan, seperti yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada pagi te, pagi semalam, adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai ahli Yang Berhormat menum, menumpahkan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada negeri dan jugak negara serta sentiasa memelihara, melindungi, menghayati dan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan. Hormatilah Peraturan-Peraturan Tetap Dewan sepanjang persidangan. Dan jadikanlah ia sebagai satu *platform* untuk mengemukakan pandangan secara intelektual.

Sekian, dengan ini saya mencadangkan bagi membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dalam Persidangan Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Ke-13 Negeri Sembilan Darul Khusus. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum w.b.t.

Y.B. ADUN Palong: Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong Usul ucapan menjunjung kasih yang dibawa oleh ahli daripada Seri Menanti berkaitan dengan titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Yang Dipertua Besar Negeri Sembilan yang berangkat untuk merasmikan Persidangan Dewan kita semalam. Satu ucapan yang sangat bernas dan menyentuh keseluruhan aspirasi rakyat yang sudah tentu perlu kita sokong untuk memajukan Negeri Sembilan Darul Khusus.

Dato' Yang Dipertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara lagi. Pertama, berkaitan dengan Dewan Undangan Negeri Sembilan. Saya mengucapkan tahniah kerana Dewan Undangan Negeri Sembilan kita bangunannya sangat cantik. Dan reka bentuk sebelah dalam ini pun antara yang paling indah dalam negara kita. Saya cuma nak mencadangkan Dato' Yang Dipertua, kalau boleh sebahagian daripada peruntukan kerajaan kita gunakan bagi mengadakan transformasi berkaitan dengan reka bentuk tempat duduk kita bersidang. Kalau boleh kita buat dalam bentuk U. Dan, ini bagi membolehkan ahli-ahli Dewan kita duduk dengan selesa. Sekarang ini 'soghang' nak keluar, semua satu baris ni saya tengok dia kena bangun. Kerana ini akan mengganggu prestasi kita sebagai ahli Dewan. Dan kalau boleh pegawai-pegawai kita duduk di belakang ahli-ahli Dewan kita supaya dia boleh membantu terutama sekali Exco-Exco kita untuk mendapat maklumat, menjawab segala persoalan yang dibangkitkan oleh rakyat.

Dato' Yang Dipertua, saya juga kesian tengok *Speaker*, duduk lama tu. Daripada pukul 10 sampai pukul 1. Betapa berat mata memandang, berat lagi bahu saya yang pernah memikul satu ketika dulu. Saya mencadangkan Dato' Yang Dipertua, kita pinda perlembagaan kita, undang-undang kita, bagi membolehkan melantik seorang Timbalan Yang Dipertua. Dia akan membantu Dato' Yang Dipertua menjalankan persidangan ini dengan lebih baik. Dan kalau boleh, sampai masa dan ketikanya, Negeri Sembilan juga meminda undang-undang kita bagi melantik seorang Yang Dipertua bukan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri. Supaya kita membawa golongan profesional yang pakar dalam bidang ini. Ini bukan bermakna pulak Tuan Yang Dipertua tidak pakar, bukan begitu. Ini untuk me, melicinkan lagi perjalanan persidangan Dewan kita dan sudah tentulah Timbalan *Speaker* itu mesti dari seorang Ahli Dewan Undangan Negeri.

Dato' Yang Dipertua, terima kasih banyak-banyak, tadi Palong dapat menyoal tiga. Tapi saya rasa bersalah pulak Dato' Yang Dipertua dengan kawan-kawan saya yang lain tak dapat menyoal. Padahal dia semua membawak hasrat rakyat. Saya fikir kita boleh ubah juga peraturan kita ini, satu soalan secara bergilir-gilir. Dan kita mintak ahli

Dewan tersebut untuk memilih mana satu soalan yang paling mereka gemari.

Dato' Yang Dipertua, dalam pesan Raja-Raja Melayu kepada kita terutama sekali ahli-ahli Dewan yang dipertanggungjawabkan oleh rakyat, "Kami isytiharkan dan kami simpan untuk kamu, dan kami benarkan kamu isytihar dan simpan untuk anak cucu kamu, selain gunung-ganang, tasik dan hutan simpan, tanah simpanan Melayu sehingga nisbah 50 peratus, selebihnya kamu rebutlah bersama-sama dengan kaum yang lain". Dato' Yang Dipertua, wasiat Raja-Raja Melayu ni dah dilaksanakan di Negeri Sembilan ataupun belum? Saya ingin mendapat penjelasan daripada Dewan yang mulia ini, berapa keluasan sebenarnya Negeri Sembilan Darul Khusus? Berapa keluasan gunung ganang kita, tasik kita, hutan simpan kita? Dan daripada keluasan ini, bakinya 50 peratus mestilah dirizabkan atas kehendak Tuanku untuk kawasan 50 peratus tanah rizab Melayu dan selebihnya rebutlah di kalangan semua yang ada di Negeri Sembilan. Adakah kita susah menunaikan 50 peratus daripada baki gunung ganang, hutan simpan ini yang sudah kita rizabkan sebagai tanah rizab Melayu, berapa keluasan tanah rizab Melayu kita? Di mana tanah rizab Melayu ini? Adakah ianya di pinggir hutan, ataupun menepati kehendak Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang telah pun memberikan kepercayaan kepada kita semua untuk menjadi ahli Dewan yang mulia ini mentadbir kerajaan bagi pihak Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu dalam negeri yang berdaulat ini.

Dato' Yang Dipertua, bagi pihak 2,083 orang tentera yang terkorban, 3,541 orang tentera yang cacat anggota, 2,588 orang awam yang dibunuh dengan kejam oleh anggota komunis termasuk 1,490 yang cedera parah yang menyebabkan kecacatan anggota, saya merakamkan di Dewan yang mulia ini ucapan penghargaan dan terima kasih kepada kerajaan yang tidak membawak balik Chin Peng ataupun abu Chin Peng balik ke negara kita, sebagai penghormatan di atas jasa yang ditaburkan oleh pejuang-pejuang negara terutama sekali anggota keselamatan negara yang sudah terkorban.

Dato' Yang Dipertua, dalam kesempatan ini saya ingin membawak masalah yang dibangkitkan oleh seorang anggota tentera ataupun isteri seorang anggota tentera yang terkorban. Namanya Ismail bin Sutan Jamin, nombor tenteranya 4218, dibunuh oleh komunis, hanya setelah setahun bertugas sebagai anggota tentera. Isterinya Rahimah binti Kasim, IC: 300511-05-5148, masih lagi hidup, Dato' Yang Dipertua. Namun demikian dalam lawatan saya, dengan titisan air matanya yang terus berjurai, Rahimah seorang ibu tunggal yang sudah tua masih lagi belum mendapat pembelaan dan sebarang satu sen pun insentif

daripada kerajaan ataupun anggota tentera. Saya mahu anggota tentera yang bertugas melihat untuk merujuk kepada warisnya, anaknya yang masih berumur tak sampai setahun waktu ayahnya gugur dulu. Encik Mat Zin bin Ismail, *handphone* 019-3772449.

Dato' Yang Dipertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Dewan, AIM adalah merupakan satu usaha kerajaan bagi membantu golongan yang termiskin dalam negara kita. Saya meneliti tentang pekeliling yang diedarkan oleh Ketua Pengarah Amanah Ikhtiar Malaysia, yang menghalang Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) memberi perkhidmatan kepada rancangan tanah FELDA dengan alasan kononnya FELDA sudah disenarai di Felda Global Ventures, peneroka sudah pun mempunyai saham dan anak-anak mereka sudah memiliki ataupun mempunyai insentif 5,000 ringgit.

Dato' Yang Dipertua, memang peneroka adalah tuan tanah kepada rancangan tanah FELDA, dia juga adalah merupakan pemegang saham yang terbesar dalam Felda Global Ventures. Namun demikian menyebut rancangan tanah FELDA, terutama sekali di Gugusan Felda Palong, ramai anak-anak peneroka yang miskin. Ramai ibu-ibu tunggal yang kehilangan suami. Anak-anak mereka yang masih bersekolah. Menantu-menantu peneroka yang terpaksa menumpang kerana isterinya sudah meninggal dunia. Oleh demikian, mereka semua memerlukan modal untuk berniaga. Mereka perlukan sesuap nasik. Mereka perlukan wang untuk membiayai pembelajaran anak-anak mereka. Oleh demikian, Dewan yang mulia ini mesti mengarahkan semula supaya Ketua Pengarah tersebut merombak semula pekelilingnya agar AIM yang diwujudkan oleh kerajaan Barisan Nasional ini benar-benar sampai kepada sasarannya bagi membantu golongan yang saya sebutkan tadi.

Dato' Yang Dipertua, Kumpulan Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya di Negeri Sembilan tahun sudah, saya lihat 189.74 juta ringgit. Sumbangan daripada Kerajaan Pusat. Satu jumlah yang sangat besar. Saya merakamkan ucapan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang dapat membantu meningkatkan infrastruktur dalam Negeri Sembilan Darul Khusus. Namun demikian Dato' Yang Dipertua, pada pagi ini, saya ingin membawak persidangan Dewan melihat satu contoh. Apabila peneroka FELDA menanam semula, menebang getah-getah mereka di Palong, maka kontraktor ini melalui jalan, jalan JKR dan juga jalan FELDA dengan muatan yang lebih, sudah tentulah jalan-jalan ini menjadi rosak. Namun demikian ini bukan salah peneroka. Ini bukan salah rakyat. Ini bukan salah siapa-siapa. Yang mengutip deposit ini ialah FELDA. Yang melaksanakan jalan ini ialah JKR. JKR tidak dapat menjalankan tanggungjawabnya di atas apa sekatan yang berlaku

dalam perundingan di antara FELDA dengan JKR. Saya mencadangkan Dato' Yang Dipertua, supaya jalan yang teruk ini dapat kita perbaiki untuk kesejahteraan rakyat yang melalui jalan tersebut. Bukannya banyak Dato' Yang Dipertua, cuma lebih kurang 2 juta ringgit saja yang diperlukan untuk membaiki jalan tersebut kerana mereka semua tidak bersalah, dan kita tidak sepatutnya membebankan masalah ini kepada mereka.

Dato' Yang Dipertua, saya amat tertarik hati melihat kejayaan kerajaan membangunkan jalan Bukit Putus. Terima kasih banyak-banyak Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan. Namun demikian, dan juga Kerajaan Negeri, namun demikian masalah ini tidak langsung dapat menyelesaikan permasalahan laluan trafik di, menyambungkan di antara Negeri Sembilan Barat dengan Negeri Sembilan Timur terutama sekali hujung minggu, lebih-lebih lagi di waktu perayaan yang ada di Negeri Sembilan ini.

Dato' Yang Dipertua, sampai masa dan ketikanya saya mencadangkan kepada Dewan ini supaya Dewan ini memanjangkan kepada syarikat yang membangunkan Lebuhraya LEKAS, daripada Kuala Lumpur ke Senawang, yang sekarang ini kita mempunyai satu persimpangan bertingkat yang amat moden. Daripada Senawang dicadangkan kepada syarikat ini supaya membina sebuah lagi lebuhraya untuk menyambungkan daripada Seremban sampai ke Bandar Seri Jempol. Ini akan menampung pengguna-pengguna jalan raya bukan sahaja di Jempol, tetapi sebahagian daripada Bera, Pahang, Muadzam, dan juga kawasan-kawasan sekelilingnya dapat menggunakan lebuhraya tersebut. Jalan yang sedia ada ini kita jadikan jalan pelancongan. Amat santai Dato' Yang Dipertua. Mereka ini berhenti melihat-lihat petai, melihat itik salai, ayam salai, mereka membeli barang-barang yang ada dijual oleh pengusaha-pengusaha kita di sepanjang laluan antara Kuala Pilah ke Seremban. Saya tak nak peniaga-peniaga ini diberhentikan. Saya mahu mereka dibantu. Biarlah dia cari rezeki. Kita tambah tempat *parking* lagi. Biar lebih ramai dapat berhenti untuk membeli barang-barang mereka. Tetapi untuk jangka panjang, laluan ini tidak dapat memberikan impak ekonomi kepada Negeri Sembilan sebelah Timur.

Dato' Yang Dipertua, akhir sekali. Dasar Pencahayaan Negeri adalah merupakan dasar yang amat baik. Saya mencadangkan dasar ini dikembang luaskan lagi terutama sekali di rancangan tanah FELDA yang sekarang ini sudah pun mempunyai JKKK, tetapi laluan jalan sebagai contoh, di antara Pasir Besar sampai ke Muadzam *highway*, ataupun laluan Muadzam, laluan tersebut sangat gelap. Palong tu dah lah 'coghok', sempadan Pahang, tak ada lampu pada waktu malam,

sangat sukar. Dan berkaitan dengan itu, saya mencadangkan kepada jabatan yang bertanggungjawab berkaitan dengan menaik taraf lagi kemudahan-kemudahan ini supaya dapat melihat kejayaan untuk memberikan khidmat yang terbaik kepada Palong.

Dato' Yang Dipertua, nenas Palong amat istimewa. Rasanya sangat manis, kandungan mineralnya sangat luar biasa. Mengatasi kemanisan nenas Jelebu. Oleh yang demikian, saya mencadangkan Dato' Yang Dipertua, Exco yang bertanggungjawab supaya menambah lagi tanaman nenas ini, supaya dapat memenuhi keperluan penggemar-penggemar nenas bukan sahaja dalam Negeri Sembilan, kita juga dapat tampung di mana-mana kawasan yang ada di kawasan kita. Kalau boleh Pengarah FELDA, besok bagi bawak contoh nenas Palong untuk dihidangkan dalam majlis di Dewan yang mulia ini.

Dato' Yang Dipertua, saya menyokong Usul yang dibawak oleh ahli daripada Seri Menanti. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini sudah dicadang dan disokong. Sekarang dikemukakan untuk dibahaskan. Silakan.

Y.B. ADUN Chennah: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Terlebih saya mengucapkan tahniah kepada Dato' Dipertua kerana telah dipilih oleh Dewan yang mulia ini untuk menjadi Tuan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri. Dan juga saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran semula Yang Berhormat Lenggeng dan Yang Berhormat Palong, yang sepenggal tidak ada dalam Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Lenggeng kali ini tiga penjuru ya, *all the best*, Dato' Yang Dipertua, Dato', Yang Berhormat Dato'.

Dato' Dipertua, saya nak mengambil bahagian dalam menjunjung kasih dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus yang telah bertitah semalam, di Dewan yang mulia ini. Saya juga ingin terlebih dahulu memohon maaf kepada Tuanku kerana semalam se, sejurus selepas ucapan Tuanku, saya tidak sempat bergambar dengan Tuanku dan juga tidak menyertai Majlis Santapan DiRaja di, di, apa ni, di Dewan Serbaguna di Wisma Negeri. Kerana saya bergegas ke Kampung Hakka di Mantin sejurus selepas ucapan Tuanku, bersama-sama dengan Yang Berhormat Lobak dan Yang Berhormat Nilai. Bukannya kita memboikot, kita harap tak ada pihak, mana-mana pihak yang bercakap bukan-bukan kepada Tuanku

kononnya kita tidak menyertai ataupun boikot dan sebagainya. Bukan begitu. Saya bergegas ke Kampung Hakka, berpakaian *No.1 dress*, bersama-sama dengan kawan-kawan. Dan selepas itu di, rakan-rakan lain juga bersama-sama turut ke sana. Inilah baru rakyat didahulukan, Dato' Dipertua.

Kita pergi ke sana, bergegas ke sana kerana semasa kita bersidang di sini, saya mendapat panggilan daripada penduduk-penduduk di Kampung Hakka Mantin kerana semalam rumah-rumah mereka di Kampung Hakka telah mula dirobuhkan oleh pihak pemaju. Kerana pada 26 Ogos yang lepas, Mahkamah Tinggi telah memerintahkan bahawa penduduk-penduduk tersebut terpaksa mengosongkan tanah mereka walaupun mereka ada lagi ruang dari segi undang-undang untuk membuat rayuan. Dan semalam pihak pemaju telah pun mengambil tindakan untuk merobuhkan rumah-rumah tersebut. Dan, apabila kita sampai ke Kampung Hakka Mantin, kita dapat berunding dengan pihak peguam daripada pemaju dan mereka memberhentikan tindakan perobohan tersebut. Dan pada tengah hari semalam, selepas apa ni, makan tengah hari, pada sebelah petang, lebih kurang pukul 3, Yang Berhormat Bukit Kepayang dan Yang Berhormat Lobak telah membantu ke Mahkamah Tinggi Seremban untuk mendapatkan satu *interim stay of execution* ke atas perobohan rumah-rumah di Kampung Hakka ini. Sementara kita menunggu pendengaran permohonan *stay of execution* pada 17 Oktober di depan Hakim Mahkamah Tinggi Seremban.

Dato' Yang Dipertua, saya nak membangkitkan isu ini. Kerana isu ini telah mencetuskan ketegangan sangat besar semalam di Kampung Hakka, hari ini banyak surat khabar – surat khabar telah pun melaporkan apa yang berlaku di Kampung Hakka semalam. Kerana telah pihak pemaju telah datang bersama-sama dengan *bail list* mahkamah, bersama-sama dengan anggota-anggota polis. Dan kerana mereka nak mem, membuat tindakan tersebut untuk merobuhkan rumah-rumah. Maka ada tindak balas daripada penduduk-penduduk Kampung Hakka yang telah duduk di sana berpuluh tahun. Ada yang kata Kampung Hakka ini telah melebihi 100 tahun.

Dato' Dipertua, ini, Kampung Hakka ini bukannya setinggan. Walaupun betul mereka ini tidak ada hakmilik ke atas tanah tersebut tetapi Kampung Hakka ini telah turun daripada generasi kepada generasi. Mereka ini bukannya setinggan, mereka bukannya duduk setinggan. Mereka ini merupakan satu kampung tersusun. Ada kampung, ada rumah dia, ada dewan dia dan sebagainya. Tetapi selama ini walaupun mereka telah duduk di sana be, beberapa generasi, berkali-kali mereka memohon geran hakmilik tanah daripada pihak Kerajaan Negeri,

mereka tak pernah diberikan layanan. Mereka tak pernah diberikan pertimbangan untuk memiliki tanah yang mereka duduk selama ini. Mereka ini sebelum ini adalah pemegang-pemegang TOL sehinggalah lebih kurang 10 tahun yang lepas, Kerajaan Negeri tidak lagi mengeluarkan TOL kepada mereka. Dan tanah ini pada tahun 90an, telah pun diberikan kepada pihak swasta, kepada pihak pemaju swasta. Dan pada ketika itu, pada 90an, pihak pemaju swasta ada usahasama dengan Majlis Daerah Seremban untuk membangunkan tanah tersebut. Tetapi oleh kerana krisis ekonomi pada ketika itu, maka projek pembangunan itu terpaksa ditangguhkan. Dan tanah tersebut telah pun bertukar tangan berkali-kali, dua tiga kali. Dan pemaju yang terbaru sekarang ini telah pun memutuskan untuk membangunkan tanah tersebut.

Apa yang saya nak bangkitkan di sini ialah, kalau Kerajaan Negeri adalah sebuah kerajaan yang prihatin rakyat, Kerajaan Negeri sepatutnya campur tangan dalam perkara ini. Perlulah menjadi pengantara ataupun pemudah cara di antara pihak pemaju dan pihak penduduk-penduduk di sana. Kerana dalam mana-mana kes seperti ini, apabila orang telah duduk di sana berpuluh tahun, generasi demi generasi, tanah tersebut diberikan hakmilik kepada orang lain, pemilik baru itu datang nak merobohkan rumah, nak merobohkan rumah, mengosongkan rumah untuk tujuan pembangunan, maka sudah tentunya akan berlaku satu pertembungan. Satu *commotion* di antara pihak pemaju dengan pihak penduduk. Maka perlulah pihak Kerajaan Negeri untuk masuk campur untuk memastikan satu jalan penyelesaian. Memang kita mengakui bahawa tanah milik itu telah diberikan kepada orang lain. Memang ini kita persoalkan. Mengapa Kerajaan Negeri yang terdahulu, pemimpin-pemimpin Kerajaan Negeri yang terdahulu, setiap kali ada rumah-rumah papan macam ini, kawasan-kawasan rumah ini, macam ini, maka penduduk-penduduk di sana tidak ada peluang untuk memiliki tanah. Kebiasaannya pemaju-pemaju besarlah yang mendapat tanah tersebut. Tetapi sekarang sudah sampai ke tahap ini. Sudah sampai ke satu tahap yang begitu tegang, yang memerlukan satu jalan penyelesaian yang baik.

Permintaan daripada penduduk ialah dari segi pampasan dan juga mereka juga mintak ada juga di kalangan mereka yang begitu miskin, memintak supaya pihak pemaju memberikan pampasan kepada mereka dari segi sebuah rumah kos, rumah kos rendah. Ini bagi saya bukanlah satu permintaan yang keterlaluan. Bukannya tak ada *precedent*. Kita nampak ada tempat-tempat lain di Kampung Pala, di Pulau Pinang dulu, apabila tanah tersebut dikosongkan, kita dihentam, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat di Pulau Pinang dihentam, kata kita tak prihatin, kita tidak menepati janji. Tetapi hakikatnya, Dato' Yang

Dipertua, di Kampung Buah Pala pada hari ini penduduk-penduduk asal tersebut kebanyakan mereka telah diberikan sebuah rumah, rumah teres dua tingkat yang bernilai lebih daripada [RM]600 ribu. Mereka telah diberikan percuma oleh pihak pemaju atas usaha, desakan daripada pihak Kerajaan Negeri. Jadi, bukannya tak ada *precedent*.

Kerajaan Negeri ada cara dia untuk masuk campur untuk memastikan satu jalan penyelesaian yang baik di antara penduduk dan pemaju. Pihak Kerajaan Negeri ada pelbagai *policy tools*, dengan izin Dato' Dipertua, kita boleh menggunakan pendekatan *carrot and stick*. Apa itu *carrot and stick*? *Carrot* bermaksudnya kita memberikan sedikit insentif. Sebab semalam apabila kita berunding dengan pihak pemaju di depan Hakim Mahkamah Tinggi, peguam pemaju mengatakan bahawa kita tak boleh menanggungkan lagi, kita terpaksa membangunkan tanah tersebut kerana sudah bayar [RM]4 juta premium kepada, *conversion* kepada pihak Kerajaan Negeri. *It's come back to dolar and cent. Bottom line* dia keuntungan.

Jadi bagi saya, pihak Kerajaan Negeri mempunyai satu *bargaining power* kerana pihak Kerajaan Negeri boleh menggunakan budi bicara. Kalau pihak pemaju itu menggunakan satu jalan penyelesaian yang baik dengan penduduk, maka pihak Kerajaan Negeri boleh memberikan sedikit insentif kepada pemaju tersebut dari segi, mungkin memberikan diskaun ataupun pengurangan daripada segi ko, apa ni, *premium conversion* tersebut. Jadi untuk memberikan galakan, memberikan insentif tetapi syarat dia, pihak pemaju itu kena melakukan sesuatu untuk memberikan pampasan ataupun membantu penduduk-penduduk asal di Kampung Hakka tersebut. Itu dari segi pendekatan *carrot*.

Melalui pendekatan *stick* pulak, kalau pihak pemaju masih berdegil, pihak pemaju tak mahu mengendahkan arahan ataupun nasihat daripada Kerajaan Negeri boleh menggunakan *stick*, boleh menggunakan kayu untuk hantam mereka. Kerana ada pelbagai *policy tools* kerana projek pembangunan, mana-mana projek pembangunan memerlukan kelulusan daripada Jawatankuasa Perancangan Negeri. *State Planning Committee. State Planning Committee* boleh memberikan satu *hardtime* kepada pihak pemaju. Kalau pihak pemaju ini berdegil, tidak mahu menyelesaikan masalah, kerana *State Planning Committee* ada kuasa yang besar untuk menentukan syarat-syarat pembangunan ataupun menolak projek pembangunan tersebut.

Jadi, saya nak menyeru kepada pihak Kerajaan Negeri supaya menggunakan kuasa yang ada pada Kerajaan Negeri untuk ada *bargain power* dan untuk membawa pihak pemaju itu datang berunding dengan

penduduk. Memang kes ini telah dibawa ke mahkamah. Memang kita mengakui, kalau naik ke mahkamah, dari segi status hakmilik tanah tersebut memang pihak penduduk mempunyai satu kes yang agak lemah kerana mereka, hakmilik itu bukan tak di tangan penduduk-penduduk di sana, terletak di tangan pemaju. Tetapi saya rasa, bukannya tak ada cara untuk kita menyelesaikan masalah ini. Dan kita harap pihak Kerajaan Negeri, saya memintak pihak Kerajaan Negeri supaya prihatin kepada nasib penduduk-penduduk di Kampung Hakka Mantin ini, masuk campur. Dan ada hampir 100 penduduk sekarang ini yang ada berada di luar Wisma Negeri, yang ingin menghantar memorandum kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk memintak Kerajaan Negeri membantu. Bukannya tak ada cara. Kita harap jangan nanti jawapan daripada pihak Kerajaan Negeri kata “oh, ini tanah hakmilik *private*. Ini tanah hakmilik swasta. Kerajaan Negeri tak boleh masuk campur. Kerajaan Negeri tak boleh mengarahkan pihak pemaju tersebut untuk memberikan pampasan dan sebagainya”. Saya harap hujah-hujah yang telah saya bagikan tadi, menggunakanlah sepenuhnya kuasa yang ada pada Kerajaan Negeri untuk *bargain* dengan pihak pemaju. Supaya kalau mereka masih berdegil, kalau mereka tak mahu berunding dengan pihak penduduk, kalau mereka tak mahu menyelesaikan masalah penduduk, tidak langsung mengendahkan penduduk-penduduk di sana, maka saya harap pihak Kerajaan Negeri menggunakan kuasa yang ada untuk memberikan pengajaran kepada pihak pemaju ini.

Saya harap ini dapat dilakukan, Dato’ Yang Dipertua. Kerana memang perkara-perkara ini bukannya mudah untuk diselesaikan. Apabila sudah sampai ke tahap ini, maka perlu ada satu proses rundingan. Dan kita harap janganlah sampai penduduk-penduduk di sana, mereka hilang segala-galanya. Tanah tak ada. Pampasan tak ada. Rumah alternatif tak ada. Jadi, ini saya harap dapat dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan Negeri dan tuntutan daripada penduduk-penduduk Kampung Hakka di Mantin, saya harap didengar oleh pihak Kerajaan Negeri.

Dato’ Dipertua, pengajaran daripada Kampung Hakka ini juga sepatutnya dijadikan satu iktibar kepada Kerajaan Negeri. Saya menyeru kepada Kerajaan Negeri supaya merancang satu dasar berkenaan dengan pengurusan tanah. Dasar pemberimilikan tanah-tanah. Salah satu perkara yang kita pernah cadangkan dalam manifesto Pakatan Rakyat Kerajaan, manifesto Pakatan Rakyat Negeri Sembilan ialah memberikan apa ni, tanah hakmilik kepada pemegang-pemegang TOL yang lebih daripada 25 tahun. Saya mengatakan begini kerana ada banyak kes di kampung-kampung, di estet-estet dan sebagainya, mereka telah memegang hakmilik, bukan hakmilik, memegang lesen

sementara, Lesen Pendudukan Sementara (TOL) berpuluh tahun. Tetapi akhirnya apabila tanah itu diberikan hakmilik, pemegang TOL itu tidak dapat dipertimbangkan. Orang lain yang baru, dapat. Orang lain yang biasanya ada *connection*, yang dapat. Jadi ini sepatutnya dijadikan satu dasar automatik kepada mereka, yang kalau mereka sudah duduk di satu tempat, ada TOL, ada Lesen Pendudukan Sementara, katakan lebih 25 tahun, sepatutnya orang itu diberikan *priority* untuk memiliki tanah tersebut. Jangan kira dia siapalah, mereka sudah dapat, sudah duduk di sana, mereka, ataupun mengusahakan tanah itu, sepatutnya diberikan satu *priority*. Dan kita harap ini dapat di, dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri.

Bukan sahaja untuk tanah-tanah kediaman, malah tanah-tanah ladang getah, saya juga mendapat banyak aduan di Chennai, di kawasan Titi khususnya, bahawa ada pemohon-pemohon ataupun pemegang-pemegang TOL ini, apabila mereka memohon status hakmilik tanah, geran hakmilik tanah, mereka tak dapat dipertimbangkan. Jadi saya harap ada dasar yang baru untuk membantu, membantu rakyat, rakyat yang memegang TOL ini.

Berkenaan dengan tanah jugak. Saya jugak ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri, juga supaya mengenal pasti tanah-tanah yang terbiar ataupun tanah-tanah sedia ada untuk tujuan usaha, perusahaan penanaman nenas. Saya rasa Palong tadi kata nenas daripada apa, daripada apa ni, Jempol lebih enak daripada nenas Jelebu. Saya, rasa nenas Titi pun dia punya, apa ni, popular jugak. Dia pun dulu orang banyak cakap nenas daripada Titi ini adalah antara yang terbaik di Malaysia. Tetapi sayangnya pada ketika ini, ada ramai pengusaha-pengusaha tanaman nenas mengatakan bahawa mereka tidak ada tanah untuk mengusahakan tanaman nenas di kawasan Jelebu ini. Jadi saya harap pihak Kerajaan Negeri mempertimbangkan supaya menyediakan tanah-tanah, tapak-tapak tanah untuk penanaman nenas di kawasan Titi khususnya di Jelebu.

Berkenaan dengan tanah juga. Saya juga ingin men, mem, membangkitkan satu lagi isu berkenaan dengan satu bidang tanah di Temiang yang di, yang pernah dipohon oleh Persatuan Penganut Dewa Then Sze di kawasan Temiang. Jawapan yang saya terima ialah, daripada pihak Kerajaan Negeri melalui jawapan bertulis ialah mengatakan bahawa permohonan tersebut ditolak kerana tanah tersebut merupakan tanah rizab kuari. Tetapi dalam soalan asal saya, saya telah memberikan fakta terhadap tanah ini, bahawa tanah tersebut, di sekeliling tanah tersebut, walaupun ini, diberikan ini, jawapan sebagai tanah rizab kuari, tetapi tanah tersebut telah dipohon oleh pihak lain. Ada orang yang telah memiliki tanah tersebut melalui

hakmilik. Syarikat-syarikat yang ingin memajukan tanah tersebut, diberikan hakmilik. Mengapa ada *double standard* di sini? Ada sebuah syarikat yang bernama Syarikat Menang Tiara Sendirian Berhad telah diberikan hakmilik pada tahun 2004 di tanah yang sama. Tetapi pada hari ini, Kerajaan Negeri mengatakan bahawa ini tanah rizab kuari. Inilah saya katakan, pemberian hakmilik tanah ini tidak ada transperansi. Ini ada *double standard* dari segi pemberian hak, hakmilik tanah ini. Kalau pihak yang ada *connection* kita tahu, tahun 2004 siapa yang dapat tanah itu. Ada orang-orang yang berkepentingan. Ada pernah bekas-bekas ahli Dewan yang duduk dalam Dewan yang mulia ini, melalui proksi-proksi mereka, mendapat tanah tersebut. Tetapi pada hari ini

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, Yang Berhormat, tuduhan tidak dibenarkan dalam Dewan.

Y.B. ADUN Chennah: Saya bukan buat tuduhan, Dato' Dipertua. Ini memang fakta, memang fakta. Ini faktanya

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Tuduhan, saya ulang balik Yang Berhormat

Y.B. ADUN Chennah: syarikat itu telah, syarikat tanah itu telah diberikan kepada sapu, satu syarikat yang bernama Syarikat Menang Tiara.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Syarikat itu sedia maklum. Tapi tuduhan, tuduhan itu bermakna perkara yang kita agak dan menuduh kepada perkara yang tidak nyata.

Y.B. ADUN Chennah: Ya, Dato' Dipertua, saya faham. Saya bukan membuat tuduhan. Ini adalah satu fakta. Dato' Dipertua, saya tak pernah membuat tuduhan yang tidak berasas. Kalau tuduhan yang tidak berasas saya tidak pernah keluar daripada mulut saya. Tuduhan saya ataupun kata-kata saya itu memang ada berasas kerana memang ada orang-orang yang ada kepentingan politik yang mendapat tanah-tanah tersebut. Jadi saya nak tanya Kerajaan Negeri, mengapa boleh begitu? Tanah tersebut telah diberikan hakmilik tahun 2004. Tetapi hari ini kata masih lagi rizab kuari. Jadi saya haraplah pihak Kerajaan

Negeri memberikan satu jawapan yang meyakinkan. Kalau ada persatuan-persatuan penganut, dalam kes ini adalah sebuah tokong Cina yang sudah lebih 100 tahun, mereka mengharapkan supaya tanah kuil tersebut, tanah tokong tersebut dapat dipelihara untuk mendapat hakmilik. Dan saya harap pihak Kerajaan Negeri mempertimbangkan semula supaya permohonan daripada Persatuan Penganut Dewa Then Sze ini diberikan pertimbangan oleh pihak Kerajaan Negeri dan meluluskan permohonan mereka supaya mereka ada tanah hakmilik tersebut.

Dato' Dipertua, saya ada satu dua perkara lagi.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, masa sebenarnya sudah cukup.

Y.B. ADUN Chennah: Ada sikit lagi. Dato' Dipertua, saya mengambil kesempatan ini, ya, dua perkara lagi. Yang pertamanya ialah berkenaan dengan perancangan pembangunan. Saya juga nak berikan sedikit teguran di sini bahawa dalam praktis sekarang ini, memang dari segi perancangan pembangunan, sebelum pelan-pelan pembangunan itu diluluskan, sama ada di pihak Kerajaan Negeri, *State Financial Committee*, ataupun di peringkat Kerajaan Tempatan ataupun peringkat Majlis Daerah, tidak ada *consultation* dengan *stake holders*. Tidak ada *consultation* dengan penduduk-penduduk di sekitar kawasan yang nak, yang ingin dibangunkan tersebut. Saya memberikan satu contoh Dato' Yang Dipertua, kes di Taman Mengkan di Kuala Klawang. Ini, ini di bawah kawasan Klawang. Taman Mengkan ini, mereka sudah duduk di sana, ada lebih kurang 30 rumah. Sudah 20 tahun, 30 tahun duduk di sana. Tetapi baru-baru ini pihak Majlis Daerah Jelevu telah meluluskan satu projek pembangunan di sebelah Taman Mengkan ini. Dan apabila pihak pemaju ini membangunkan tanah tersebut, mereka telah secara, secara *unilateral*, tanpa *concultation*, dan mereka telah menutup lorong, jalan di Taman Mengkan tersebut. Dan mereka mengalihkan *access road* jalan di dalam kawasan, di taman ini ke kawasan yang mereka nak bangunkan.

Jadi saya bagi ni satu contoh kerana pengundi-pengundi, penduduk-penduduk di sana memang amat tidak berpuas hati kerana jalan yang mereka telah jalan berpuluh tahun, sekarang ini kerana ada projek pembangunan, terpaksa ditutup. Mereka tak ada jalan untuk keluar sementara ini, projek pembangunan itu dijalankan. Jadi inilah salah satu contoh bahawa tidak ada *consultation* dan akhirnya pen, penduduk-penduduk asal di kawasan tersebut yang mendapat

kesusahan. Jadi harap pihak Kerajaan Negeri juga memberikan perhatian kepada isu di Taman Mengkan ini, di Kuala Klawang, supaya mencari jalan penyelesaian memastikan pihak pemaju, walaupun mereka, kita bukannya nak membantah projek pembangunan mereka tetapi dalam proses pembangunan tanah mereka, tidak sepatutnya memberikan apa-apa kesan negatif kepada penduduk-penduduk asal di kawasan tersebut.

Y.B. ADUN Klawang: Mintak laluan Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Chennah: Boleh.

Y.B. ADUN Klawang: Saya ucap terima kasihlah sebab Yang Berhormat Chennah telah memanjangkan kuasanya ke Klawang. Sebenarnya Yang Berhormat mungkin tak faham kedudukan sebenarnya. Jalan yang ada yang ditutup tu, sebenarnya jalan alternatif. Jalan dalam taman tu memang ada, ikut sebelah kanan, ya, kalau Yang Berhormat pergilah sampai ke belakang. Jalan yang ditutup tu adalah merupakan tanah milik syarikat berkenaan sekarang, untuk dibesarkan jalan yang lebih baik yang akan digunakan oleh kedua-dua taman. Taman yang lama dan taman yang baru. Saya dah pergi dulu daripada Yang Berhormat. Saya dah berbincang dengan jabatan. Saya mendapat informasinya. Mereka yang tak puas hati tu, oleh kerana mereka tak bina lagi rumah, sebahagiannya. Tetapi syarikat akan menaiktarafkan laluan yang baru supaya pemilik tanah itu akan mudah untuk nak membina rumah dengan kawasan yang lebih selesa. Jadi, tidak timbul masalah rungutan. Pengguna jalan itu boleh melalui jalan alternatif di bahagian belakang. Terima kasih.

Y.B. ADUN Chennah: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Klawang, saya

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat saya tambah satu minit lagi Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Chennah: Ya, ya. Kuala Klawang, saya melalui Kuala Klawang apabila setiap kali saya ke Titi, itu sebabnya saya tahu masalah di sana. Itu sebabnya ada penduduk di sana juga mengadu kepada saya. Jadi penjelasan seperti ini, kalau ada jalan penyelesaian,

saya rasa Yang Berhormat, mereka apa, apa yang mereka mengadu ialah jalan sedia ada itu sama ada itu jalan alternatif ke atau bukannya alternatif, itu jalan sedia ada. Mengapa tutup jalan tersebut? Mengapa memberikan kesan kepada penduduk? Itu yang kita katakan, apa-apa perancangan sepatutnya dikomunikasikan kepada penduduk-penduduk, ada proses *consultation* dan sebagainya supaya mereka faham. Supaya ada apa-apa persoalan daripada penduduk untuk mengurangkan ketidakpuasan hati, sepatutnya ada sesi-sesi dialog di antara penduduk dengan pihak pemaju dan di, apa ni, dan pihak Majlis Daerah juga. Jadi saya harap isu ni, dapat diambil pertimbangan.

Dan akhirnya Dato' Dipertua, saya ingin menyokong cadangan daripada Yang Berhormat Palong tadi, berkenaan dengan bab Dewan Undangan Negeri. Lain saya tak sokong. Bab ni saya sokong. Bab Dewan Undangan Negeri ini saya rasa, *high time* Dato' Yang Dipertua, kita patut menjalankan pembaharuan. Seperti yang saya katakan pagi tadi, dalam satu setengah jam sesi soal jawab, tak sempat empat orang ADUN pun bertanya soalan. Hanya tiga Ahli Dewan Undangan Negeri saja yang sempat bertanya soalan. Bayangkan ada lebih kurang 20 lebih pembangkang dan *backbenchers* di Dewan yang mulia ini. Kalau satu hari persidangan hanya tiga orang, kalau besok lagi tiga, enam orang saja. Satu tahun kita bersidang dua tiga kali saja. Mungkin satu tahun sekali pun, ada Ahli Dewan Undangan Negeri yang tak sempat untuk bertanya soalan. Jadi, saya harap cadangan daripada Yang Berhormat Palong, yang saya juga pernah buat cadangan jugak, saya menyokong penuh cadangan tersebut, saya harap pihak Kerajaan Negeri memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada cadangan Yang Berhormat Palong kerana Yang Berhormat Palong pernah menjadi Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri ini, dan juga beliau juga pernah menjadi ahli Parlimen di Dewan Rakyat. Jadi beliau amat arif tentang perjalanan sidang Dewan dan beliau juga tahu, pernah ada pengalaman di Parlimen. Saya berharap bersama-sama inilah, kita membawa sidang Dewan Undangan Negeri ke satu era yang lebih lancar dan licin, dan saya harap pertimbangan dapat diberikan kepada cadangan tersebut, yang bersama-sama dibawa oleh pihak Palong dan juga pihak ADUN Chennah. Terima kasih Dato' Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Dipertua, sebelum apa ni, saya nak beri penerangan sedikit. Seperti yang saya katakan tadi, jika ada apa-apa, saya, kita mintak, kita ahli Dewan ini buat Usul dan Usul tersebut hendaklah di, Yang Dipertua Dewan terima dan Dewan terima,

kemudian dia perlu dirujuk kepada Jawatankuasa Peraturan. Jika ada Jawatankuasa Peraturan yang kita menjadi sebagai ahli. Dan Jawatankuasa Peraturan berbincang dan jika didapati apa-apa perlu penukaran ataupun perubahan ataupun pindaan kepada Peraturan Dewan, maka Jawatankuasa Peraturan buatlah cadangan dan dibawak semula. Jadi, itulah pandangan saya. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih. Setakat ini untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, kita memang tidak ada menerima Usul kepada perkara yang dibangkitkan oleh ahli Dewan. Jadi, pada masa akan datang saya harap pihak-pihak yang ingin, ada membuat Usul sila bagitahu kepada Dewan supaya kita dapat bangkitkan dalam Dewan. Seterusnya perbahasan? Saya bagi 10 minit ya.

Y.B. ADUN Sikamat: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera. Dato' Yang Dipertua, usul menjunjung kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus di istiadat persidangan pembukaan Persidangan Kedua Penggal Pertama DUN Yang Ke-13. Titah Ucapan Tuanku yang kita dengar semalam, yang menyentuh segala aspek, padat dan penuh dengan nasihat dan peringatan. Titah Ucapan Tuanku juga menitik beratkan tentang keseimbangan pembangunan bandar dan luar bandar, yakni desa. Dato' Yang Dipertua, Titah Ucapan Tuanku yang menitik beratkan tiga prinsip utama dalam kecintaan kepada negara iaitu sikap penerimaan dan saling menghormati dan penghayatan ke atas prinsip-prinsip kenegaraan, serta yang ketiga, pembelaan kepada golongan yang memerlukan.

Dato' Yang Dipertua, pembelaan kepada golongan yang memerlukan ini adalah amat penting untuk kita terus perjuangkan dalam Dewan yang mulia ini. Kita sedia maklum bahawa golongan yang berpendapatan 3,000, Ringgit Malaysia 3,000 adalah melebihi 40 peratus. Dengan kenaikan harga petrol dan juga harga barangan akhir-akhir ini, ia menambahkan lagi bebanan kos hidup, sara hidup kepada seluruh rakyat yang berpendapatan bawah RM3,000 ringgit ini. Tuanku mengingatkan agar kita memikirkan tentang mereka terutamanya dalam sektor perumahan rakyat. Yang menjadi perkara utama yang harus kita ingat bahawa kos harga rumah yang meningkat di kawasan, di seluruh Negeri Sembilan ini merupakan satu bebanan kepada rakyat hari ini. Kita juga merasakan bahawa kos yang meningkat akhir-akhir ini melambung begitu tinggi dan hampir menyamai negeri-negeri jiran kita yang memang kita lihat tinggi hari ini.

Kita juga melihat bahawa pembangunan Rumah Mampu Milik ataupun Rumah Awam Harga Rendah amat terhad pembinaannya di Negeri Sembilan ini. Dato' Yang Dipertua, kita lihat bahawa kalau dimaklumkan bahawa hanya ada di Sendayan, hanya ada di Siliau dan Rantau, pembinaan 300 biji rumah untuk rumah awam yang mampu, harga rendah ini. Jadi kita kena lihat bahawa rumah ini harus diperbanyakkan. Rumah ini harus di, pembinaannya harus menyeluruh ke seluruh kawasan di Negeri Sembilan. Kita juga ingin lihat bahawa rumah kos ini, Rumah Kos Rendah ini harus dibina di Seremban 2. Harus dibina di Enstek. Harus dibina di kawasan LBJ, berhampiran LBJ. Kawasan berhampiran dengan kawasan Nilai. Dan ini harus kita tingkatkan kerana kita tidak ingin lihat bahawa golongan berpendapatan rendah ini akan berada dalam satu kelompok yang tersendiri. Dan ini akan mendatangkan masalah sosial, masalah yang lebih besar kepada kita pada masa akan datang. Dan kesan negatif kepada kelompok-kelompok yang akan, kalau kita kelompokkan golongan ini, akan mendatangkan satu masalah yang lebih besar pada masa akan datang. Dan kita sedia maklum bahawa golongan ini ramainya terdiri daripada masyarakat Melayu dan masyarakat India. Jadi, kita tidak ingin lihat bahawa kita mengelompokkan golongan-golongan tertentu dan kita ingin lihat mereka duduk di dalam kawasan-kawasan yang sama membangun, yang bangun, kalau dalam 2020 kita lihat mereka di ada di Seremban 2, mereka ada di kawasan-kawasan yang lain.

Dato' Yang Dipertua, Tuanku juga menyentuh tentang pembelaan golongan yang memerlukan. Golongan yang berpendapatan rendah. Mereka ini agak terkejut baru-baru ini apabila menerima Notis E daripada Majlis Perbandaran Seremban, mereka dikenakan 20 ringgit Dato' Yang Dipertua. Ini adalah merupakan satu bayaran yang tinggi kepada mereka. Dan kita harus maklum bahawa 20, kadar yang dikenakan sebagai sebanyak 20 ringgit ini adalah terlalu tinggi kerana notis yang disampaikan tidak sampai beberapa ringgit. Tapi denda yang dikenakan 20 ringgit itu sangat tinggi kepada mereka. Jadi, saya harap agar perkara ini dapat ditimbangkan semula oleh Kerajaan Negeri dan PBT khususnya Majlis Perbandaran Seremban untuk melihat bahawa kos ini sebenarnya bukan satu hukuman kepada mereka, sebaliknya satu peringatan. Jadi saya harap agar pihak PBT, melihat bersama Kerajaan Negeri bahawa kos ini dapat dikurangkan semula. Dan kita minta dan kita rayu supaya rakyat terus membayar cukai mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

Dato' Yang Dipertua, Tuanku juga menyentuh tentang industri pelancongan. Sangat menarik Port Dickson merupakan satu ikon, satu perkara yang menjadi tumpuan pelancong untuk hadir di negeri kita.

Dan kita juga melihat malang ya, jaringannya, jaringan, saya mohon maaf kepada rakan-rakan di Teluk Kemang, jaringan, jaringan jalan raya terutamanya daripada Teluk Kemang ke Melaka, Teluk Kemang ke Linggi, banyak kita lihat rumput yang tumbuh tan, terbiar tak nampak pembahagi jalan dan penuh dengan rumput. Ini kawasan pelancongan yang sepatutnya kita beri tumpuan. Kita tahu bahawa ini adalah masalah kontraktor yang gagal dalam melaksanakan projek mereka tetapi Kerajaan Negeri tak boleh duduk diam kerana ini adalah kawasan pelancongan. Kerajaan Negeri kena melihat ambil iktis, ambil inisiatif untuk pastikan bahawa jalan raya di kawasan peranginan, di kawasan-kawasan tumpuan bersih dan indah. Ini patut kita lakukan. Begitu juga di persimpangan Lukut. Kita tahu beberapa bulan hujan turun, beberapa jam masih ada air. Orang daripada KLIA, daripada Sepang melihat bahawa ini cukup memalukan kepada kita kerana lopak yang cukup besar untuk melalui jalan tersebut. Beberapa bulan perkara ini berlalu. Dan saya tanyakan Lukut semalam, alhamdulillah telah diambil perhatian. Tetapi ia mengambil masa yang lama cukup lama. Ha? belum siap lagi. Jadi kita lihat inilah masalah yang berlaku yang sepatutnya tidak berlaku di dalam kawasan-kawasan tumpuan pelancongan, supaya kita terus dapat menarik pelancong-pelancong dengan cara sedia ada, yang lebih murah.

Dato' Yang Dipertua, Tuanku juga menyentuh tentang peranan jawatankuasa masjid. Kita maklum bahawa, inshaa allah pada, Dato' Menteri Besar, Y.B. Rantau, Yang Amat Berhormat Rantau memaklumkan bahawa akan ada pelantikan pada bulan Januari, bulan Disember. Jadi kita mohon bahawa cadangan Tuanku adalah penting untuk kita nilai bahawa pelantikan jawatankuasa masjid kita tidak hanya melihat mereka sebagai pemimpin tempatan tetapi kita kena lihat peranan mereka dalam masjid. Kita ingin lihat bahawa orang yang dilantik adalah orang masjid, orang yang datang ke masjid. Orang yang tahu tentang masjid dan tahu tentang permasalahan masjid. Kita tak nak orang yang dilantik tak pernah datang masjid. Hari Jumaat datang pun rakaat ke, khutbah kedua. Jadi kita mintak kali ini agar jawatankuasa masjid yang dilantik adalah di kalangan anak kariah masjid yang mampu, yang memang bersama dengan seluruh jemaah untuk sama-sama mereka mengorbankan pandangan, buah fikiran dan memajukan masjid-masjid yang ada di Negeri Sembilan ini. Itu pandangan saya dan cadangan saya kepada kerajaan.

Dan, pencahayaan, program pencahayaan yang juga dimaklumkan bahawa kita juga melihat bahawa, alhamdulillah ada program yang banyak. Namun kita lihat bahawa jalan-jalan utama masih lagi, masih lagi gelap. Kita ingin kalau kita ingin KL, KLIA melalui Labu, kita lihat melalui LB, melalui Seremban 2, kita lihat keadaan gelap. Keadaan

kawasan masih gelap. Begitu juga di bandar baru, daripada Bandar Baru Jempol ke Batu Kikir, kalau di kawasan Kuala Pilah, kita lihat semua jalan telah bercahaya. Tapi kalau di ba, di Jempol kita lihat sebahagian besar masih lagi gelap seperti yang Y.B. Palong katakan tadi. Jadi kita

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, masa cukup.

Y.B. ADUN Sikamat: Dua minit lagi. Begitu juga yang saya ingin menyentuh tentang ucapan Seri Menanti, ambil masa seminit. Dato' Yang Dipertua, mengenai ceramah politik, mengenai saya maklum bahawa memang kita sedia maklum bahawa pilihan raya telah berlalu dan kita ingin lihat bahawa kita harus insaf ya, kita harus insaf, bahawa kita ni kadang-kadang kita kata orang, tapi kadang-kadang kita tuduh orang, individu tertentu, lebih daripada itu. Kita tak nampak pun apa yang dia buat. Tapi kita seolah-olah kita lihat, kita cakap kita lihat macam kita melihat. Orang itu buat. Jadi jaga, saya juga terasa amat perlu bagi kita menginsafi bahawa kita edar bahan-bahan lucah sampai ke rumah. Dan seperkara yang tidak sepatutnya berlaku dan kita ingin lihat bahawa politik baru dalam, dengan adab yang baru, pada masa akan datang inshaa allah.

Dato' Yang Dipertua, terima kasih dan saya menyokong usul Titah Ucapan menjunjung kasih Ke Bawah Duli Yang Mulia. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ada lagi? Saya benarkan satu, seorang lagi.

Y.B. ADUN Lukut: Semat, selamat tengah hari kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat. Terima kasih kepada, Dato' Tuan Yang Dipertua, terlebih saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih atas Titah Ucapan

Y.B. ADUN Lenggeng: Dato' Yang Dipertua, mintak maaf, saya mengganggu. Saya ingin menjelaskan waktu 1.05, mengikut Peraturan Dewan, 1 tepat kita berhenti makan. Perut saya dah lapar Yang Dipertua.

Y.B. ADUN Lukut: Yang Berhormat, Yang Berhormat

Y.B. ADUN Lenggeng: Kalau nak sambung, sambunglah lepas makan, waktu makan tetap diikuti.

Y.B. ADUN Lukut: Tuan Yang Dipertua, sudah diberi peluang kepada saya

Y.B. ADUN Lenggeng: Saya ingin mengingatkan Yang Dipertua mungkin dia lupa

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Lukut: Ini kuasa Yang Dipertua.

Y.B. ADUN Lenggeng: saya ingin memperingatkan. Saya tahu kuasa dia. Tetapi salah ke saya menjelas Peraturan saya dan rakan.

Y.B. ADUN Lukut: Ini kuasa Yang Dipertua. Duduk.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Lenggeng: Sebab itu saya mintak dia membuat keputusan.

Y.B. ADUN Lukut: Jangan ganggu saya Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Lenggeng: Saya ingin memperingatkan Tuan Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat. Yang Berhormat. Sila duduk. Kedua-duanya sila duduk. Saya mintak Lukut sambung. Saya nak sambung satu lagi.

Y.B. ADUN Lukut: Tak faham ke kuasa Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat Lukut sila teruskan.

Y.B. ADUN Lenggeng: Apa yang Tuan Dipertua saya tahu kuasa, tetapi saya memperingatkan Dewan yang mulia waktu tetap waktu.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Teruskan.

Y.B. ADUN Lukut: Terima kasih Yang Dato' Tuan Yang Dipertua. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucap, mengucapkan ribuan terima kasih atas Titah Ucapan DiRaja, Tuanku Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan yang merasmikan Persidangan Kedua Penggal Pertama semalam.

Di sini saya ingin menyentuh keadaan pembangunan dan ekonomi di ne, negeri ini. Apa sebenarnya rancangan-rancangan dari Kerajaan Negeri atas projek Zon Selatan. Adakah pengumuman dibuat secara terbuka dan dapat perhatian dari pelabur tempatan dan juga pelabur asing? Jikalau mahu melaksanakan projek ini, adakah terdapat langkah-langkah untuk menarik minat pelabur tempatan dan juga asing? Saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri mengenai langkah dan strategi yang efektif tentang projek dari Kerajaan Negeri ini. Antaranya, satu, pemberian kemudahan serta insentif komprehensif untuk menarik minat pelabur tempatan dan asing. Yang kedua, ketelusan pemberian projek dan bukan melanjutkan *survival politic* mana-mana individu, dengan izin. Contohnya pada 23 haribulan September 2013, Perdana Menteri Dato' Seri Najib Tun Razak ketika berucap pada syarahan Kelab Komanwel di San Francisco, beliau berkata ingin menjadikan rasuah sebagai sebahagian daripada perkara yang sudah berlalu bagi Malaysia bukan suatu amanat pada masa akan datang. Dato' Yang Dipertua, yang ketiga, prosedur dari pihak kerajaan dan PBT perlu lebih fleksibel dan tidak terlalu licik. Yang keempat, kesemua projek mestilah meng, mengutarakan sesuatu yang lebih segar dan seterusnya dapat memperkasakan ekonomi negeri dan memartabatkan ekonomi rakyat.

Dato' Yang Dipertua, dulu Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dalam masa lima tahun iaitu dari tahun 2008 hingga 2012, Kerajaan Negeri Sembilan telah meluluskan 170 buah projek dengan mewujudkan 17,875 peluang pekerja, pekerjaan serta melibatkan modal pelabur, pelaburan yang berjumlah 11,931,461,749 ringgit. Angka tersebut amat berbeza dengan Kerajaan Negeri Selangor iaitu sebanyak 1,420 buah projek telah diluluskan dengan mewujudkan

125,067 peluang pekerjaan serta melibatkan pelaburan yang berjumlah 49,749,153,911 ringgit.

Dato' Yang Dipertua, dari statistik ini saya fikir dan rasa perlu Kerajaan Negeri belajar sesuatu dari Kerajaan Negeri Selangor untuk meningkatkan ekonomi negeri ini. Menurut sumber yang saya perolehi dari N9kini.com, pembentangan yang dibuat oleh Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pelancongan, Yang Berhormat ADUN Bagan Pinang, yang jiran saya, tentang *The Nine Wonder Product* baru-baru diyakini mampu menjana ekonomi negeri melalui beberapa produk pelancongan yang merangkumi produk lokasi dan aktiviti pelancongan dalam negeri. Apabila ianya dirancang pada tahun hadapan, iaitu seiring dengan Tahun Melawat Malaysia 2014, Kerajaan Negeri mensasarkan meningkatkan ekonomi melalui indus, industri pelancongan pula setelah sektor pelaburan menjadi faktor penting bagi eno, ekonomi negeri.

Dato' Yang Dipertua, baru-baru, baru-baru ini, Gabenor Bank Negara; Tan Sri Dr. Zeti mengumumkan Malaysia mengalami pertumbuhan ekonomi yang perlahan bagi suku kedua tahun ini, sasaran KDNK 4 peratus berbanding suku tahun pertama tahun ini 6 peratus. Oleh itu, saya mencadangkan di Dewan mulia ini, supaya usaha untuk meningkatkan ekonomi perlu diperluaskan dengan berbagai aktiviti dan sektor, antara pelancongan, antara pusat pelancongan yang tersohor dan perlu di menambah baikkan ialah kawasan Teluk Kemang. Dato' Tuan Dipertua, di sini saya ingin mencadangkan di kawasan Teluk Kemang ini perlu ditambah baikkan supaya dapat menarik pelancong dalam dan luar negara. Membaik pulih tempat bersejarah seperti muzium, yang pertama, Muzium Tentera, yang kedua Rumah Api Tanjung Tuan, yang ketiga Muzium Lukut, yang keempat Kota Lukut, yang kelima Makam DiRaja Selangor. Selain dari produk yang sedia ada, Kerajaan Negeri perlu membangunkan produk baru yang bersejarah seperti yang berikut. Yang pertama, Sungai Pak Mail, adalah jeti bersejarah yang terlibat dengan aktiviti perdagangan pada abad 18 iaitu sebelum wujudnya Pekan Lukut. Yang kedua, Kapitan Yap Ah Loy yang pernah bekerja dan berkhidmat di Lukut dan tanah air ini. Saya cadangkan, tugu peringatan bersejarah beliau di Lukut bagi menarik pelancong tempatan dan pelancong asing yang ingin mengetahui lebih lanjut tentang sejarah beliau. Yang ketiga, menaik taraf dan memantau kebersihan produk sumber semula jadi. Yang pertama, taman rekreasi Pasir Panjang, yang kedua pantai-pantai peranginan. Yang ketiga, pokok kayu bakau. Yang keempat, menambah baikkan aktiviti berkenaan satu sukaneka dan memancing.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, masa tamat.

Y.B. ADUN Lukut: Tuan Yang Dipertua, bagi sikit saja. Penganjuran hari keluarga dan perkhemahan, menjadikan pusat makanan terunggul, keluaran barang-barang untuk industri kampung, kebersihan, pelan dan agenda yang berkesan, penguatkuasaan yang berterusan. Saya mencadangkan juga kepada Kerajaan Negeri supaya menjadikan kawasan ini seperti zon Pataya di Thailand yang mana terbuka untuk semua kaum dan agama.

Akhir sekali, saya ingin bertanya adakah produk-produk pelancongan yang terdapat di Teluk Kemang ini akan dimasukkan dalam projek *The Nine Wonder Product* ini? Saya menyarankan Yang Amat Berhormat ADUN Rantau supaya setiap projek tidak akan dianaktirikan di kawasan DUN pembangkang. Contoh, contohilah

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Lukut: negeri-negeri yang ditadbir oleh Pakatan Rakyat di mana merun, peruntukan dan projek diberi, diberikan kepada kawasan yang dimenangi pembangkang. Contoh terbaru di Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Lukut: Saya menyokong usul ucapan, Titah Ucapan menjunjung Tuanku. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Amat Berhormat, ahli-ahli Yang Berhormat, Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian, sebentar lagi saya akan menangguhkan sementara persidangan kita untuk berhenti rehat. Sebelum itu sukacita dijemput semua hadirin ke Dewan Serbaguna, Wisma Negeri untuk jamuan makan tengah hari. Persidangan kita akan disambung semula pada jam 2.30 petang. Dewan kita ditangguhkan.

[Persidangan Dewan ditangguhkan pada jam 1.15 petang]

[Persidangan Dewan disambung semula pada jam 2.40 petang]

Setiausaha Dewan: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita sambung semula perbahasan usul terima kasih di atas Titah Ucapan tuanku.

Y.B. ADUN Chuah: Dato' Dipertua, terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih untuk saya ambil secepat, kesempatan untuk mengucapkan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus atas Titah Ucapan Baginda bagi perasmian pembukaan Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Ke-13, pada pagi semalam.

Dato' Yang Dipertua, dalam Titah Ucapan Yamtuan telah sentuh be, pembangunan seimbang antara bandar dan luar bandar. Dato' Yang Dipertua, Dato' Yang Dipertua, Tuanku telah ber, menyentuh katakan di luar bandar telah memantapkan 99 peratus air dan jugak elektrik. Itu memang betul. Jikalau kita tengok, paip SAINS semua ada. Tapi malangnya di luar bandarnya, di banyak kawasan khususnya di kawasan saya termasuk pagi-pagi tadi tu, Palong dan juga Juasseh tekanan air amat rendah. Bila musim perayaan, bukan paip bocor ataupun air putus-putus. Dan jugak dengan *electricity* sama jugak. Di luar bandar khususnya di Chuah atau Bukit Pelandok, hampir dua tiga bulan baca meter, tak sampai. Sampai hantar bil tiga bulan, adalah dua tiga bulan hantar sekali. Maknanya adalah satu bebanan untuk penduduk di luar bandar khususnya pendapatan yang bukan tentu sebagai bandar. Ya, bukan ada pendapatan yang tetap sebagai bandar, kerja pun tak tentu arah sebab penternak pun kurang, tanaman pun kurang.

Dato' Yang Dipertua, Yamtuan pernah sentuh, kawasan luar bandar ini walaupun jaringan jalan amat bagus, dari bandar ke desa, dari bandar, dari Timur ke Barat adalah jalan, jaringan. Tapi malangnya kita tengok, perkhidmatan pengangkutan awam, bas khususnya di luar bandarnya, di banyak kawasan tanpa penga, perkhidmatan pengangkutan awam khususnya di Bukit Pelandok. Pagi-pagi tadi saya dengar dia kata Klawang dah ada bas semula. Tapi *I* tak tahulah, dari Simpang Pertang ke Kuala Klawang ada ke tidak? Tapi saya tengok di beberapa kawasan kemungkin, Seremban ke Jempol ke Bahau mungkin ada. Adakah bas

dari Jempol, dari Bahau ke Gugusan Felda ada ke tidak? Oleh kerana tu saya cadang

Y.B. ADUN Klawang: Ada banyak.

Y.B. ADUN Chuah: Ada banyak ya. Bas banyaklah, bas kilang. Bas kilang. Pengangkutan awam. So, oleh kerana tu, saya cadang, saya jagalah khusus kawasan saya. Jaga Klawang. Dato' Dipertua, oleh kerana tu saya cadang mintak Kerajaan Negeri ni kaji semula untuk penangkutan awam di luar bandar sebab dah lama pohon di kawasan Chuah, Bukit Pelandok sebab tiada sebarang bas ataupun pengangkutan awam untuk *services* angkut penduduk di situ. Jikalau penduduk-penduduk di situ nak keluar untuk urusan kerajaan atau urusan lain-lain tu amat susah. [gangguan oleh ahli Dewan] Peraturan Tetap, ganggu ni.

Dato' Yang Dipertua, antara pembangunan luar bandar dan jugak bandar, Yamtuan telah sentuh luar bandar adalah sumber makanan-makanan utama. Tak kisah buah-buahan ka, tanaman sayuran ka, ataupun ternakan. Tadi saya dengar Jempol ni amat bagus sebab nenas. Di Bukit Pelandok ada jugak, buah naga. Ular naga belum sampai lagi, buah dia adalah. So, oleh kerana tu saya cadang, sebab luar bandar ni walaupun cuba sebagai sebuah *blue print* untuk meningkat ataupun naik taraf sebagai tanaman sayuran ataupun untuk menekankan makanan sebab antarabangsa sekarang pun tekanan sebab makanan. So, oleh kerana tu saya cadang ada tempat luar bandar ni tak cukup tanah nak tanaman ka, nak buat padi ka, sayur-sayuran ka, tidak dapat tanah pun. Oleh kerana tu, mintak kerajaan ini prihatin untuk menyediakan tanah dan jugak di kawasan saya sepatutnya penternakan ni dulunya hebatlah. Memang kuat. Lepas tu kena JE tu, tak tahulah. JE itu lama. Oleh kerana itu penternakan tu dia tak kisah khinzir ka, lembu ka, kambing ka, kita nampaknya pagi tadi kata, ayam, lepas tu harga kawalan bila musim perayaan tu kurang. Pengguna tu menyesal sebab nak ambil, nak beli barang tu harga terkawal kadang-kadang di pasar biasanya walaupun segar tapi mahal sedikit daripada pasar raya. Dan jugak di kawasan saya, dah Kerajaan Negeri pun dah wujud dan wartakan satu kawasan PFA. Maknanya penternak khinzir sepadu, mungkin dah 14 tahun. Tapi sampai hari ini kawasan tu walaupun wujud tapi tidak ada melaksanakan ataupun usaha. So, oleh kerana tu saya nak tanya Kerajaan Negeri apa langkah, adakah PFA itu akan teruskan ataupun berhenti macam tu, adakah apa-apa tindakan untuk pada masa depan jikalau tidak boleh ternak, ataupun membeban rakyat, penduduk ataupun penternak di situ. Apa tindakan? Adakah

Kerajaan, perancangan ataupun *plan* untuk ambil semula ataupun ambil balik tanah tersebut untuk tukar syarat buat lain-lain industri.

Dato' Yang Dipertua, apabila kita tengok pembangunan ekonomi termasuk jalan. Peruntukan amat tinggi. Kita kata bagus. Tapi bila tengok jalan antara bandar, luar bandar, masih tidak sempurna. Pagi ini kita tengoklah dari, kalau kita kata bila hujan, musim hujan, sebab saya dah kata, dari simpang Lukut, Dato' Hasim mungkin dia ikut belaknglah. Labu. Tak, sabarlah. So, maknanya simpang tu memang bertakung dengan air, banjir, kereta tak boleh lalu walaupun sementara ni dah siap sedikit, untuk sementara segerakan air takung tu mengalir. Saya haraplah Kerajaan Negeri untuk pohon kepada persekutuan untuk naik taraf. Apabila musim hujan, jalan ni banjir kilat, musim hujan tak nampak lagi, mungkin bulan depan. Sebab itu adalah jalan utama dari KLIA ke PD sebagai Pantai Peranginan. Kita tak nak satu imej yang rosak yang mencemarkan negara kita, tak jaga, atau negeri kita, sepatutnya kena war-warkan ataupun kena prihatin untuk jalan tersebut jalan utama untuk *airport* kepada tempat yang peranginan di Port Dickson.

Dato' Yang Dipertua, apabila kita tengok, dan sentuhkan, Yamtuan menyentuhkan Rumah Mampu Milik. Kita tahu, kos rumah sekarang di Negeri Sembilan bukan murah. Kita tengok sebagai rumah teres di Seremban 3 pun hampir [RM]400 ribu. Kalau rumah kembar, semi-d, lebih kurang [RM]600 ribu hingga [RM]700 ribu. Jikalau orang duduk Seremban khususnya luar bandar, pendapatan bukan tinggi sangat sebagai di bandar, di kota. Maknanya tak mampu milik rumah kembar ataupun sederhana. Walaupun ada program kata setiap pembangunan pemaju tu sepatutnya bagi 30 peratus untuk kos rendah. Tapi sejauh mana

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Chuah: Sejauh mana aspek tu, atapun kuota tu dah capai. So, oleh kerana tu saya menyeru Kerajaan Negeri sepatutnya ada tindakan mengawal harga perumahan untuk memantapkan ataupun bagi orang yang sepatutnya boleh memiliki rumah yang mampu. So, Dato' Yang Dipertua

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat cukup.

Y.B. ADUN Chuah: Lagi satu minit. Dato' Yang Dipertua, akhir kata, jikalau kita katakan bangun, bangunan, berjayaan di luar bandar, kawasan saya berhampiran dengan pantai adalah kelong nelayan berbagai-bagai, kelong tu. So, kita tengok, kita adalah jana kuasa Jimah Power. Maknanya apabila bila operasi di situ, agaknya sebab dia akan mengalami alam sekitar, air tu panas, akibatkan ikan, udang kurang. Dan, waktu kini minyak dah naik harga. Adalah satu bebanan untuk nelayan, yang terpaksa pergi jauh sedikit untuk menangkap ikan. So, oleh kerana tu saya mintak ataupun merayu dengan Kerajaan Negeri sila ambil hatian. Jikalau dia nak buat tambahan pun, jeti pun, kena kawallah alam sekitar. Sebab baru-baru ni saya keluar dengan nelayan tu, paip mengalir keluar yang air tu, wujud, untuk *cooling system*, paip dah bocor. Maknanya air tu agaknya panas, makna ikan, udang tak nak masuk. So, nelayan tu terpaksa keluar jauh sedikit. Oleh kerana itu saya mintaklah jabatan berkaitan, Alam Sekitar pun, Jabatan Perikanan pun, ambil prihatin untuk siasat dan kaji selidik semula tempat tertentu, itu tempat ialah nelayan bekalan, pengkalan nelayan Bakar Arang. So, Dato' yang Dipertua, dengan ini, saya sokong usul tersebut.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih.

Y.B. ADUN Johol: Dato' Yang Pertua, Johol bangun melafaz ucapan terima kasih serta membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar di Dewan yang mulia ini, kelmarin. Untuk memakmurkan dan mensejahterakan rakyat demi untuk memangkinkan serta menjamin pembangunan yang seimbang antara bandar dan desa, Johol ingin menarik perhatian kepada Dewan yang mulia ini. Pada pilihan raya yang 13 tempoh hari, Barisan Nasional dalam akujanjinya, dalam manifestonya telah menyatakan "janji ditepati", dan "rakyat didahulukan". Dan rata-rata mereka yang percaya kepada manifesto dan akujanji ini adalah rakyat di luar bandar. Oleh itu, dalam merancang strategi pembangunan Negeri Sembilan ini, rakyat yang mesti didahulukan adalah rakyat yang percaya dan yakin kepada manifesto ini. Oleh itu, rakyat di luar bandar yang menyokong kerajaan barisan Nasional, Barisan Nasional yang tertubuh di Negeri Sembilan ini wajar diutamakan.

Dalam soal ini, saya ingin menarik perhatian Dewan betapa perlunya kita memperkasakan JKKK yang ada di kampung-kampung. JKKK ini bukan je lagi, bukan saja bertindak sebagai tempat mengumpul aduan ataupun menyalurkan segala permasalahan bingit-ringit rakyat, tetapi JKKK ini mestilah diperkasakan, yang boleh merancang dan melaksanakan dasar-dasar serta mentadbir apa yang diturunkan

kepada rakyat di luar bandar. Oleh itu, satu transformasi mesti dilakukan kepada ahli-ahli JKKK ini termasuk pemilihan pengerusinya dan juga ahli-ahli JKKK-nya. Mereka ini, mesti tahu merancang, mengurus dan mentadbir kampung sendiri bukan sekadar untuk melaporkan tiang letrik tidak menyala ataupun lampu letrik tidak menyala atau longkang tersumbat. Tetapi mereka mesti mampu untuk mengengahkan kehendak rakyat. Kita tidak boleh lagi dalam era pembangunan ini, ataupun era moden ini, kita tidak boleh lagi menyatakan kerajaan semua tahu. Tetapi kita mesti mendengar rintihan, rintihan rakyat yang memberi kepercayaan kepada kerajaan Barisan Nasional ini, iaitu kerajaan ataupun yang memerintah Negeri Sembilan ini iaitu rakyat di luar bandar. Luar bandar itu bermaksud siapa dia orang bandar. Luar bandar keseluruhannya boleh dikatakan 80 peratus adalah orang-orang Melayu. Hanya orang-orang Melayu yang ramai masih mempercayai Barisan Nasional ini. Oleh itu akujanji dan “janji ditepati” ini mestilah diberikan kepada rakyat di luar bandar ini dan orang Melayu ini. Dan kepada mereka yang tidak berapa yakin dan tidak yakin, kita kemudiannya. Inilah saranan saya. Dan oleh itu, dalam pemilihan JKKK ini nanti, kita mesti menentukan iaitu pengerusi JKKK-nya mesti boleh mentadbir, mengurus dan segala-galanya.

Dan dalam konteks menyemarakkan ekonomi orang-orang kampung ini, Negeri Sembilan ini dikatakan negeri beradat. Oleh itu, kita mestilah memperkasakan institusi adat di Negeri Sembilan ini. Dato'-Dato' Lembaga ini mestilah tahu untuk, apakah yang diadatkan bukan sekadar adat istiadat. Dato' Lembaga ini mesti tahu iaitu Dato' Lembaga ini mesti tahu apa ertinya Emas Pendinding Malu. Kerana tugas Dato' Lembaga ini adalah untuk memajukan anak-anak buahnya dalam segi ekonomi. Oleh itu, perlulah diperkasakan institusi adat ini demi untuk menjana ekonomi orang-orang Melayu di kampung ini. Kerana itu, kalau kita lihat, terdapat tanah-tanah terbiar, tanah-tanah adat yang terbiar di Negeri Sembilan ini tidak dapat diuruskan. Tetapi sebenarnya perkara ini dapat diselesaikan jika Dato'-Dato' Lembaga ini berbalik kepada apa yang diadatkan. Iaitu tanah-tanah pusaka ataupun tanah-tanah adat ini yang tidak diusahakan, kembalikan kepada waris yang mahu mengusahakan. Ini syaratnya. Bukan mengikut nama yang terdapat dalam geran.

Dan Dato' Pengerusi, saya mengucapkan jutaan terima kepada Kerajaan Negeri Sembilan kerana menzonkan Johol sebagai zon pertanian. Memang kalau tuan-tuan dan puan-puan ataupun sidang Dewan, ahli Dewan ini datang ke Johol memang, kita nampak adanya kebun-kebun sayur, banyak di Johol-Johol. Tetapi malangnya, malangnya, dek kerana kebun-kebun sayur ini orang-orang Johol diserang dengan lalat. Oleh itu, zon, Johol yang dizonkan sebagai zon pertanian ini mestilah ada

caranya, caranya untuk menghapuskan lalat-lalat ini supaya lalat-lalat ini tidak mengganggu gugat kemakmuran dan kesejahteraan penduduk-penduduk di kampung. Kalaulah orang Johol ingin membuat kenduri kahwin misalnya, memang sukar kalau orang luar daripada Johol untuk mengadakan kenduri kahwin, lalat memang hitam menghinggap nasi-nasi dan makanan. Oleh itu, perlunya satu kajian dibuat bagaimanakah caranya jika zon, Johol ini benar-benar dizonkan sebagai zon pertanian bukannya menjadi zon lalat. Dan saya berharap, perkara ini dapat dipertimbangkan supaya yang berkebun mendapat kemakmuran, yang di Johol juga mendapat faedahnya, tetapi bukan faedah lalat. Sekian, terima kasih Dato' Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih.

Y.B. ADUN Johol: Saya menyokong Usul tersebut.

Y.B. ADUN Temiang: Terima kasih Dato' Yang Dipertua Dewan, saya bangun untuk mengambil ketetapan menyampaikan ucapan di, terima kasih kepada Duli Yang Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan atas Titah Ucapan Baginda merasmikan pembukaan Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-13.

Dato' Yang Dipertua, dalam Titah Ucapan Baginda ada menyentuh bahawa baginda berasa sukacita, sukacita dengan langkah proaktif agensi-agensi Kerajaan Negeri yang telah mengubah pendekatan iaitu daripada pendekatan memberi perkhidmatan kepada menawarkan perkhidmatan kepada, dengan kerap melaksanakan kaedah turun padang. Bagi saya, pesanan ini adalah penting untuk semua agensi kerajaan yang perlu diambil berat. Masalah, masalah rakyat perlu diselesaikan dalam masa yang singkat. Dan bukannya berlaku apa-apa kemalangan barulah agensi-agensi kerajaan yang berkenaan mengambil tindak, tindakan. Seperti contohnya, sejak saya menjadi ADUN selepas PRU Ke-13, saya hantar, saya ada menghantar beberapa memorandum kepada Kerajaan Negeri berkenaan, berkenaan dengan beberapa isu dengan kawasan Temiang yang telah menghantui penduduk-penduduk di kawasan Temiang. Contohnya masalah pembinaan bonggol jalan di hadapan Sekolah Jenis Kebangsaan Chi Hwa, Jalan Temiang bagi menjamin keselamatan murid-murid sekolah dan penduduk-penduduk di taman tersebut. Penduduk-penduduk Temiang juga berharap pihak kerajaan boleh membina lampu isyarat di simpang empat Jalan Temiang yang berdekatan dengan kedai aksesori

Hong Pang, dan kedai minuman dan makanan. Kerana simpang empat tersebut sering berlakunya kemalangan jalanan, jalan raya. Penduduk-penduduk Taman Temiang juga berharap Kerajaan Negeri membuat lampu isyarat di simpang tiga jalan masuk ke Taman Seri Pulai 3 agar menjamin keselamatan penduduk-penduduk. Selain itu, masalah kemalangan yang melibatkan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Chan Hwa Jalan Temiang juga masih tidak mendapat perhatian daripada Kerajaan Negeri. Ibu bapa berharap pihak MPS boleh membina sebuah jambatan bagi menye, menyelesaikan masalah ini. Ramai pelajar yang telah cedera kerana sistem lalu lintas yang sibuk terutamanya pada waktu pagi dan petang. Sehingga hari ini, saya belum nampak ada apa-apa tindakan dari Kerajaan Negeri walaupun kertas-kertas caga, cadangan dan memorandum sudah di, sudah dihantar pada 23 Julai dan 30 Julai 2013. Maka saya berharap Kerajaan Negeri mengambil tindakan tentang masalah-masalah ini sebelum berlaku apa-apa kemalangan.

Begitu juga isu banjir kilat yang telah menghantui penduduk-penduduk Jalan Limbok dan Jalan Haji Abdul Hamid. Setiap kali hujan lebat, penduduk-penduduk kedua-dua kawasan ini pasti dilanda banjir kilat. Walaupun kerajaan ada melaksanakan satu projek yang bernama membina longkang di belakang pusat penjaja Limbok oleh pihak MPS Seremban, yang bermula pada tahun lepas, dan dijangka disiap pada tahun ini, tetapi, projek ini sepatutnya disiapkan pada 28 Januari 2013. Tetapi sehingga hari ini, bulan 10, projek itu masih tergendala. Penduduk-penduduk berasa sangat kecewa dan marah kenapa projek ini tidak dapat disiapkan. Jalan-jalan masih tidak diturap lagi dan penutup-penutup longkang yang, tidak dipasang untuk mengelakkan orang ramai terjatuh ke longkang yang setinggi empat meter. Jadi orang ramai berharap pihak MPS perlu mengambil tindakan bagi menyelesaikan masalah-masalah daripada projek ini. Saya berharap janganlah berlaku sesuatu kemangan, kemalangan barulah mengambil tindakan. Oleh yang demikian, selain turun padang, saya juga berharap pihak kerajaan boleh melantik kontraktor-kontraktor yang bermutu tinggi dan baik supaya masalah-masalah rakyat betul-betul diselesaikan.

Dalam Titah Ucapan, Tuanku juga ada menyentuh pembangunan modal insan di negeri ini antara, adalah antara yang terbaik di Malaysia. Pelajar-pelajar yang mencapai keputusan yang baik dan, dalam peperiksaan UPSR, PMR dan SPM semakin bertambah. Ramai juga yang memasuki universiti-universiti tempatan. Oleh yang demikian, oleh demikian, saya berharap pihak Kerajaan Negeri boleh memberi peruntukan kewangan yang lebih dalam sektor ini, bagi membangunkan modal insan yang berilmu tinggi. Ini dalah kerana

pada masa dahulu, dahulu, kalau tak silap saya, bagi mereka yang berjaya memasuki IPTA mereka akan diberikan wang anugerah sebanyak 1,000 ringgit bagi meringankan beban keluarga. Tetapi baru-baru ini saya mendapat aduan bahawa pada tahun lepas dan tahun ini, mereka yang berjaya memasuki IPTA hanya dianugerahkan [RM]500 sahaja. Jadi, saya berharap mendapat penjelasan kenapa wang anugerah ini telah berkurang memandangkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar mempunyai peruntukan kewangan sebanyak [RM]10 juta setahun bagi perkhidmatan masyarakat. Cadangan saya adalah wang anugerah ini sepatutnya dihad, ditinggikan sehingga [RM]2,000 bagi menggalakkan lebih ramai pelajar-pelajar mencapai keputusan yang baik.

Di samping itu, belia yang juga merupakan 46 peratus daripada keseluruhan penduduk di negeri ini juga perlu diberi perhatian. Ini adalah disebabkan saya berasa takut kerana belia di negeri ini mungkin tercemar, mungkin akan tercemar oleh *cyber-cyber café* yang bersifat judi. *Cyber-cyber café* ini semakin berleluasa di Bandar Seremban. Di kawasan Temiang melebihi 20 buah kedai telah dijadikan *cyber café*. Tetapi belum ada apa-apa tindakan daripada kerajaan ataupun Pihak Berkuasa Tempatan. Ibu bapa berasa sangat bimbang akan anak-anak mereka terlibat dalam perjudian. Jadi, saya berharap Kerajaan Negeri perlu memberi perhatian atas masalah ini.

Dato' Yang Dipertua Dewan, perkara seterusnya adalah berkenaan dengan bonggol-bonggol jalan yang dipotong oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Penduduk-penduduk sering membuat aduan bahawa bonggol-bonggol jalan ini terlalu tinggi dan tidaklah mengikut struktur yang ditetapkan sehingga merosakkan kenderaan mereka. Selain itu ada juga bonggol-bonggol jalan yang tidak dicat dengan baik. Penduduk-penduduk tidak sedar bahawa wujudnya bonggol-bonggol jalan sehingga berlakunya kemalangan jalan raya. Pihak PBT perlu mengambil serius kerana pernah berlaku pembinaan bonggol jalan yang tidak bercat sehingga menyebabkan kemalangan menyebabkan pihak PBT disaman di mahkamah. Oleh yang demikian, saya berharap pihak PBT memandang masalah ini agar masalah yang sama tidak berulang lagi.

Dato' yang Dipertua Dewan, perkara yang seterusnya adalah pada tahun lepas, saya ada membongkarkan satu peristiwa di mana saya mendapati pihak Parti UMNO tidak menjelaskan cukai, tunggakan cukai yang berlima, [RM]508 setahun. Selama lima tahun, dengan jumlah Ringgit Malaysia 2,540. Walaupun tunggakan ini telah dijelaskan pada tahun 2012, tapi saya berasa praktis ini tidak dapat, amat mengecewakan kerana sebagai parti pemerintah, perlu menjadi satu

contoh yang baik. Nasib saya, nasib baik saya bukan dari parti berkenaan. Tetapi, pada kali ini, semasa saya membuat carian berkenaan dengan cukai tanah, ada satu parti lain yang menyukakan, yang merupakan parti pemerintah Kerajaan Barisan Nasional. Saya mendapati bahawa cukai tanah yang hanya 200 ringgit, 205 ringgit setahun sahaja juga masih belum dijelaskan oleh parti berkenaan. Seperti yang kita tahu, cukai tanah perlu dijelaskan pada setiap 31 Mei setiap tahun untuk meletakkan, untuk mengelakkan tanah dirampas. Mengikuti maklumat carian saya, bayaran cukai *online* pada hari ini, iaitu *1st of October* 2013, saya mendapati parti MCA Negeri Sembilan yang beralamat di No. 42, Jalan Tunku Munawir, 70000 Seremban Negeri Sembilan mempunyai tunggajian, tunggakan cukai tanah sebanyak 105 ringgit untuk tahun ini. Bayaran ini masih belum dijelaskan. Mungkin parti itu sibuk dengan krisis kepimpinan dan peperangan dalaman parti sehingga mereka mahu berharap masalah bayaran cukai pun menjadi isu. Jadi saya berharap pihak berkenaan perlu mengambil tindakan dan menjadilah contoh yang baik supaya rakyat boleh memahami dan mengikuti langkah-langkah yang ditetapkan.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, masa cukup.

Y.B. ADUN Temiang: Ada satu lagi, satu lagi saja saya Yang Dipertua, satu lagi saja. Belum lagilah, satu lagi. Belum lagi. Ada, mungkin tahun depanlah, kamulah.

Dato' Yang Dipertua Dewan saya ingin menanyakan apakah status sekarang bagi projek Lingkaran Tengah Fasa 3 yang menyambungkan kawasan Sikamat ke Temiang, dan Jalan Labu? Projek ini nampaknya tidak apa-apa perkembangan sehingga hari ini. Projek ini dijangka akan membangun ekonomi di kawasan Temiang dan Bandar Seremban. Itu saja. Saya menyokong Usul. Sekian, terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih.

Y.B. ADUN Mambau: Terima kasih Dato' Yang Dipertua Dewan. Saya bangun untuk mengambil ketetapan, ketetapan menyampaikan ucapan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan atas Titah Ucapan Baginda bagi merasmikan pembukaan Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-13.

Dato' Yang Dipertua, perkara yang saya ingin sentuh dalam Dewan yang mulia pada pagi, pada hari ini ialah berkenaan dengan masalah isu penubuhan perbadanan pengurusan rumah pangsa, *flats* yang tidak aktif atau *maintenance service*, minta izin, yang kurang memuaskan yang diberikan oleh ahli jawatankuasa penubuhan tersebut. Pada pengetahuan semua sekalian, pihak MPS sentiasa menyatakan tiada peruntukan atau dana dalam memperbaiki segala kerosakan kemudahan awam di sekeliling kawasan rumah pangsa *flat* tersebut. Dan pihak MPS juga bercadang pemilik-pemilik di antara *flat* tersebut supaya menubuhkan satu badan pengurusan untuk menyelesaikan masalah mereka masing-masing. Iaitu, segala pembaikan dan penyelenggaraan dalam kawasan sendiri hendaklah dibuat oleh badan pengurusan melalui caj penyelenggaraan yang dikutip seperti yang telah dipersetujui di dalam sesuatu mesyuarat agung.

Dato' Yang Dipertua, saya dengan hormatnya ingin menarik perhatian semua dalam Dewan yang mulia ini bahawa saya se, saya sentiasa terima atau mendapat maklum balas daripada pihak pemaju bahawa pemilik-pemilik rumah pangsa tidak memberikan kerjasama dalam menubuhkan perbadanan pengurusan. Notis mesyuarat, notis mesyuarat agung tahunan telah berulang kali dikeluarkan tetapi masih belum berjaya ditubuhkan. Atau sebaliknya, ada pula penubuhan pengurusan rumah pangsa *flat* tersebut telah berjaya mengutip sebahagian caj kutipan daripada pemilik-pemilik rumah pangsa tepat, tetapi tidak menguruskan dengan baik. Dan kesemua kejadian sebegini telah menyebabkan bangunan rumah *flat* tersebut tiada diselenggara dengan baik dan terabai.

Dato' Yang Dipertua, segala kemudahan awam khususnya pembersihan sekitar, lampu jalan kaki lima atau lampu tangga yang tidak berfungsi pada waktu malam di dalam bangunan rumah pangsa *flat* amat membahayakan keselamatan para semua pemu, pemilik-pemilik yang menduduki dalam rumah *flat* tersebut. Oleh yang demikian, saya sungguh berharap kerajaan atau Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa memantau dan memandang berat supaya memberi perhatian terhadap masalah yang tertimbul di beberapa kawasan bangunan rumah pangsa *flat* yang berada di dalam taman perumahan.

Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin mengambil kesempatan dalam Dewan yang mulia ini, menyeru kepada pihak Kerajaan Negeri supaya membuat kajian semula untuk mengambil balik kuasa daripada penubuhan perbadanan pangsa tersebut atau rumah pangsa *flat* yang tidak aktif atau kurang aktif dan menguruskan segala kemudahan awam di bawah penguasaan MPS atau MPN sendiri dan Daerah

berkuasa masing-masing. Dan saya percaya segala masalah yang tertimbul dapat diselesaikan dengan kawalan yang teratur dan terjaga di bawah kuasa, di bawah kuasa Kerajaan Negeri yang profesional ini.

Dato' Yang Dipertua, perkara yang kedua saya ingin bangkitkan pada hari ini ialah tentang projek naik taraf jalan fasa 3 di Jalan Tok Ungku. Dato' Yang Dipertua, saya telah menerima banyak aduan daripada pengadu yang menyatakan kerja-kerja projek naik taraf jalan yang melibatkan kos sebanyak Ringgit Malaysia 8.5 juta ini masih belum siap dibina pada masa yang agak lama. Dan telah menimbulkan berbagai masalah lalu lintas di sepanjang jalan tersebut. Antara masalah utama yang tertimbul ialah seperti kerosakan jalan atau kesesakan kereta setiap hari pada masa kelmarin.

Dato' Yang Dipertua, saya difahami bahawa projek naik taraf jalan ini akan siap dibina pada 3 haribulan November 2013 iaitu yang akan datang, iaitu lebih kurang satu bulan dari masa sekarang. Dan selepas pemantauan yang telah saya, yang saya telah dijalankan, sehubungan dengan itu, saya berpendapat bahawa ia agak mustahil, ia agak mustahil. Ia agak mustahil di, jalan tersebut akan disempurnakan seperti jadual yang ditentukan. Berdasarkan, saya tidak nampak ada apa, tidak, saya tidak nampak ada sebarang kerja-kerja *positive*, minta izin, pada keseluruhannya.

Dato' Yang Dipertua, saya ingin mengambil peluang dalam Dewan yang mulia ini supaya menyeru pihak Kerajaan Negeri campur tangan atau meninjau kemasalah, kemasalahan projek naik setaraf, naik taraf jalan, jalan tersebut ini. Walaupun ianya adalah di bawah kuasa satu projek persekutuan, pihak Kerajaan Negeri harus meneliti, memantau dan memandang berat projek jalan ini supaya memastikan kerja-kerja proses berjalan dengan lancar dan cekap.

Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini semoga segala isu dan masalah yang dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini dapat diambil perhatian atau perhatian oleh pihak Kerajaan Negeri atau pihak-pihak yang terbabit kerana semua isu yang dibangkitkan ialah untuk kepentingan dan keutaman rakyat demi kemajuan pihak Kerajaan Negeri. Saya menyokong usul menjunjung kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Yang diperta, di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Terima kasih.

Y.B. ADUN Lenggeng: Dato' Yang Dipertua, terlebih dahulu saya ingin memanjatkan perasaan kesyukuran yang tidak terhingga kepada Allah

s.w.t. kerana dengan izin-Nya jua saya berkesempatan balik untuk mencecah kaki di Dewan yang mulia ini. Saya ucap terima kasih kepada ahli Yang terhormat daripada Chennah telah mengalu-alukan saya hadir. Saya masih ingat lagi ucapan terakhir saya di Dewan mulia ini pada tahun 2008. Pada masa itu saya dianggap di antara Wakil Rakyat yang paling jahat di negara ini. Apakala usaha-usaha untuk memancung saya, saya berpesan, ingatlah ahli-ahli Yang Berhormat, kalau nak membunuh orang itu pastikan dia dibunuh habis-habisan. Seandainya dia bunuh, hantu dia balik ke dunia ini, itu lagi bahaya. Saya yakin dan percaya daripada 2008 dulu, hingga ke 2013, mungkin hantu saya balik balik.

Hari itu waktu pilihan raya sahabat-sahabat parti lawan mengatakan saya calon kitar semula. Saya akui di Dewan yang mulia ini saya yang merupakan ADUN yang paling tua. Tapi kitar kitar-kitar semula diketawakan pihak lawan apakala berlaku pertandingan setengah jalan, calon parti lawan pulak kena angin ahmar. Jangan main-main 'samo' 'oghang' 'tuo'. Saya bukan nak loya buruk, tidak. Di Dewan yang mulia hanya saya sorang ya yang pernah memakai jersi kebangsaan ragbi Malaysia. Tuan-tuan 'mano' 'ponah'. Dan rekod 100 meter di sekolah asrama penuh di Ipoh masih hingga ke hari ini belum siapa pun dapat memecah rekod 11.3 saat. Jadi tuan-tuan jangan pandang *body* 'kek' 'sey'. 'Sey' dah 'tuo'. Waktu saya 'mudo' dulu banyak 'pompuan' syok kek sey. Sekarang 'apo' boleh 'buek', dah 'tuo'.

Jadi, soal kitar semula tak, yang penting ahli-ahli Yang Berhormat, apakala memegang jawatan ahli Yang Berhormat pentingkan rakyat yang kita wakili. Apa yang perlu ditolong, tolong. Kalau tak dapat tolong, terus terang beritahu dia. "Saya tak dapat tolong, apa nak buat." Sebab itu tuan, ahli Yang Berhormat ikut perangai saya. Hari-hari saya balik kampung, saya pakai kain. Bila dia mintak derma dia tengok sebabnya saya pakai kain, dia tak mintak derma, "kesian kek dio, dio pakai kain". Tuan-tuan ahli Yang Berhormat jangan masuk kampung turun padang pakai baju cantik-cantik, nanti pengundi-pengundi akan, "hui ai, baju dia cantik, mesti pendapatan dia lebih". Jangan. Sebab itu, hari itu bila apa, pejabat Dewan hantar saya, borang, perisytiharan harta saya baling borang tu. 'Apo' pulak saya dimintak perisytiharan harta, tak pernah pun saya mengambil harta kerajaan. Dia patut ahli-ahli Yang Berhormat yang ambil harta kerajaan ni kena buat perisytiharan harta. Adik-beradik ahli Yang Berhormat yang menggunakan nama Yang Berhormat membuat harta kena buat perisytiharan harta. Barulah betul. Ni orang macam saya nak mintak. Saya balingkan borang tu.

Tadi ahli Yang Berhormat dari Johol dia bercerita pasal mintak agar apakala pelantikan JKKK Dato' Yang Dipertua ni dikaji betul-betul, saya pun bersetuju. Bayangkan di kawasan saya Ulu Beranang, Ketua Kampungnya, Pengerusi JKKK-nya duduk di Taman Tuanku Jaafar. Ini keputusan apa yang dibuat? Bayangkan Setiausaha JKKK di kampung saya, Kampung Batu 9 Pantai duduk di Kelang. 'Sapo' buat keputusan? Nanti saya kata keputusan bodoh, marah. Jadi, bila kita mengkaji ni, kaji baik-baik. Dalam ucapan titah, Titah Ucapan Duli Yang di-Pertuan Besar, saya anggap ini satu ucapan yang amat bernas amat dalam isi katanya. Saya dah tengok ucapan Yang di-Pertuan yang lepas-lepas, semua tak boleh pakai. Ini ucapan yang boleh pakai. Eh, 'apo' pulak saya takutkan. Dia dah tak ada, 'dio' dah mangkat. Kalau dia hidup, takutlah saya.

Jadi, ucapan ini yang terbaik yang penuh dengan makna dan dia kata ada perbezaan kawasan bandar dan luar bandar. Kawasan saya, saya pergi tengok ni di Lenggeng, jalan banyak yang tak bertar lagi, di Kampung Tengah Lenggeng tak bertar. Bayangkan Malaysia dah merdeka, ada lagi jalan yang tak bertar. Ha, naik angin saya tengok. Hari tu ada jalan tu, tak habis, daripada Kampung Rawa bawak ke Sungai Jai. Tak ditar, dituduh pulak saya yang tak jadi ADUN pada masa tu, menahan. Saya cakap "bila masa pulak saya menahan?". Alhamdulillah, sebulan je saya jadi Wakil Rakyat balik, dah ditar. Barulah betul.

Ni, ahli Yang Berhormat jangan takut tau. Tak kiralah parti pembangkang ke, parti apa, jangan takut buat kerja. Kita buat kerja kerana menolong orang ramai. Kadang-kadang benda tu tak cukup kita hadaplah keadaan macam mana. Tadi saya setuju pandangan daripada Yang Berhormat daripada Johol tadi pasal kedudukan JKKK. Ahli Yang Berhormat bayangkan saya jadi balik Wakil Rakyat, balai raya Lenggeng hutang letrik [RM]8,000, hutang air [RM]5,000. Dewan masyarakat Pantai hutang letrik [RM]4,000 hutang air [RM]5,000. Apa tanggungjawab kerajaan terhadap benda yang berlaku seperti ini. Balai raya berhutang [RM]8,000 bil letrik. Saya 'senseng' seluar saya menyelesaikan masalah. Saya ugut TNB, "kau potong letrik, siap kau". Saya nak ucap terima kasih kepada barisan ni, kakitangan kerajaan. Dia buat kerja baik. Kadang-kadang ahli Yang Berhormat yang 'ek' dengan kakitangan kerajaan ni. Wah, 'ek'. Pandang Yang Berhormat, pandang kakitangan kerajaan tu, pandang lain macam. Hormatlah kat dia, dia tak boleh bersuara 'je'. Tapi kerja dia boleh. Dia tahu buat kerja. Jadi itulah dia.

Tadi mintak maaf Dato' Yang Dipertua, Dato' Yang Dipertua kata kena bawak usul ke apa. Eh, ucapan di Dewan kena dinota tu. Mana yang

baik kena buat. Yang tak baik tu lepas tu cakaplah “engkau tak baik”. Mintak maaf kalau Yang Berhormat tadi, Yang Berhormat pun tak tahu *trick* tau. Bila saya sergah tadi, patut Yang Berhormat mintak kepada Dato’ Yang Dipertua “mintak saya sambung berucap lepas makan”. Barulah Yang Berhormat dapat berucap panjang. Bila saya sergah, Yang Berhormat dah menggelabah, saya senyum saja waktu makan tadi. Dia kena, dalam politik ni kena pandai *trick* nak hidup tau.

Jadi saya nak ucap terima kasih kepada semua pegawai-pegawai kerajaan kerana berusaha. Saya kalau adalah, saya ada kuasa, saya naikkan gaji pegawai-pegawai kerajaan tu, tapi kuasa saya tak ada, tapi tak apa saya, harus ahli Dewan perjuang tu. Satu hari satu esok kita buat usul di Dewan ini, semua kakitangan kerajaan dinaikkan pendapatan. Kalau dia tak lulus, tak apalah, sekurang-kurangnya kita memperjuangkan dia. Dia dah nolong kita.

Saya nak sebut pasal apa ni, pasal baru ni, mintak maaf ahli Yang Berhormat daripada Paroi. Saya walaupun kawasan saya di belah Lenggeng, hutan tu, saya duduk selalu di Seremban. Saya pergi minum teh di Dataran Senawang, minggu lepas, waktu saya duduk situ orang-orang Melayu datang berkumpul saya. “To’, To’, Dewan besok Dato’ tolong sebut.” “Apo hal ni?”. “To’, Dato’ bayangkan parking meter berbayar dah dipasang dah di Dataran Senawang”. Saya cakap dalam keadaan hari ini, harga minyak naik, harga rokok naik, janganlah *parking* meter tu dipasang. Antara kawasan yang paling maju di sektor perniagaan hari ini adalah di Dataran Senawang. Dan dari segi pendapatan cukai kerajaan banyak di situ. Kalau pendapatan cukai kerajaan dah dapat, pasal apa *parking* meter nak dikenakan di Dataran Senawang? Ahli Yang Berhormat Paroi nak marah, marahlah. Saya dah beritahu orang tu, “kalau naik besok, tak apa, saya akan pecahkan satu persatu”. Tak betul. Tuan-tuan cuba fikir *parking* meter tu dinaikkan. Ha, satu jam 60 sen. Tak bayar kena kompaun 20 ringgit. Apo MPN, Majlis Perbandaran Seremban dah pokai sangat ke? Sampai nak buat kerja ni.

Saya kampung saya Pantai tak boleh buat *parking* meter. Kampung. Orang ‘kato’ “wuih, kampung Dato’ Kampung Pantai tak berlaut”. Atuk engkau, engkau tak faham. Semua ahli Yang Berhormat yang duduk di Seremban minum air daripada Pantai tu. Sungai Ngoi-Ngoi, Sungai Terip, semua di Pantai. Saya nak beritahu JPS, tolong jaga sedikit pengeluaran pasir terutamanya di Pantai, di Lenggeng. Besok ‘kok’ ‘moda’ tuan-tuan di Seremban tak ‘dapek’ minum atas gangguan yang berlaku. Jadi, saya tengok pengeluaran pasir cukup dasyat. Saya belum turun habis ni. Saya baru tengok ‘tang’ jauh ‘jo’. Orang kata

berpandang-pandanglah. Esok bila saya *check* habis-habis 'sok', tahulah tuan-tuan.

Jadi, itulah saya cukup setuju pandangan ADUN Palong tadi. Disokong oleh ADUN Chennah pasal ni Dewan diubah suai. Dulu-dulu bawah tompek duduk itu ada plastik macam tu, plastik tebal. Barulah kita duduk, kita boleh tolak mengelongsor je. Nia 'bilo' 'oghang' nak lalu, 'jogang' jubur tau. Jadi, ini pun tak betul tau. Mintak maaf saya gunakan 'bahaso' sendikit sedikit 'jogang' punggung semua ni. Jadi, lain kali *check* betul-betul. Ni, nak keluar pun 'paghah', ni badan montel-montel pulak sini ha. Nak lalu punya payah. Jadi, saya mintak Dato' Yang Dipertua, bukan banyak sangat 'belanjo' 'eh' ni 'doh', 'taghuk' plastik baru 'sodap' mengelongsor, tidur pun 'sodap'. Ini, takdo plastik ni.

Jadi, dimintak juga Dato' Yang Dipertua, mengambil, tadi yang, ahli Yang Berhormat daripada Juasseh sebab mutaah disebut. Ahli Yang Berhormat dah pernah 'cubo' 'ko'? Cukup *expert* dio cakap, kita boleh kahwin ni, uish. Kebanyakan tuan-tuan ni bukan tak boleh kahwin lebih daripada satu, tak berani je, takut, ya. Jadi, tapi dalam kes ini, Jabatan Agama kena *check* habis-habis dan kena pastikan ini tak berlaku. Boleh pulak kahwin, boleh 'jumbo' janji kahwin, lepas tu dah, tolak pulak, pun tak betul jugak. Kahwin ini merupakan satu yang kita laksanakan dalam hidup yang membawak kepada generasi akan datang. Janganlah main-main. Jadi, ini pun tak betul Dato' Yang Dipertua. Saya ucap tahniahlah Dato' Yang Dipertua

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, masa cukup.

Y.B. ADUN Lenggeng: Saya ucap tahniah, Dato' terus nak potong saya bercakap. Ha, besok tak 'ndak' saya tahniah deh. Ini, ini saya dah penghujung dah ni. Lain tak 'ndak' sangat saya sebut apa-apa ya. Jadi pengeluaran pasir saya mintak sangat JPS terutamanya dalam kawasan saya.

Dato' Yang Dipertua, saya ucap terima kasih kepada Dato', mintak maaf tadi saya naik angin sikit sebab perut saya dah lapar. 'Oghang' 'tuo' 'copek' lapar tau, 'oghang' 'mudo' lain. 'Oghang' 'tuo' 'copek' lapar. Tapi 'poi' makan tadi Dato' Yang Dipertua, makanan pun tak syok, langsung saya tak ada mood nak makan. Tengok lauk pun tak 'sodap' 'bonalah'. Bukannya, taghuk tak 'sodap' 'dio' tahu ahli-ahli Yang Berhormat semua ni boleh makan di luar. Lain kali kalau dapat tak ada makan, Dato' Yang Dipertua putuskan, buat elaun makan, bagi kepada

kita semua kita boleh makan di luar. Dato' Yang Dipertua, terima kasih. Dan saya menyokong.

Y.B. ADUN Port Dickson: Salam sejahtera, salam reformasi. Terima kasih Dato' Yang Dipertua Dewan, saya bangun untuk mengambil ketetapan menyampai ucapan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan atas Titah Ucapan Baginda bagi perasmian pembukaan Mesyuarat Kedua Penggal Pertama

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Dipertua, mohon izin.

Y.B. ADUN Port Dickson: Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-13.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, mohon saya mencelah. Saya nak supaya kita betulkan supaya menjadi panduan kepada Yang Berhormat. Kepada Duli Yang Maha Yang di-Pertuan Besar, kita mesti cakap ucapan "menjunjung kasih" bukan "terima kasih". Untuk menjadi, supaya semua orang tahu. Bukan ucapan terima, tetapi menjunjung kasih.

Y.B. ADUN Port : Terima kasih Yang Berhormat. Menjunjung kasih, Negeri Sembilan Yang Ke-13. Saya juga, Dato' Yang Pertua, saya juga ingin mengucap terima kasih dan yakin Yang Amat Berhormat Menteri Besar sering mengunjungi Daerah Port Dickson sama ada urusan rasmi mahupun persendirian. Namun, di sepanjang perjalanan Yang Amat Berhormat itu, tidak, tidak ke Yang Amat Berhormat melihat begitu banyak longgokan projek-projek terbengkalai di sepanjang jalan pantai dari Bagan Pinang, Teluk Kemang sehingga ke Pasir Panjang? Sedangkan di kawasan Dewan Undangan Negeri Lukut dan DUN Port Dickson yang dimenangi oleh Pakatan Rakyat semakin berkembang besar. Projek yang didahulunya terbengkalai, kini giat dibangun semula. Mengapa pula kawasan Bagan Pinang dan Linggi dimenangi oleh Barisan Nasional terus dibiarkan? Justeru, apa langkah Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan isu ini? Mengambil contoh projek lebuh raya terbengkalai yang telah dimulakan semula pembinaannya sehingga kini masih belum dicapai peratusan kerja yang di, memuaskan. Sebabkan ada sumber menyebut kontraktor beterbantut telah memohon untuk menanggungkan lagi enam bulan tempoh lagi menyiapkan projek telah ditangguh selama lebih tujuh tahun ini.

Berapa lama rakyat lagi terus menanggung kepa, kepayahan hasil dari kesilapan perancangan? Berapa banyak lagi wang rakyat yang membayar cukai dibazirkan?

Dato' Yang Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Jabatan Kerja Raya kerana menyiapkan persimpangan lampu isyarat Politeknik Port Dickson. Sambil merakamkan ucapan takziah kepada 12 waris mereka yang telah terkorban di simpangan tersebut setika ianya terbengkalai hampir tujuh tahun sebelum ini. Justeru saya ingin memanjangkan tuntutan penduduk setempat akan membimbangkan mereka setelah lebuh raya yang memasuki kawasan perumahan Taman Politeknik ini siap sepenuhnya kelak.

Untuk isu penyelesaian lanjut, pihak Jabatan Kerja Raya hendaklah diperlukan bagi menjawab persoalan seperti berikut. Nombor satu, kedudukan jalan utama yang melalui Taman Politeknik, Sekolah Menengah Agama Teluk Kemang dan bahagian Teknologi Penyelidikan Negeri Sembilan bersifat *bottle neck* ketika melalui kawasan kejiranan ini. Nombor dua, harus ada konsilasi [konsultansi] antara pihak JKR dengan komiti setempat khasnya Persatuan Penduduk Taman Politeknik yang menerima kesan secara langsung dari projek ini. Nombor tiga, apakah tindakan JKR bagi menyelesaikan persoalan tersebut?

Dato' Yang Pertua, sesungguhnya saya menuntut Kerajaan Negeri untuk menyediakan suatu pelan pembangunan yang dapat terus merangsang ekonomi Negeri Sembilan secara keseluruhannya. Khasnya Daerah Port Dickson agar terus berkembang harus, agar daerah ini tidak harus dilabel sebagai pemilik begitu banyak projek terbengkalai yang jelas mencacatkan reputasi Port Dickson sebagai Pantai Peranginan Negara. Saya juga tidak memahami apakah agenda sebenarnya Kerajaan Negeri dalam isu projek menambak pantai Teluk Kemang yang ditentang oleh penduduk tempatan, masyarat peniaga dan pelancongan pencinta alam sekitar? Telah dikeluarkan berbagai kenyataan media, memorandum kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri sehinggalah memorandum yang dihantar ke Dewan Rakyat. Jelas menunjukkan kegagalan Kerajaan Negeri memahami naluri hati rakyat dalam isu ini.

Dato' Yang Pertua, dahulunya Port Dickson dan Pantai Teluk Kemang menjadi siulan para pencinta keindahan alam. Kini hanya menjadi igauan negeri [ngeri] berpunca dari keadaan pantai yang semakin kotor hasil kerja cuai Pihak Berkuasa Tempatan. Diburukkan lagi dengan kesesakan lalu lintas di panjang Jalan Pantai setiap kali cuti hujung

minggu, umum dan perayaan. 16,000 buah kenderaan hari biasa meningkat 20,000 buah kenderaan pada hari cuti.

Dato' Yang Pertua, kedudukan Port Dickson yang bersempadan dengan Negeri Selangor dan Negeri Melaka. Dua buah negeri maju di Malaysia. Namun kedudukan strategi gagal dimanafaat sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Sembilan untuk menarik memasukkan pelabur bagi memaju pertumbuhan ekonomi. Tidak nampak tanda-tanda Kerajaan Negeri mempunyai agenda untuk menaik taraf jalan utama di daerah ini. Justeru saya sekali lagi ingin memanjangkan tuntutan rakyat mengenai, nombor 1, projek naik taraf jalan Port Dickson ke Sepang. Nombor 2, projek naik taraf Jalan Pantai ke Port Dickson hingga Pasir Panjang dan Linggi. Nombor 3, menghidupkan semula perkhidmatan kereta api da, dari Seremban ke Port Dickson. Nombor 3, nombor 4, menambah balik perkhidmatan bas awam, melebarkan perkhidmatan bas dari Port Dickson terus ke Kuala Lumpur melalui KLIA, Putrajaya dan juga Melaka.

Dalam sidang Dewan yang lalu, saya telah membangkitkan bebeta, betapa perlunya sebuah jawatankuasa khas ditubuhkan bagi memantau melaksanakan setiap projek pembangunan agar ianya tidak memberikan kesan negatif kepada rakyat. Segala projek yang dilaksanakan haruslah berpandukan kepada aspirasi dan kehendak rakyat. Bukan pelaksanaan projek yang tidak beruntung membayar cukai atau menyerah kawasan yang sepatut menjadi milik awam kepada syarikat swasta. Mengambil contoh, projek *PD Wellness* yang menafikan hak, hak awam atas pantai Teluk Kemang.

Dato' Yang Pertua, akhirnya mengizinkan saya menyentuh mengenai projek Bandar Tentera Darat yang tak setakat ini tidak memberikan manfaat secara langsung kepada warga tentera serta veteran ATM. Sehubungan itu, apakah langkah Kerajaan Negeri memastikan projek ini tidak sekadar menjadi tatapan mata sahaja? Kerajaan Negeri haruslah mempunyai komitmen serta politik

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Port Dickson: dalam melaksanakan amanah kepercayaan yang telah diberikan oleh rakyat. Lebih banyak inisiatif dan peluang menjalankan perniagaan dan pembangunan keusahawan untuk bumiputera khususnya veteran tentera perlu diwujudkan.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Port Dickson: Sudah, satu minit.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Masa cukup.

Y.B. ADUN Port Dickson: Satu minit, okay. Saya juga ulang sekali lagi, sebab saya pernah bawak isu sebelum ini dalam Dewan yang mulia ini, isu pelupusan sampah di Lukut. Menteri Besar sendiri dalam Dewan yang mulia pernah sebut Kerajaan Negeri sudah beli 105 ekar iaitu Bukit Nenas untuk memindah pelupusan sampah, pelupusan sampah iaitu tahun 2009. Tetapi sampai hari ini belum dipindah. Tetapi saya nampak seluruh Negeri Sembilan dan seluruhan Malaysia “janji ditepati”. Untuk saya bukan “janji ditepati” tapi “janji di capati”.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Port Dickson: Dan juga saya ini, saya sokong Titah Ucapan Tuanku.

Y.B. ADUN Repah: Terima kasih kepada Dato’ Yang Dipertua kerana saya diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam, mengambil ketetapan untuk menyampaikan ucapan terima kasih kepada Duli Yang Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan atas Titah Ucapan Baginda bagi merasmikan Pembukaan Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-13.

Dato’ Yang Dipertua, dalam Titah Ucapan Tuanku, Baginda ada menyentuh berkenaan memakmurkan negeri, mensejahterakan rakyat di Negeri Sembilan, Darul Khusus, Negeri Sembilan Darul Khusus. Tuanku menaruh harapan yang sangat tinggi supaya Kerajaan Negeri mendapat, dapat mencapai matlamat ini dan tidak ada rakyat mahupun di bandar ataupun di luar bandar yang terpinggir daripada arus pembangunan Kerajaan Negeri Sembilan.

Dato’ Yang Dipertua, walaupun Kerajaan Negeri membuat pelbagai usaha untuk membangunkan Negeri Sembilan yang kita cintai ini, saya rasa ada perkara-perkara yang Kerajaan Negeri perlu ambil perhatian

supaya rakyat di luar bandar tidak terus terpinggir dalam arus pembangunan yang dirangka oleh Kerajaan Negeri Sembilan ini.

Daot' Yang Dipertua, dalam ucapan Tuanku ada menyentuh berkenaan pembangunan teknologi maklumat di samping Kerajaan Negeri berbangga dengan pencapaian pembangunan teknologi maklumat iaitu yang dikatakan mencapai tahap 74 peratus. Tetapi pada hakikatnya terdapat jurang perbezaan yang ketara di antara bandar dan luar bandar. Perkara yang saya ingin membawa ke perhatian Kerajaan Negeri adalah berkenaan dengan kemudahan jalur lebar di kawasan-kawasan luar bandar masih di tahap yang kurang memuaskan dan tidak ada, boleh dikatakan tidak ada jalur lebar ini di kawasan-kawasan tertentu. Saya ada terima aduan daripada kawasan-kawasan kampung bahawa permit, perkhidmatan jalur lebar ini masih tidak memuaskan ataupun tidak ada langsung di kawasan seperti kawasan Kampung Pondo, Kampung Keru dan juga gugusan FELDA, khususnya di Felda Bukit Rokan. Jadi, saya harap Kerajaan Negeri dapat mengambil satu tindakan supaya mengkaji semula berkenaan penyebaran jalur lebar ini bagi memastikan bahawa kemudahan ini dapat ditingkatkan dan menjadi efektif di kawasan luar bandar.

Seterusnya Dato' Yang Dipertua, Tuanku juga dalam ucapannya menyentuh berkenaan perumahan mampu milik. Dato' Yang Dipertua, walaupun kerajaan se, Kerajaan Negeri sedang membuat, berbangga dengan projek perumahan yang dilaksanakan di Negeri Sembilan ini, tetapi kita semua tahu bahawa projek-projek perumahan ini dilaksanakan oleh pemaju-pemaju adalah semata-mata berdasarkan keuntungan sahaja. Dan, mereka kurang ataupun lupa tanggungjawab sosial mereka untuk membina Rumah Mampu Milik kepada rakyat yang berpendapatan rendah. Jadi rumah adalah satu keperluan asas kepada rakyat seperti yang ki, dititahkan oleh Tuanku. Walau bagaimanapun, rakyat yang berpendapatan rendah tidak mampu membeli rumah-rumah yang dibina pada harga pasaran semasa pada masa ini.

Jadi saya juga membawa perhatian Dewan yang mulia ini kepada Projek Perumahan di Daerah Tampin di mana rata-rata projek yang dibangunkan ini adalah dengan kos yang tinggi, melambung tinggi sehinggakan rakyat yang berpendapatan rendah tidak mampu untuk membeli rumah-rumah di sana. Malah mereka juga tidak dapat menyewa rumah di sana sebab kadar sewa juga amat tinggi. Bukan sahaja harga rumah melambung tinggi di kawasan Tampin, malah saya percaya di kawasan Gemencheh juga, yang terpencil, harga rumah juga melambung tinggi.

Saya juga pada masa yang sama membawa perhatian Dewan yang mulia ini kepada projek perumahan kos rendah yang dahulunya dicadangkan di Air Kuning Selatan telah tidak dileng, diteruskan lagi. Sungguhpun perkara ini telah dibawa ke dalam Dewan yang mulia ini beberapa kali. Saya rasa sudah tiba masanya untuk Kerajaan Negeri untuk mengkaji semula berkenaan pembinaan Rumah Mampu Milik di kawasan Air Kuning juga di Tampin dan juga di Gemencheh kerana penduduk di sini adalah rata-ratanya daripada golongan yang berpendapatan rendah. Oleh itu, saya cadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya mengingatkan pemaju-pemaju membina Rumah-Rumah Mampu Milik kepada golongan ber, berpendapatan rendah.

Di samping itu, saya juga cadangkan Kerajaan Negeri supaya projek rakyat 1Malaysia yang dibina di Seremban Sentral dan juga di Seremban Utara dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan ini, juga perlu dilanjutkan ke kawasan Daerah Tampin. Di sini saya ingin menegaskan bahawa keperluan Perumahan Rakyat 1Malaysia ini adalah penting di Daerah Tampin kerana kemahuan rakyat Tampin di sana. Kerana mereka rata-ratanya adalah golongan yang berpendapatan rendah jadi sudah tentunya projek ini akan memberi faedah kepada rakyat di kawasan Tampin.

Dato' Yang Dipertua, dalam Titah Ucapan Tuanku, Tuanku ada menyentuh memakmurkan negeri, mensejahterakan rakyat, khususnya dengan pelan transformasi kerajaan, pelan trama, transformasi ekonomi untk meningkatkan pendapatan rakyat. Tetapi apa yang saya lihat adalah bahawa tidak ada peningaktan dari segi pendapatan rakyat malah rakyat terus ditekan dengan kenaikan harga minyak yang menyebabkan kenaikan harga barang secara langsungnya.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan permasalahan rakyat di Taman Indah Tampin iaitu kenaikan bil Indah Water. Dato' yang Dipertua, kawasan perumahan yang saya katakan tadi adalah satu kawasan perumahan kos rendah di mana bil Indah Water yang dikenakan sebelum ini adalah 2 ringgit sebulan. Tetapi apa yang berlaku ba, baru-baru ini adalah Indah Water telah menaikkan kadar bil 8 ringgit, ke 8 ringgit daripada 2 ringgit. Jadi ini adalah kenaikan satu, satu kenaikan yang agak mendadak. Jadi, perkara ini amat membebankan rakyat di kawasan sana. Jadi saya mintak Kerajaan Negeri supaya berbincang dengan pihak Indah Water untuk mengurangkan kadar indah, Indah Water yang dikenakan pada masa ini iaitu 8 ringgit. Jika kadar Indah Water itu munasabah, sudah tentulah boleh membayar Indah Water tersebut.

Dato' Yang Dipertua, dalam Titah Ucapan Tuanku juga ada menyentuh berkenaan JKKK, KRT dan NGO memberi pendapat mereka kepada Kerajaan Negeri dan menyampaikan masalah rakyat. Tetapi Dato' Yang Dipertua, apa yang menjadi aduan rakyat Tampin adalah bahawa JKKK khususnya di Kampung Baru yang sepatutnya menyalurkan suara rakyat ini, enggan menjalankan tanggungjawab mereka. Malah mereka juga enggan memberi surat sokongan ataupun menjadi ke, saksi kepada borang-borang atas alasan bahawa rakyat di sana telah mengundi Pakatan Rakyat. Jadi ini saya rasa adalah satu cara yang tidak betul sebab rakyat sudah pilih, apa tugas mereka, mereka patut lakukan. Mereka dibayar elaun tetapi enggan menjalankan tanggungjawab yang diberikan oleh Kerajaan Negeri ataupun PBT-PBT yang berkenaan kepada mereka. Jadi saya cadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya melantik JKKK baru daripada NGO-NGO memandangkan JKKK daripada parti-parti tertentu enggan melaksanakan tanggungjawab mereka.

Dato' Yang Dipertua, dalam Titah Ucapan Tuanku juga, juga ada menentuh, menyentuh berkenaan perkhidmatan penyampaian. Dalam konteks ini saya ingin membawa perhatian Dewan ini kepada satu masalah yang timbul baru-baru ini di mana orang awam ataupun pesakit mengadu bahawa sesuatu temu janji untuk rawatan yang dibuat di Hospital Besar Seremban iaitu Hospital Tuanku Jaafar, hanya boleh ditukar dengan menghadirkan diri di hospital tersebut. Dan perkara ini adalah satu perkara yang menyulitkan rakyat di sana sebab penduduk di sana hendak menukar tarikh temu janji tersebut atas alasan bahawa mereka tidak dapat menghadirkan diri pada hari tersebut. Jadi, sebelum ini pihak hospital mengambil temujanji ini melalui panggilan telefon tetapi buat masa sekarang, saya difahamkan bahawa pihak hospital inginkan pesakit tersebut hadir sendiri untuk mendapatkan tarikh temu janji yang baru. Jadi, saya

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Repah: harap pihak Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan supaya kalau sekiranya pesakit dari luar ingin menukar tarikh temu janji tersebut, boleh membuat panggilan kepada hospital dan terus menetapkan taru, tarikh baru untuk temu janji tersebut. Jadi, Dato' Yang Dipertua, sedikit saja saya nak

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, masa cukup.

Y.B. ADUN Repah: Ada satu perkara saja, saya min, saya mohon untuk satu minit. Dato' Yang Dipertua, dalam memamu, mema, memamu, memakmurkan negeri dan mensejahterakan rakyat, Kerajaan Negeri tidak, harusnya tidak terlupa dengan projek terbengkalai. Dan saya percaya, perkara ini saya telah bawa ke dalam Dewan Undangan Negeri beberapa kali sebelum ini. Jadi saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Kerajaan Negeri apakah status perkembangan terkini yang berlaku di projek terbengkalai projek Bandar Utama di Tampin. Jadi dengan ini saya menyokong Titah Ucapan Tuanku. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Silakan ahli-ahli Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Nilai: Terima kasih Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan. Saya mengambil kesempatan ini ingin menjunjung kasih ke atas Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan atas Titah Ucapan Baginda merasmikan Pembukaan majlis Persidangan Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Ke-13 ini.

Dato' Yang Dipertua, dalam Titah Ucapan Tuanku, Baginda ada menyentuh berkenaan tiga prinsip utama yang perlu disuburkan iaitu sikap penerimaan dan saling menghormati, penghayatan ke atas prinsip-prinsip kenegaraan serta pembelaan terhadap golongan yang memerlukan. Dato' Yang Dipertua, sejak keba, kebelakangan ini, beberapa kes yang melibatkan hak pemilikan tanah berlaku di Negeri Sembilan. Antaranya kes Kampung Hakka di Mantin dan lagi satu kes di Bahau. Di mana dalam sebuah, semua kes ini, dalam semua kes mahkamah ini, kalau kita lihat, ia

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, kes mahkamah jangan ke Dewan ya.

Y.B. ADUN Nilai: Bukan, saya merujuk saja. So, kes mahkamah ini hanya berpihak kepada pihak pemaju saja. Ini menunjukkan pembelaan terhadap golongan memerlukan dinafikan hak mereka. Dan diper, peng, untuk berkaitan dengan kes Kampung Hakka di Mantin ini, penduduk di kawasan ini telah tinggal lebih daripada 100 tahun dan wujud lima generasi. Kini masih lagi penduduk itu di tinggal di kawasan itu, yang dilengkapi dengan perkhidmatan air, elektrik, tokong, dewan dan jalan yang bertar. Dan ini, semua perkhidmatan ini telah diberikan kepada penduduk di kawasan itu. Maka penduduk

yang ada di kawasan itu adalah bukan penduduk haram. Mereka adalah penduduk yang tinggal 100 lebih tahun di kawasan itu. Tetapi apabila pada tahun 90an, tanah ini telah dijual kepada syarikat pemaju dan telah berpindah ta, berpindah tangan. Dan hari ini pihak pemaju ingin membangunkan kawasan itu.

Y.B. ADUN Klawang: Yang Berhormat, mintak penjelasan. Mintak laluan. Peraturan Dewan, Perkara 21, perkara yang telah dibangkitan oleh Lobak, tuan, tak perlulah tuan ulang balik. Lagipun, perkara ni adalah keputusan mahkamah. Dato' Dipertua.

Y.B. ADUN Lobak: Hari ni bukan Lobak, Chennah.

Y.B. ADUN Nilai: Saya juga ingin menyentuh kerana itu adalah di bawah kawasan saya. Dan hari ini syarikat pemaju mahu melakukan projek pembangunan dan penduduk-penduduk di kampung tersebut dihalau keluar secara paksaan. Selepas 100 tahun mereka tinggal di kawasan itu, dan diusir keluar pada ha, semalam. Jika mereka hanya arahkan kawasan itu, jika sekarang mereka usir keluar, me, ke manakah mereka mahu pergi? Dan dalam keadaan ini, apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri untuk membuat satu perundingan dengan pihak pemaju untuk memberikan pampasan ataupun mendengar rintihan dan juga kesusahan mereka? Contohnya, kita boleh ambil beberapa contoh isu kaum, Kampung Buah Pala di mana tanah itu dijual kepada pihak pemaju dan selepas itu pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah berjumpa, ber, berjumpa dengan pe, pihak pemaju dan menawarkan satu rumah dua, dua, satu rumah setingkat, dua tingkat di Kampung Buah Pala dengan harganya lebih daripada [RM]600 ribu, dan sekarang hampir mencecah [RM]1 juta.

Oleh itu, perkara pemilikan tanah ini perlu diselesaikan dengan segera dengan campur tangan pihak Kerajaan Negeri. Dan, jika seseorang penduduk tinggal di sebuah tanah kerajaan untuk salah satu, salah, salah satu tempoh masa yang lama, pihak kerajaan perlu mela, membuat satu ketetapan untuk memberikan hak pemilikan tanah kepada penduduk yang tinggal dalam satu tempoh yang, yang ditetapkan itu. Dan, dan saya juga nak tanya, dan kenapa masalah pemilikan tanah seperti kampung-kampung ini hanya sering kali berlaku kepada kampung-kampung yang majoritinya kaum Cina dan kaum India sahaja?

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, apabila menyentuh perkauman, mintak dielakkan.

Y.B. ADUN Nilai: Okay Dato' Yang Dipertua, dalam Titah Ucapan Tuanku Baginda ada menyentuh berkenaan isu harga rumah yang terlalu tinggi. Saya memang setuju dengan Titah Ucapan Baginda. Di kawasan Nilai tidak ada, tidak dapat lihat projek perumahan yang baru yang menawarkan harga rumah yang kurang daripada [RM]400 ribu. Semuanya lebih daripada [RM]400 ribu dan ada mencecah [RM]600 – [RM]700 ribu. Jika pendapatan sesebuah keluarga itu kurang daripada [RM]4,000 atau [RM]5,000, bagaimanakah mereka mampu membeli rumah-rumah dengan harga tersebut? Luas rumah 20 kaki kali 70 kaki sahaja. Dan harganya sudah mencecah [RM]400 ribu. Kalau rumah sekecil seperti itu pun sudah mencecah [RM]400 ribu, bayangkan rumah-rumah yang lebih besar lagi. Jika go, sudah tentu golongan berpendapatan rendah dan sederhana tidak boleh membeli rumah di kawasan Nilai. Jika mereka tidak boleh memiliki rumah sendiri, ke manakah mereka akan per, bagaimanakah mereka boleh memiliki rumah jikalau harga ini terlalu tinggi seperti ini? Dan saya, oleh itu apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah ini? Dan saya mencadangkan pihak kerajaan harus berbincang dengan pihak pe, pemaju dan terlibat dalam mengawal harga-harga rumah yang semakin hari semakin meningkat ini.

Dato' Yang Dipertua, lagi satu isu yang saya hendak sentuh adalah mengenai sistem penyampaian ataupun perkhidmatan Majlis Perbandaran Nilai. Di mana, dalam Titah Ucapan Tuanku Baginda ada menyentuh mengenai kecekapan jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan. Aspek kecekapan dalam sistem penyampaian MPN, saya merasakan tidak begitu memuaskan. Ini kerana, beberapa aduan yang saya sendiri buat daripada bulan Mei selepas pilihan raya habis, sehingga hari ini masih lagi tidak ada apa-apa tindakan oleh pihak MPN. Saya di sini mahu menyarai, menyenaraikan beberapa nombor aduan iaitu nombor aduan 8689 yang dibuat pada 30 haribulan bulan Julai, 8358 pada bulan 6. 8434 pada bulan 6. 8433 bulan 6. 8377 bulan 6. 8274 bulan 6. 8151 bulan 5. Sehingga hari ini tidak ada apa-apa tindakan daripada pihak MPN. Kenapa masalah boleh berlaku walaupun aduan dibuat beberapa bulan lalu? Adakah Kerajaan Negeri ataupun Majlis Perbandaran Nilai membalas dendam atau menghukum rakyat di DUN Nilai

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Nilai: dengan tidak mahu menyelesaikan

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Nilai: aduan-aduan yang dibuat atas kekalahan BN di DUN Nilai.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat ADUN Nilai, tuduhan tidak dibenarkan dalam Dewan.

Y.B. ADUN Nilai: Saya hanya, saya hanya bertanya sahaja.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Tuduhanlah tu.

Y.B. ADUN Nilai: Pihak MPN perlu meletakkan satu tempoh masa untuk menyelesaikan masalah dan aduan secara terperinci. Satu tempoh masa yang boleh diselesaikan untuk aduan-aduan daripada tarikh yang dibuat. Jika tidak, jika tidak, aduan-aduan ini hanya sebagai aduan tanpa sebarang tindakan. Menang atau kalah, itu hanya dalam masa pilihan raya. Kalau sudah jadi kerajaan, saya harap jangan pilih kasih, jangan membalas dendam dalam aspek memberi, mem, memberikan perkhidmatan kepada semua rakyat.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, masa dah cukup.

Y.B. ADUN Nilai: Dato' Yang Pertua, dengan ini saya mengucapkan terima kasih dan saya menyokong Titah Ucapan Tuanku. Terima kasih.

Y.B. ADUN Bahau: Ya, terima kasih. Yang Berhormat tuan, Dato' Yang Dipertua, saya dari Bahau. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua atas peluang diberikan kepada bahas tentang menjunjung kasih Duli Yang Amat Mulia.

Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan tahniah kepada komuniti Melayu kerana institusi agama Islam sudah berjaya memainkan peranan dalam memperkukuhkan akidah dan tauhid. Ini tahniah. Tetapi saya

menyokong Tuanku Baginda mengharap supaya institusi-institusi agama selain daripada agama Islam juga dapat bertindak sebagai institusi utama dalam menyampaikan elemen positif tentang prinsip generasi, penghormatan, kesederhanaan, perpaduan. Tapi kami berharap Dewan yang mulia ni, sepanjang masa ini, institusi-institusi agama yang bukan Islam belum dapat peruntukan yang cukup atau yang lebih supaya mereka boleh menjalankan tugas tersebut. Selain itu, mereka pun berharap kerajaan boleh memberikan perhatian pemohon tanah dari institusi-institusi agama yang bukan Islam kerana jikalau nak jalan tugas yang seperti Tuanku cakap itu, mereka kurang peruntukan lagipun kurang tanah untuk membangunkan institusi mereka.

Tuan Yang Dipertua, terdapat peribahasa Melayu yang berbunyi “bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat”. Semangat perpaduan berperangan [berperanan] signifikan dalam usaha melahirkan masyarakat yang memuafakat dan menyemarakkan semangat integrasi nasional dalam kalangan rakyat yang berbilang kaum selaras inspirasi 1Malaysia. Walau bagaimanapun, alangkah kecewanya me, melihat semangat ini yang mulia ini, kian hari kian diterang. Dasar 1Malaysia sebenarnya ada betul, tapi semangatnya, 1Malaysia dari BN. Tapi nampaknya sampai sekarang, rakyat yang kena ditolong, dibantu tak seimbang. Saya berharap Kerajaan Negeri boleh benar-benar menjalankan tugas yang murni tersebut dan 1Malaysia untuk semua kaum.

Tuan Dipertua, tentang kes yang Hakka tu, di Bahau pun ada satu kes yang sama iaitu Kampung Chu Ward. Selalu BN nyatakan rakyat diutamakan. Kampung Chu Ward Bahau adalah salah satu kampung yang bersejarah antara 400 lebih kampung Cina di Malaysia ini. Malangnya Kampung Chu Ward sekarang menghadapi masalah tanah. Mengharap dan memohon Kerajaan Negeri boleh membantu dan menggunakan Akta Tanah, kembalikan tanah dan rumah untuk orang Kampung Chu Ward yang pendapatan kurang. Jikalau boleh kami harap kampung-kampung Cina itu boleh di bawah *reserved land*, rizab tanah untuk kampung Cina kerana kampung-kampung Cina itu betul-betul bersejarah di Malaysia ini. Mereka, kebanyakan pun pendapat, pendapatannya kurang. So, kami harap kerajaan mempertimbangkan cadangan saya.

Di sini saya pun memberikan tahniah kepada Jabatan Tanah Jempol terutamanya dan Negeri Sembilan kerana sudah selesai satu masalah tanah Taman Jaya, Mukim Jelai yang tergantung tu selama 20 tahun lebih. Cukup baik. Tapi malang cakupnya tadi DUN Nilai dah cakap perkhidmatan, sistem aduan perkhidmatan memang kurang cekap

sekali. Di kawasan saya Bahau, kes sebelum pilihan raya 13, erti cakap lebih dari lima bulan. Bukan, tapi ini kerja yang utama, bukan ADUN saja. Ini saya pun harap. Kemudian saya pun cakap dengan tu, kakitangan kerajaan, difahamkan kemung, kebanyakan ialah kontraktor. Kontraktor yang kurang bertanggungjawab, kontraktor yang kurang upaya itu saya harap kerajaan bertimbangankan atau kasi mereka *black list*, izinlah.

Tuan Pengetua, di kawasan Bahau, Bahau, kami dapat tu jawapan lisan ada cakap kawasan kekerapan kemalangan di dalam negeri *compare*, banding dengan tahun 2011 dengan 2012, kemalangan maut tahun 2012 ada 380 berbanding tahun 2011 - 343. Sudah meningkat. Dan sini pun jelaskan bahawa ada 17 kawasan kekerapan kemalangan terjadi. Di kawasan Jempol ada empat, yang paling tinggi sekali. So, saya ingin memohon dan mencadang bahawa kerajaan Negeri boleh berbuat peruntukan khas, peruntukan khas supaya menaik taraf jalan raya yang tersebut termasuk Jempol yang empat. Paling tinggi sekali. Dengan peruntuk khas ini bukan kurangkan kemalangan, utamakan kurangkan kemautan termasuk *I think*, DUN Palong, abang dia pun ada *accident* dengan Bahau, Bahau - Mahsan, Jalan Bahau - Mahsan ha? So, saya mintak Kerajaan Negeri dapat kes-kes yang tersebut tu supaya boleh mengurangkan kemalangan maut yang semua telah nampak.

Satu lagi Tuan Yang Dipertua, tentang Rumah Pangsa Bahau Indah. Sebelum pilihan raya 13, bil elektrik rumah pangsa tu, yang *parking* tu, semua dibayar Majlis Daerah. Tapi lepas PRU 13, yang itu, penduduk tu, persatuan penduduk terima surat beritahu bahawa kawasan *parking* ialah kawasan berguna sama penduduk bukan kawasan awam. So, dia ni sebulan kalau tak salah saya hanya [RM]seribu lebih saja. Tapi Majlis Daerah elak nak bayar wang kecil ini. Tuan Dipertua, saya mintak Dewan yang mulia ini, kerana tinggal di rumah pangsa tu semua penduduk yang mendapat kurang. Saya harap, kerana sepanjang masa itu dibayar oleh Majlis Daerah, mengapa lepas ra, PRU 13 tu nak penduduk bayar sendiri. Lagi pun kawasan letak kereta memang ialah *under* kawasan awam.

Tuan Dipertua, lagi satu tentang jalan raya. Kami memohon jalan raya di seluruh Bahau termasuk lorong taman perumahan dan jalan-jalan utama yang mempunyai masalah seperti telah berlubang, tidak rata dan lama tidak diturap semula diberi perhatian penuh oleh pihak yang berkenaan. Ini kerana dia merupakan kemudahan awam yang sentiasa digunakan oleh rakyat dalam kehidupan harian. Ini juga menjamin keselamatan semua pengguna jalan raya terutamanya penunggang motosikal. Masa hujan, lubang dibanjirkan, kalau motosikal tak nampak, bukan nak jadi mati baru dibaiki. Ini utamakan, kerana

banyak kes sudah berlaku. Sampai orang mati, walaupun satu lubang kecil saja. So, saya mengharap, harap bahawa pihak yang berkenaan mesti bertanggungjawab jikalau boleh, jikalau boleh, pemeriksaan bergerak harus dilakukan sentiasa agar masalah ini lebih cepat diambil tindakan. Pembaikpulihan supaya kos pembaikpulihan adalah menjimatkan. Saya tak tahulah di Bahau banyak aduan tapi kecil, mungkin kontraktor tak mahu buat. Mesti jadi besar, jadi teruk, baru nak buat.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, masa cukup.

Y.B. ADUN Bahau: Sikit saja. So, saya harap, harap, harap Dewan yang mulia ini, kerajaan yang bertanggungjawab ini boleh, boleh timbang dan boleh mengatasikan masalah yang saya tersebut itu. So, akhir sekali saya menyokong usul yang tersebut. Terima kasih.

Y.B. ADUN Lobak: Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan kerana memberi peluang kepada Lobak untuk ambil kesempatan ini menjunjung kasih ke atas Duli Yang Maha Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan atas Titah Ucapan Baginda dalam merasmikan Persidangan Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Ke-13, Negeri Sembilan.

Dalam Titah Ucapan Baginda ada menyentuh isu Perumahan Mampu Milik. Dalam kawasan DUN Lobak, satu projek perumahan PR1MA telah dibangunkan di mana kerja-kerja penolakan sedang dijalankan. Ciri-ciri atau syarat-syarat untuk pemohon permohonan PR1MA 1Malaysia ini adalah syarat-syarat yang *basic* atau, dengan izin, itu tidak membimbangkan. Apa yang membimbangkan saya ialah syarat-syarat tambahan untuk proses pengundian perlu dibuat dengan pengundian secara terbuka dan syarat-syarat yang lain juga tidak boleh dijual dan dipindahmilik selama selepas 10 tahun. Dan ianya juga wajib untuk, pemiliknya untuk mendiami rumah tersebut. Jadi saya ingin memastikan kepada satu cadangan kepada Kerajaan Negeri supaya pihak Kerajaan Negeri dapat bekerjasama dengan, khususnya Bahagian Perumahan dengan pihak PR1MA dapat mengawal dan memantau supaya pemilik mesti di tinggal di sana. Dan juga memastikan pemilik tidak mesewakan kepada orang lain untuk mengaut ke, keuntungan. Ini agar di kawasan DUN tersebut dapat memberi peluang kepada golongan pendapatan yang rendah dan sederhana untuk memiliki rumah tersebut.

Walaupun pembangunan adalah disokong dan pencemaran, pencemaran terhadap Sungai Temiang yang berdekatan itu haruslah juga dijaga. Saya mendapati bahawa pada tahun 2009 dan 2010, semasa beberapa projek telah di, dibangunkan, hutan-hutan telah ditebang dan dibersihkan. Semasa musim hujan lebat berlaku, ia ni menyebabkan banjir kilat terutamanya di kawasan Ulu Temiang dan menyebabkan penduduk setempat di kawasan Ulu Temiang ni menderita dan kehilangan harta benda. Jadi saya mencadangkan kepada pihak berkuasa negeri terutama jabatan yang berkenaan supaya mengambil langkah-langkah pencegahan yang, supaya ada satu perancangan untuk memastikan penolakan tanah PR1MA tersebut dapat mencegah, tidak akan menyebabkan banjir kilat di kawasan Temiang tersebut.

Dalam ucapan, Titah Ucapan oleh Baginda juga menyentuh tentang pembangunan teknologi maklumat. Pembangunan teknologi ICT memang akan meningkatkan dan juga pengurusan dan pentadbiran negara ke arah yang lebih canggih dan sistematik dan teratur. Mengikut maklumat yang saya perolehi pada tahun 2011, Kerajaan Negeri telah mencapai 64 kadar penebusan internet pada tahun 2010 dan meletakkan sasaran 75 peratus sebagai maklumat yang mesti diperolehi pada tahun 2011. Jadi seta, setakat tahun 2012, berapakah kadar peratus penembusan internet jalur lebar yang telah diperolehi oleh Kerajaan Negeri Sembilan dan seperti nyatakan dalam Titah Ucapan cuma menyatakan tahap 74 peratus sahaja. Jadi apakah sasaran yang seterusnya akan, yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2000, pada tahun 2013 dan seterusnya. Jadi ini bukan sekadar menunjuk kadar peratus tapi ia mesti menunjukkan satu, betul-betul satu pencapaian.

Saya juga memperolehi maklumat bahawa Kerajaan Negeri telah membelanjakan RM14.1 juta untuk menyalurkan akses internet secara percuma kepada penduduk-penduduk di bandar dan di luar bandar. Di manakan, di mana, dinamakan sebagai satu, Projek *NS Wireless City*. Tapi setakat, saya cuba untuk menggunakan sa, saluran tersebut tetapi cuma di perkarangan MPS dan Wisma Negeri dapat menggunakan saja, dan kadang-kadang juga tidak ada *line*. Projek ini telah dilaksanakan pada tahun, September 2010 dan tempohnya adalah selama tiga tahun. Jadi, memang objektifnya adalah baik, tetapi projek ini tidak begitu berjaya. Adakah akses internet ini *dimaintain* atau diselenggarakan dengan betul, dan kenapa bukan semua lokasi dapat talian internet tersebut? Perbelanjaan sebanyak [RM]14.1 juta untuk projek, tetapi ia tidak berjaya, sememang ni membazirkan wang rakyat. Jadi adakah projek ini akan dilanjutkan selepas tempohnya tamat pada bulan Oktober tahun 2013? Jadi jika, jika dibandingkan dengan kerajaan yang

di, ditadbir oleh Pakatan Rakyat di negeri, Negeri Pulau Pinang semasa masuk saja di jambatan Pulau Pinang, *line* memang dapat.

Isu-isu yang ingin saya bangkitkan ialah tentang kawasan rumah pangsa *flat* PPRT. Yang sana, flat PPRT bukan saja wifi internet tak dapat, cuma, tetapi kemudahan asasnya juga mengalami banyak kerosakan. Saya juga terima aduan daripada seorang perempuan, wanita tua, dia terpaksa men, naik tangga sebelah yang lebih jauh kerana pada tang, tangga yang sebelah kanan yang berdekatan itu, tangga pemegang dia semua dah pecah dan berkarat, dan tajam. Dan ini akan mengakibatkan kecederaan kepada beliau. Jadi apakah inisiatif oleh pihak Kerajaan Negeri menyegarkan [menyegerakan] projek-projek terutamanya PPRT rumah pangsa tersebut?

Isu-isu yang seterusnya saya ingin bangkitkan ialah tentang keselamatan. Walaupun pagi ini banyak isu-isu mengenai pelaburan perindustrian. Tapi isu keselamatan juga penting pada hari ini. Saya ingin membangkitkan di sini, kebelakangan ini banyak kes-kes terbuka telah, tembakan terbuka telah berlaku di Seremban, Negeri Sembilan. Di mana penembak upahan telah sangat kejam dan memastikan mangsa itu mati. Kes-kes terutamanya kes ragut dan kes samun, dan kes pecah masuk juga sering berlaku di DUN Lobak terutamanya melibatkan penjenayah-penjenayah warga asing dan membimbangkan peniaga-peniaga, penduduk-penduduk di sana. Jadi, soalan saya ialah, tertimbul pada sesetengah orang mengatakan mengapa kes-kes ini boleh berlaku? Mereka seolah-olah tidak meletakkan pihak polis di dalam mata mereka. Mereka ini boleh, penembak upahan ini boleh mem, dapat membeli senjata api dengan sesuka hati. Jadi, keja, kejadian ini berlakulah kredibiliti pasukan polis dan kepercayaan masyarakat terhadap pihak polis sememangnya terjejas. Banyak peruntukan telah kepada pihak polis untuk, untuk menaik, membeli barang tambahan walaupun hakikat ini, banyak peruntukan tidak pernah menyelesaikan masalah-masalah. Semakin meningkat dan mengerikan. Cadangan-cadangan saya ingin menyatakan bahawa pihak polis perlu mengadakan lebih buat rondaan motosikal atau kereta perondaan MPV di kawasan perumahan yang seme, sering berlakunya pecah rumah atau kawasan panas. Pengawasan melalui CCTV perlu dipasang dibangunan lokasi yang sering berlaku jenayah. Mengadakan perjumpaan dan perbincangan dengan penduduk setempat dalam mencegah dalam berlakunya pecah rumah. Juga dalam, juga untuk menambah lagi anggota polis di dalam pasukan PDRM.

Manakala fokus polis adalah menangani masalah jenayah. Dan bukannya mengintip aktiviti politik pemimpin Pakatan Rakyat. Baru-baru ini PDRM telah menjalankan Operasi Cantas sejak 17 Ogos 2013

untuk melakukan pemeriksaan, kepada, mengejut di dalam *premises*, premis hiburan, sekatan jalan dan lain-lain. Rakyat Malaysia berharap operasi ini dapat mengurangkan kadar jenayah pada tahap yang minima dan juga bukan sekadar untuk *road show* sahaja, dengan izin.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat. Masa cukup.

Y.B. ADUN Lobak: Ya, dengan itu saya menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia. Sekian, terima kasih.

Y.B. ADUN Rahang: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua atas peluang yang diberikan kepada Rahang bahawa Dewan ini mengambil ketetapan menyampaikan ucapan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan atas Titah Ucapan Baginda bagi merasmikan Pembukaan Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri.

Saya sokong ucapan Baginda semalam yang menyatakan penganut, pembangunan negeri tidak hanya cerminkan melalau, melalui pencapaian ekonomi dan pembangunan fizikal semata-mata. Tetapi secera, secara kolektifnya melibatkan penyediaan kemudahan pendidikan, kesihatan, keselamatan dan pelbagai aspek lain sama ada di kawasan bandar dan luar bandar.

Kesihatan adalah satu isu yang penting bagi masyarakat dan apa terjadi atas penyakit denggi amat menakutkan. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan dari Kementerian Kesihatan Malaysia melaporkan di kenyataan akhbar kesihatan bahawa empat kematian dan 843 kes telah dilaporkan dalam seminggu iaitu 8 hingga 14 September di negara. Antaranya Negeri Sembilan dilaporkan ada 12 kes atau 110 *percent*. Ini merupakan tertinggi di seluruh negara. Masyarakat amat bimbang apabila Kementerian Kesihatan menjalankan aktiviti pengasapan nyamuk pada pukul 5 pagi atau 7 malam. Dan mereka diberitahu, ini perlu dilakukan sebab ada penyakit denggi dalam kawasanya. Ini terjadi di beberapa kawasan di mana kes-kes denggi dilaporkan. Di kawasan Rahang, ada beberapa tempat merupakan lokasi *that are breeding place for* nyamuk aedes. Penduduk-penduduk dan saya pun telah membuat beberapa aduan mengenai longkang tersumbat atau longkang runtuh, runtuh yang menyebabkan air bertangkung [bertakung]. Juga ada simak [semak] samun seperti pokok renek dan pokok-pokok tebal di sekeliling rumah-rumah dan tanah lapang. Penduduk diberitahu oleh Majlis Perbandaran Seremban, tanah lapang

yang kempu, yang kepunyaan persendirian tidak boleh diambil tindakan sebab tidak ada maklumat pemilik. Jika Majlis Perbandaran Seremban tiada rekod, macam mana boleh kutip cukai taksiran? *With an encrease of RM20 ringgit for late payment.*

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, dengan izin. Bahasa Kebangsaan.

Y.B. ADUN Rahang: Kena, *sorry*, dengan izin. Majlis Perbandaran Seremban mesti ambil tindakan supaya masyarakat boleh hidup dalam keadaan sihat dan bersih. Jangan hanya Kementerian Kesihatan saja yang datang untuk menjalankan aktiviti mengasapan nyamuk. Majlis Perbandaran Seremban pun kena ambil tindakan dan mestikan, mesti memastikan lok, longkang dan simak [semak] samun dibersihkan. Kesihatan adalah satu isu yang penting. Individu yang sihat boleh memainkan peranan yang efektif dalam pembangunan masyarakat dan negara.

Yang berhor, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, di Kampung Baru Rasah ada seorang ibu tunggal berumur 40 lebih. Yang merupakan seorang pesakit kanser. Dan perlu mendapatkan rawatan di Hospital Selayang Kuala Lumpur. Dia mempunyai tiga orang anak, dua anaknya bersekolah dan anak bongsunya adalah lima tahun. Ibu tunggal ini mahu mendaftarkan dia ke Tadika Perpaduan di Kampung Baru Rasah pada tahun depan. Dia ni sedang, ibu tunggal ini sedang menghadapi masalah kerana JKKK di Kampung Baru Rasah memberitahunya bahawa tidak ada tempat kosong lagi dengan tanpa menjalankan se, siasatan terhadap latar belakang keluarga tersebut. Ini telah memberi tekanan kepada ibu dan juga menjejaskan kesihatan beliau. Apakah, saya ingin tahu apakah, saya nak bertanya, apakah dasar pihak berkuasa atas Tadika Perpaduan dan siapa yang bertanggungjawab dengan proses daftar masuk bagi murid-murid ke Tadika Perpaduan? Berapa ramai murid di Tadika Perpaduan Kampung Baru Rasah tahun 2013 dan berapa orang akan diterima masuk untuk tahun depan, 2014? Dan juga berapa murid di dalam satu kelas? Berapa orang guru dan penolong dan juga berapa kelas di tadika ini?

Di Kampung Baru Rasah, penduduk-penduduk, *they are having a problems here* sebab, dengan izin, *sorry, they are having a problem here* sebab JKKK ta, tidak mahu layan dengan orangnya, penduduk tu. *Anything*, dengan izin, *anything they just*, JKKK akan bagi tahu dengan penduduk "cari DAP. *You* orang sokong DAP, carilah DAP. Kita tak ada buat apa-apa lagi". Wa, sebagai Wakil Rakyat saya akan buat, tetapi

penduduk-penduduk sangat marah. “Why”, dengan izin, “why?”, cakap macam tu. *So, so I think*, dengan izin, *I mean* JKKK atau JASA, *they have to*, dia kena, *look into this*-lah. Okay.

Yang Berhormat, saya sebagai seorang wanita bekerja, nak tahu berapakah jabatan-jabatan kerajaan yang mempunyai pusat jagaan kanak-kanak? Pusat ja, sebab, pusat jagaan kanak-kanak akan membolehkan wanita kerja tanpa tekanan, ter, terkan, tekanan dan bimbang tentang an, anak-anak mereka. Pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja dapat menge, menggalakkan lebih ramai wanita bekerja dan ini juga akan menambahkan pendapatan bagi keluarga setiap bulan.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, masa cukup.

Y.B. ADUN Rahang: *I'm just*, okay. Adakah pusat jagaan kanak-kanak yang di bawah kerajaan juga boleh juga dibekalkan perkhidmatannya kepada wanita bukan kakitangan kerajaan? Apakah maklumat yang dikehendaki untuk mereka yang ingin mendapatkan perkhidmatan pusat jagaan kanak-kanak? Saya sokong, saya menyokong Titah Ucapan Tuanku. Terima kasih.

Y.B. ADUN Gemencheh: Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya mengambil kesempatan ini untuk menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus di atas Titah Ucapan Baginda bagi merasmikan Pembukaan Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-13.

Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada semua ADUN yang telah dipilih oleh rakyat dalam PRU ke, yang ke-13 tempoh hari. Hampir lima bulan kita menjalankan tugas, dan amanah yang telah diberi dalam penggal ini. Cuma saya nak betulkan fakta YB Chennah tadi, sebenarnya ada seorang lagi, ada seorang lagi ADUN kita yang kembali ke Dewan ini iaitu YB Pertang, yang merupakan Exco Kerajaan Negeri. Tahniah jugaklah kepada Datuk.

Keharmonian, keselamatan dan keamanan terus di, dinikmati oleh seluruh rakyat di negara, di negeri bertuah dan beradat ini. Ada pihak yang tidak pernah bersyukur atas nikmat yang telah diberi. Terima kasih kepada anggota keselamatan yang bekerja untuk pastikan

keamanan kita semua. Jangan kita perlekehkan mereka. Dan yang paling malang sekali tidak mengiktiraf perjuangan mereka. PRU Yang Ke-13 telah berlalu, dan yang sebelah sini masih lagi memerintah. Dan yang ma, di sana masih kekal di sana. Menunggu buah yang tidak gugur. Saya ambil kata-kata YB Bukit Kepayang pada penggal yang lepas. Kita semua adalah membawa mandat rakyat dan janganlah, dan janganlah menidakkan kuasa yang telah diberi kepada kita. Tidak perlulah berhimpun di luar sana untuk mempengaruhi dan menyusahkan rakyat, yang akhirnya kita terima pelantikan kita, dan rakyat yang jadi mangsa. Ini bermakna semua perhimpunan itu kerja sia-sia. Untuk kaburkan mata rakyat. Dan ini bermakna semua iktiraf dari dalam, luar negara termasuk rakan di sebelah.

Di kesempatan ini juga, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Rantau kerana mengekalkan jawatan dan seterusnya dapat meneruskan kecemerlangan seperti yang dilakukan pada penggal-penggal yang lepas. Ini dibuktikan dengan pencapaian yang baik dalam memakmurkan negeri dan mensejahterakan rakyat dengan pertumbuhan ekonomi negeri yang semakin baik di samping pelaksanaan projek-projek pembangunan dan jugak memelihara keharmonian dan kerukunan hidup dalam masyarakat di negeri ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, alhamduillah kemakmuran negeri yang kita kecapai dinikmati semua lapisan dengan mewujudkan pembangunan seimbang antara bandar dan luar bandar. Walau bagaimanapun masih banyak lagi pembangunan dan infrastruktur yang perlu dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk menggalakkan anak-anak muda dan belia tinggal di luar bandar. Ini dapat mengelakkan penghijrahan ke bandar-bandar. Bukan hanya kemudahan asas sahaja tetapi kita harus jugak bandingkan kemudahan-kemudahan yang setanding atau setaraf di bandar-bandar. Masih lagi banyak ruang dan peluang, masih banyak lagi hasil-hasil bumi, tenaga kerja, bahan mentah, industri pelancongan yang boleh kerajaan eksploitasikan.

Saya nak respon jugak daripada YB Repah tadi. Begitahu di Bukit Rokan pusat jalur lebar tak ada. Mungkin YB dah lama tak balik. Sebenarnya di Bukit Rokan dah ada CBC, pusat jalur lebar

Y.B. ADUN Repah: Saya selalu balik ke Bukit Rokan. Itu pasal saya nak bagitahu dekat Dewan ini.

Y.B. ADUN Gemencheh: Mungkin tak nampaklah. Mungkin tak nampak. Kita ada pusat jalur lebar di Bukit Rokan yang sekarang ni

dipanggil Pusat Internet 1Malaysia. Bukan tak ada ya. Begitu jugak Perumahan Mampu Milik di luar bandar. Jika kerajaan dapat membangunkan perumahan-perumahan rakyat di luar bandar maka penghijrahan ke bandar dapat dikurangkan. Saya juga mencadangkan agar kerajaan dapat bantu usahawan-usahawan muda, belia-belia kita yang ada di, di luar bandar, dibantu dengan sepenuhnya agar dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tidak ambil masa yang panjang, sebab saya ni adalah orang baru. Saya, saya dapat beri sedikit pandangan dan jugak dapat tengok YB-YB yang dah lama, yang dah berpengalaman ini dapat mengajar kitalah. Tak kira dari pihak pembangkang ataupun sebelah sini.

Dan akhirnya, marilah kita semua-sama, semua menyumbang buah fikiran bagi memaju dan, memaju dan memakmurkan negeri ini. Saya menyokong usul ini. Terima kasih Dato' Dipertua.

Y.B. ADUN Senawang: Dato' Yang Dipertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan junjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan atas Titah Ucapan Baginda bagi per, berasmian Persidangan Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Yang Ke-13, Negeri Sembilan. Dan saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahas ini.

TuanKu dalam Titah Ucapan ada menyentuh berkenaan men, mandat yang telah diberikan rakyat kepada setiap Wakil Rakyat yang menjalankan tugas berlandaskan tiga prinsip untuk iaitu, sikap penerimaan dan saling menghormati, menghayatan ke atas prinsip kenegaraan serta pembelahan [pembelaan] terhadap orangan [golongan] yang memerlukan. Atas mandat inilah kami selaku Wakil Rakyat cuba sedaya upaya meng, mengungkap segala permasalahan yang dianjurkan rakyat dan membangkitkannya di setiap persidangan Dewan bagi mencapai dan mencari jalan penyelesaiannya. Kami akur dan tat [taat] akan pesanan dan Titah TuanKu.

Sehubungan dengan itu juga, saya membawa perhatian Dewan yang mulia ini kepada isu penyalahgunaan pusat internet masa kini. Dato' Yang Dipertua, Dato' Yang Dipertua, pusat internet di DUN Senawang telah tumbuh seperti cendawan di mana terdapat lebih 30 premis yang menjalankan operasi dan menianya [perniagaan] bagi memudahkan

para pelanggan melayari internet serta mendapatkan maklumat-maklumat terkini bagi golongan [golongan] yang tidak mempunyai komputer di rumah dan sebagai warga ciliki [celik] IT. Pusat internet yang diberi lesen oleh Majlis Perbandaran Seremban dan Majlis Perbandaran Nilai

Y.A.B. ADUN Rantau: Mohon mencelah Dato' Yang Dipertua. Kami tak faham apa dia cakap. Warga apa?

Y.B. ADUN Senawang: Cilik, celik.

Y.A.B. ADUN Rantau: Oh, celik.

Y.B. ADUN Senawang: Celik. C-E-L-I-K, okay?

Y.A.B. ADUN Rantau: Amma.

Y.B. ADUN Senawang: Okay? Terima kasih ADUN Rantau.

Y.B. ADUN Chuah: Jangan kacau.

Y.B. ADUN Senawang: Pusat internet yang diberi lesen oleh Majlis Perbandaran Seremban dan Majlis Perbandaran Nilai dengan menetapkan garis panduan seperti melarang murid-murid berpakaian seragam sekolah memasuki pusat internet, perniagaan [perniagaan] hanya boleh dijalankan di tingkat baweh [bawah] saja. Ceremin [cermin]

Beberapa ahli Dewan: Bawah, bawah.

Y.B. ADUN Senawang: Tingkat bawah. Ceremin [cermin] gelap dan sebarang *black card* tidak boleh digunakan dan ditombol, ditampal tidak dibenarkan. Ya. Bolehlah. Permainan komputer, komputer, *computer games* dan tidak aktiviti perjudian. Meskipun garis panduan telah diberikan, namun penyalang [penyalah] gunaan tetap berlaku di

mana mainan *video games* dan perjudian masih berlaku. Malah apa yang difahamkan dan dinyatakan oleh MPS ialah PBT akan sentiasa memantau pusat *cyber café* dan pusat internet yang tidak mematuhi syarat-syarat lesen dengan mengenakan kompaun atau disita. Waktu perniagaan [perniagaan] yang dibenarkan pulak ialah dari jam 9 pagi hingga 1 pagi, hari berikatnya [berikutnya] dan murid sekolah tidak dibenarkan berada di *cyber café* di waktu persekolahan. Tetapi keadaan sebaliknya pula yang berlaku. Namun begitu *cyber café* ini rata-ratanya telah menyelah gunakan lesen yang kuluarkan [keluarkan] PBT untuk tujuan meng, mengaut untung tanpa mengambil kira risiko yang dihadapi [terhadap] pelanggaran [pelanggan] yang sering kali berkunjung ke *cyber café*. *Cyber café* juga gagal mempamerkan papan tanda yang betul malah mempunyai bilangan mesin judi yang banyak di dalam premis perniagaan [perniagaan] mereka bagi meng, mengamburi [mengamburi] PBT.

Pelajar sekolah dan golongan [golongan] dewasa yang sudah ketagih sering menghabiskan masa dari siang hingga ke malam dan duit sehingga mengabaikan kuluarga [keluarga] dengan kegiatan tidak berfaedah ini. Ke, ketagihan berkunjung *cyber café* pula telah mengun, mengundang kepada banyak gejala sosial seperti kecurian dan sebagainya ter, terutama kepada mereka yang ketandusan wang di mana ia bukan sahaja melibatkan pelajar sekolah tetapi juga golongan [golongan] yang bekerja yang terpaksa member, memberaturkan [melaburkan] wang gaji dan sebagainya. Namun, apa yang hendak dipersoalkan ialah bila saja operasi diadakan, peng, penguasa [pengusaha] *cyber café* ini pasti akan mengetuainya [mengetahuinya] dan menutup perniagaan bagi jangka waktu tertentu dan membukak semula pada tengah malam atau awal pagi. Sehingga kini, pihak awam kurang faham, faham bagaimanakah setiau, situasi ini boleh berlaku? Padahal ianya di bawe [bawah], penguatkuasa PBT, MPS dan MPN. Pihak awam dan ibu

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat. Masa cukup.

Y.B. ADUN Senawang: Belum habis, satu minit lagi. Lagi satu minit, mintak maaf. Pihak awam dan ibu bapa terus meluahkan rasa kebimbang sekiranya tindakan tegas tidak diambil oleh PBT kepada penguasa-penguasa [pengusaha-pengusaha] *cyber café*. Ketagihan para pelanggan terhadap penambahan *cyber café* yang kebanyakannya cenderung kepada aktiviti tidak berfaedah pasti akan memburukkan keadaan dan mendatangkan pelbagai masalah. Permasalahan pusat perjudian di Seremban yang sedikit sebanyak melibatkan *cyber café* ini

telah disentuh pada Persidangan Pertama (Perasmian) Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Ke-12 pada bulan April 2010 serta penyalangguna [penyalahgunaan] *cyber café* jugak diperbasan, diperbahaskan seberapa kali di Persidangan Dewan agar pihak Berkuasa Tempatan memandang serius permasalahan dan kegiatan perjudian di *cyber café*. *Cyber café*

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Senawang: Lagi satu minit, satu minit lagi.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Senawang: Satu minit. *Cyber café* yang menyelia [menyalahi] undang-undang perlu dikenakan tindakan tegas sebagai pengajaran agar perkara sama tidak berulang pada masa akan datang. Bekalan air, api dan di setia terus perlu dilakukan supaya pengusaha *cyber café* tidak berani beroperasi semula sewenang-wenangnya.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Sekian.

Y.B. ADUN Senawang: Justeru itu saya, polis dan PBT yang

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Senawang: dengan kegiatan dan aktiviti yang dijalankan oleh *cyber café* perlu meng, mengorak langkah dengan pengambilan tindakan yang lebih tegas. Lagi satu para Dato' Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Senawang: Yang Dipertua, satu para, satu para.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Senawang: *Only, only one para.*

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Senawang: Ada sikit saja. Membanteras kegiatan perjudian dan tidak berfaedah di *cyber café* sepenuhnya dengan sebaik. Mungkin demi kebajikan dan kepentingan bersama agar pe, kegiatan sedemikian tidak mengundang kepada pelbagai masalah sosial yang lebih buruk dan tidak terus menuar [menular] dari hari ke hari. Dato' Yang Dipertua, ucapan terima Titah Ucapan. Saya menyokong. Terima kasih.

Y.B. ADUN Linggi: Bismillahirrahmannirrahim. Alhamdulillahabbil alamin [bacaan doa pendek]. Assalamualaikum w.b.t., salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ahli-ahli Dewan yang mulia ini, saya bangun menyokong dan membahaskan usul untuk mengambil ketetapan menyampaikan ucapan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan atas Titah Ucapan Baginda bagi merasmikan pembukaan Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-13 semalam.

Pertamanya saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana atas segala nikmat yang dikurniakan kepada kita khususnya di Negeri Sembilan ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada semua ahli-ahli Yang Berhormat yang telah diamanahkan oleh rakyat sebagai ahli Dewan ini bagi kawasan masing-masing, terutamanya kepada Yang Amat Berhormat ADUN Rantau yang menerajui Barisan Nasional sehingga berjaya membentuk kerajaan di Negeri Sembilan ini sekali lagi.

Sebelum saya meneruskan ucapan saya yang, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya kali pertama di Dewan ini. Saya ingin merakamkan rasa kagum sayalah tentang apa yang berlaku pada tengah hari tadi, apabila Yang Berhormat Dato' Dipertua tetap membenarkan YB daripada Lukut untuk meneruskan ucapan walaupun dibantah ataupun diberi peringatan keras ya, tentang peringatan masa dan kelaparan YB Lenggeng. Tapi tetap diteruskan juga. Jadi, jelasnya saya rasa, tiada siapa yang boleh mempertikaikan ataupun boleh mengatakan Yang Dipertua ini berat sebelah atau sebagainya. Tahniah Dato' Yang Dipertua.

Sebelum saya meneruskan ucapan saya, saya ingin menyatakan bahawa saya sekali lagi menyokong usul yang dibentangkan. Sesungguhnya dalam Titah Duli Yang Maha Mulia semalam, agenda memakmurkan negeri, mensejahterakan rakyat merupakan agenda yang cukup baik dan sesuai dan disambut baik oleh rakyat khususnya di kawasan Linggi. Agenda yang direalisasikan melalui pelbagai usaha termasuk merakyatkan perkhidmatan awam ini jelas memanfaatkan dan memberi kemudahan kepada rakyat. Bukan sahaja banyak pejabat-pejabat kerajaan ataupun pusat-pusat perkhidmatan awam disediakan di bandar, pekan dan desa, malah perkhidmatan sebegini yang, ada yang bentuk bergerak atau *mobile*, dengan izin, atau program di mana jabatan turun padang juga banyak diadakan. Contohnya, di Pasir Panjang dan di Linggi, di kawasan saya, Jabatan Pendaftaran Negara baru-baru ini telah mengadakan program untuk membolehkan rakyat membuat semakan dan mendaftarkan dokumen pengenalan diri secara serta-merta di program tersebut. Pendeknya kerajaan ini telah memberikan perkhidmatan mencari pelanggan secara percuma. Ini salah satu contoh di mana kerajaan kita telah merakyatkan perkhidmatan awam. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada kerajaan dan jabatan-jabatan yang terlibat menjayakan program sebegini.

Dato' Yang Dipertua, dalam Titah Tuanku semalam, baginda ada menyentuh tentang Rumah Mampu Milik. Baginda ada menyatakan tentang tanggungjawab pemaaju untuk menyediakan Rumah-Rumah Mampu Milik ini. Yang ini sangat-sangat dialu-alukan dan disokong penuh oleh rakyat di kawasan saya. Saya yakin semua sedia maklum bahawa permintaan dengan izin, *demand*, Rumah-Rumah Mampu Milik ini sangat tinggi sekarang ini. Maka itu langkah atau inisiatif kerajaan memperbanyakkan Rumah-Rumah Mampu Milik ini adalah sangat-sangat bertepatan dengan kehendak semasa.

Selain itu, Baginda juga ada menyentuh tentang usaha dan perancangan kerajaan tentang beberapa perkara termasuk pembangunan modal insan, peranan institusi agama dan keharmonian antara kaum, pembangunan teknologi maklumat dan pembangunan belia. Jelasnya dalam Titah Baginda semalam, Kerajaan Negeri Sembilan sangat menitikberatkan tentang pembangunan modal insan dan juga teknologi maklumat.

Sesungguhnya aset yang paling besar dalam negeri dan negara ini adalah modal insan. Kalau kita ada teknologi atau kemudahan yang paling canggih di dunia pun, tetapi kalau modal insannya lemah atau kurang pegangan agama, dan tidak berdaya saing, maka kemajuan fizikal itu tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Fokus terhadap

pembangunan kerohanian modal insan di zaman internet ini sangat bertepatan Yang Dipertua. Zaman ini tak sama macam zaman saya dan ramai rakan-rakan di dalam Dewan ini kerana saya dulu dapat maklumat ditapis sama ada oleh ibu bapa saya atau guru-guru saya. Tetapi sekarang ini, di dunia internet ini, maklumat kita boleh terima dengan begitu banyak sekali dan tidak bertapis. Dan kita tahu anak-anak, remaja malah kita sendiri banyak belajar dengan cara meniru. Apa yang anak-anak kita lihat abang-abang dia buat, atau bapak dia buat, atau masyarakat buat dia akan tiru. Jadi dengan adanya maklumat bebas yang tidak bertapis seperti internet ini, kita khuatir banyak perkara-perkara yang tidak sesuai ditiru oleh anak-anak kita atau di, diikuti oleh anak-anak kita melalui internet. Maka itu, saya rasa amat molek sekali, amat sesuai sekali agar pembangunan modal insan yang memberi penekanan pada aspek-aspek kerohanian, keagamaan dan moral diterapkan bagi memastikan wujudnya suatu benteng atau asas yang kukuh di dalam diri anak-anak kita bagi mempersiapkan diri mereka mengharungi cabaran dimasa akan datang ini. Maka itu, saya percaya segala usaha-usaha kerajaan dalam membangunkan modal insan, memperkasakan institusi agama dan pembangunan belia dan teknologi maklumat ini adalah perlu dijalankan secara bersepadu. Dan ianya adalah wajar dan amat dialu-alukan.

Saya nak ambil peluang ini untuk menyarankan agar kita semua juga mengambil kesempatan yang sama, yang saya rasa kita perlu belajar sehingga ke akhir hayat, yang mungkin ada di antara kita yang boleh menggunakan kesempatan ini untuk belajar memperbaiki bahasa kebangsaan kita. Kerana kita sudah 56 tahun merdeka. Kalau kita lihat negara jiran kita seperti Indonesia mereka begitu fasih sekali berbahasa kebangsaan mereka. Kita tak boleh bezakan sama ada mereka itu berbangsa atau keturunan yang, berketurunan apa. Saya benar-benar mengharap di Dewan yang mulia ini, dapatlah sekiranya semua ahli-ahli mengambil iktibar negara jiran kita dan memperkasakan bahasa kebangsaan masing-masing.

Di akhir ucapan ataupun Titah Baginda semalam, Baginda ada menyentuh tentang perpaduan. Sesungguhnya tanggungjawab mana-mana kerajaan sudah tentunya untuk, pertamanya memastikan keamanan dan ketenteraman negara. Kemudian memakmur dan mensejahterakan rakyat. Saya yakin berdasarkan rekod Kerajaan Negeri Sembilan, Barisan Nasional telah berjaya memikul tanggungjawab ini sekaligus berjaya kembali mentadbir negara ini, negeri ini bagi kali ke-13.

Seperti mana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat ADUN Rantau, Kerajaan Negeri ini apabila memberi bantuan, kita berdasarkan

kelayakan tanpa mengira bangsa, agama atau fahaman. Ma, usaha sebegini disambut baik oleh semua rakyat di Linggi dan sewajarnya oleh semua rakyat di Negeri Sembilan. Oleh yang demikian, kalau ada sambutan meraikan hari kebangsaan, atau Hari Malaysia, yang mana semua rakyat dijemput, kita datanglah. Rasa tak perlu jemputan khas. Pasal tu semua untuk rakyat Malaysia. Ini bukan jemputan kahwin atau jemputan ke istana. Jadi tak perlu kita persoalkan dapat jemputan atau tidak kerana keraian itu adalah untuk seluruh rakyat Malaysia.

Saya juga ingin, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya juga ingin berkongsi sedikit pengamatan di mana saya dapati dalam Dewan ini ada beberapa Yang Berhormat yang suka memberi ulasan di luar kawasan mereka. Saya nak ucap terima kasihlah kepada yang beri ulasan kepada kawasan Linggi tapi ingin saya nyatakan di sini segala aduan atau rungutan tu, saya dah panjangkan. Saya sendiri dah panjangkan. Saya tak payah sampai tunggu Dewan. Saya guna rekod benda ni, Dato' Yang Dipertua. Takut nanti beri peruntukan, kerajaan buat pembangunan, orang lain pulak mengaku kan. Kita tak nak "lembu punya susu, sapi dapat nama". Dengan kata itu, Yang Berhormat Yang Dipertua, saya dengan ini menyokong usul menjunjung kasih ini supaya diterima dengan pindaan terima kasih itu digantikan dengan perkataan menjunjung kasih. Itu saja. Terima kasih Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Terima kasih Dato' Yang Dipertua kerana, kerana membenarkan saya [gangguan sistem suara, gangguan oleh sistem siaraya dari Wisma Negeri].

Dato' Yang Dipertua, boleh saya teruskan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Jadi saya harap pengiraan masa mulai dari sekarang. Terima kasih kerana mengizinkan saya mengambil bahagian untuk membahaskan usul menjunjung kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan atas Titah Ucapan Baginda bagi perasmian sidnag Dewan pada pagi semalam.

Dato' Yang Dipertua, perkara pertama, saya nak ucapkan kepada ADUN Gemencheh, Yang Berhormat dari Gemencheh yang, sebab beliau baca Penyata Rasmi pada penggal lepas. Tahniahlah kepada beliau, dan, berkemungkinan besar sebab beliau duduk di tempat asal saya. Jadi beliau kena tengok Bukit Kepayang pada penggal lepas cakap apa jadi dia kena ikut. Tahniah. Tapi satu jugak saya nak buat teguran sikit, lain kali kalau masuk tandas tu biar tengok tandas lelaki atau perempuan. Disebabkan teguran saya, kalau tidak beliau hampir-hampir terpijak masuk ke dalam tandas perempuan tadi. *Signboard* dia bukan kat atas,

kat tengah. Jadi kalau kita tengok tu, jangan tengok atas saja, atas bawah semua kena tengok.

Dato' Yang Dipertua, dalam ucapan tuan, dalam Titah Ucapan Tuanku ada disebutkan bahawa Perumahan Mampu Milik antara satu perkara yang perlu diberikan perhatian ataupun diberikan keutamaan oleh pihak Kerajaan Negeri. Memang benar. Kami di pihak pembangkang setuju berkenaan dengan saranan yang kami rasa ia patut diusahakan bersama bukan sahaja melibatkan kerajaan, malahan pihak swasta, pihak pemaju perlu bersama-sama memastikan bahawa perancangan ini dapat direalisasikan. Sebab kalau Perumahan Mampu Milik kita bergantung sepenuhnya kepada Kerajaan Negeri, tidak, saya rasa dengan dana, dengan bajet, dengan peruntukan yang ada pada Kerajaan Negeri memang tidak mampu. Saya percaya keadaannya sama, bukan saja di Negeri Sembilan, tapi sama jugak keadaan di negeri-negeri lain.

Jadi saya jugak ambil kesempatan pada persidangan ini menolak ataupun menafikan tohmahan-tohmahan yang dilemparkan ke atas Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang dituduh sebagai tidak prihatin dalam membina Rumah Kos Rendah. Yang sebenarnya dia memerlukan apa, kerjasama daripada semua pihak dan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dengan bajet yang begitu besar.

Dato' Yang Dipertua, berkenaan dengan perumahan. Memang saya bersetuju ya, bahawa banyak pemaju terutama pemaju yang besar, *the big players*, dengan izin Dato' Yang Dipertua, suka membina rumah mewah, banglo, semi-d dan sebagainya yang harga sekarang mencecah hampir setengah juta. Dia ada baiknya, sebenarnya, ada baik dan buruknya. Buruknya memanglah rakyat kebiasaan tak dapat nak memiliki rumah disebabkan, kalau nak dapatkan pinjaman perumahan daripada bank, orang pun nak tengok kita punya pendapatan. Memang rakyat kebiasaan susah. Tapi ada baiknya kalau di Seremban, kita bina banyak rumah macam ni, ia akan menolong dasar Kerajaan Negeri dalam apa, mempromosikan "*work in K1, stay in Seremban*". Sebab saya tengok rumah yang mahal-mahal ni banyak yang dibina dan sebenarnya dimiliki, dibeli dan dimiliki oleh mereka daripada Lembah Kelang, kerja di Kuala Lumpur, tetapi mereka datang ke Seremban untuk duduk. Disebabkan kalau rumah yang sama jenis, Kuala Lumpur sebenarnya harganya mencecah hampir [RM] 1 juta. Jadi kalau setengah untuk kita mahal, untuk mereka sebenarnya murah. Jadi mereka datang sini dan mereka boleh membantu kita merencanakan perniagaan hiliran di kawasan Negeri Sembilan khasnya di kawasan yang mereka duduk.

Jadi, tapi saya jugak berharap pada Kerajaan Negeri supaya mewajibkan semua pemaju perumahan membina Rumah Kos Rendah. Sebab saya rasa ia penting, masih rakyat kebiasaan yang memerlukan Rumah Kos Rendah, tapi saya mohon jugak kepada Kerajaan Negeri sekiranya pemaju membangunkan sesuatu taman perumahan secara berfasa-fasa, ataupun secara berperingkat, boleh tak kerajaan mengubah satu dasar yang fleksibel yang mana katakan keseluruhan taman perumahan tersebut mengandungi 2,000 unit dan, kalau tak silap saya 30 peratus Rumah Kos Rendah dibina di satu lokasi yang tertentu. Maknanya dia bukan setiap fasa. Biar Rumah Kos Rendah itu dikumpul bersama. Kalau Rumah Kos Rendah, sebelah dia banglo, mungkin ia akan menjejaskan harga pasaran. Dan saya rasa sekiranya boleh, biar ia dikumpulkan dan ia sebenarnya untuk kepentingan pemaju tersebut dan juga lebih penting untuk rakyat. Jadi saya mohon supaya kerajaan ambil maklum perkara ini.

Perkara kedua Dato' Yang Dipertua, yang saya nak ketengahkan pada petang ini adalah tentang pengumuman daripada Kerajaan Negeri pada 11 September yang lepas berkenaan dengan pembinaan insinerator di Negeri Sembilan pada tahun 2015. Dato' Yang Dipertua, dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah melantik sebuah syarikat yang dikenali sebagai Cypark Resources Berhad untuk mengendalikan projek ini. Dan carian di syari, syarikat apa, Suruhanjaya Syarikat Malaysia mendapati bahawa syarikat ini yang berasal daripada Lembang Kelang, jenis perniagaannya merujuk kepada *Investment Holding*. Saya tidak tahu apakah syarikat ni mempunyai kepakaran, *without specific experties*, dengan izin Dato' Yang Dipertua, untuk menangani perkara ini. Dan lebih penting daripada itu, saya harap Kerajaan Negeri supaya melakukan konsultasi ataupun runding cara ataupun mendapatkan maklum balas daripada penduduk di sekitar kawasan tersebut. Kita kena ingat dan kita kena ambil pengajaran daripada apa yang terjadi terhadap cadangan pembinaan insinerator di Broga. Hampir 13 ataupun 15 tahun yang lepas yang mengundang bantahan besar-besaran daripada penduduk sekitar.

Jadi saya harap kali ini, pihak kerajaan boleh mengambil langkah yang proaktif supaya penduduk di sekitar dapat di, dirujuk ataupun ditanyakan tentang *feedback*, maklum balas mereka berkenaan dengan pembinaan insinerator ini. Sebab, isunya pembinaan insinerator bukan untuk jangka pendek. Ia akan melibatkan jangka yang panjang. Dan ia akan melibatkan kos yang tinggi dan impaknya terhadap persekitaran dan kemasyarakatan akan mengundang masalah jangka panjang.

Dato' yang Dipertua, berkenaan dengan insinerator ini, saya juga ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri apakah pembinaan insinerator ini

sebenarnya merupakan ganti untuk menggantikan Pusat Kualiti Alam yang permit operasinya dijangka akan tamat pada awal tahun 2015. Apakah dengan adanya pembinaan insinerator ini ia akan dapat menggantikan Kualiti Alam? Sekiranya ya, jawapannya, saya berharap langkah-langkah keselamatan ataupun masalah-masalah yang telah dihadapi oleh Kualiti Alam selama ini dapat diberikan perhatian ataupun dapat di, diambil kira supaya masalah yang sama tidak berulang dengan insinerator, insinerator baru beroperasi pada tahun 2015.

Dato' Yang Dipertua, perkara ketiga yang saya nak bangkitkan pada petang ni adalah berkenaan dengan peruntukan Kerajaan Negeri untuk setiap Ahli Dewan Undangan Negeri. Ya, kita mengakui, pihak pembangkang, pihak Pakatan Rakyat di Negeri Sembilan mengakui bahawa Wakil-Wakil Rakyat pembangkang tidak akan diberikan, ataupun tidak pernah diberikan peruntukan. Hanya di, peruntukan hanya diberikan kepada ahli-ahli Dewan Rakyat, Dewan Undangan Negeri daripada pihak kerajaan. Tetapi saya ingin memohon kepada Kerajaan Negeri supaya merujuk ataupun mempertimbangkan modus operandi ataupun cara yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang baru-baru ini, yang mana Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah Pakatan Rakyat telah memberikan peruntukan tahunan sebanyak 40 ribu ringgit seorang kepada setiap orang Wakil Rakyat daripada pembangkang di dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Ia adalah kali pertama dalam sejarah negara ini semenjak negara mencapai kemerdekaan 56 tahun yang lepas. Kali pertama pembangkang diberikan peluang untuk menggunakan peruntukan tersebut.

Dato' Yang Dipertua, pentingnya peruntukan tersebut bukan untuk kepentingan Wakil-Wakil Rakyat yang tersebut, sebab duit itu duit rakyat. Kalau duit rakyat, gunanya, kepentingannya untuk rakyat. Kembalikan duit itu untuk kegunaan ataupun keperluan rakyat. Saya berharap, dengan adanya peruntukan tersebut, walaupun peruntukan yang diberikan kepada pembangkang mungkin lebih, jauh lebih kecil jumlahnya berbanding dengan diberikan kepada Wakil Rakyat kerajaan, tak apa, janji ada peruntukan membolehkan kami turut sama dalam proses pembangunan negara. Kami di pihak Pakatan Rakyat juga mempunyai iltizam untuk sama-sama membangunkan negara. Dasar yang baik kami akan tetap sokong. Kami bukan jenis yang suka mengkritik. Kami mengkritik dengan mendatangkan alternatifnya kritikan yang membina dengan cadangan alternatif demi kepentingan, demi perpaduan dan pembangunan bersama sebagaimana yang dititahkan oleh Baginda Tuanku pada perasmian pagi semalam. Dato' Yang Dipertua

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, masa dah cukup.

Y.B. ADUN Bukit Keayang: Cepatnya, ada dua lagi perkara Dato' Dipertua. Sebab saya yang terakhir daripada Pakatan Rakyat mohon dua minit lagi Dato' Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Masa cukup Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Bukit Keayang: Dato' Yang Dipertua, mohon satu lagi perkara yang saya rasa saya perlu jelaskan di sini. Saya merujuk Dewan yang mulia ini kepada sepucuk surat daripada jawatan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Surat ini berkenaan dengan permohonan daripada pihak swasta, pemilik tanah sendiri, saya nak tegaskan, pemilik tanah sendiri. Permohonan lesen rumah sembelih khinzir. Dato' Yang Dipertua, memang kalau kita sebut rumah sembelih khinzir ataupun rumah penternakan khinzir, ia biasanya kita anggap ia perkara yang sensitif. Tapi saya ambil risiko, saya ambil tanggungjawab ketengahkan ini dengan hati yang terbuka, supaya kita melihat perkara ini dari sudut ekonomi. Kalau pembinaan ini dibenarkan, ia perlulah ambil kira faktor-faktor persekitaran, kesihatan, keselamatan dan juga sensitiviti penduduk di sekitar. Saya tak setuju kalau, saya tidak akan setuju sekiranya rumah penyembelihan khinzir ini diletakkan berhampiran dengan kampung yang ramai orang beragama Islam. Ia sepatutnya berjauhan supaya sensitiviti tersebut dapat di, dijauhkan ataupun kita dapat nak pisahkan.

Dato' Yang Dipertua, apa yang menyebabkan saya terkejut dengan surat ini adalah bahawa Jabatan Perkhidmatan Veterinar tidak ada halangan dengan pembinaan, permohonan tersebut, tetapi pihak Veterinar memohon kepada pemohon supaya mendapatkan kelulusan daripada agensi-agensi berikut, Jabatan Alam Sekitar, Pejabat Tanah, Pihak Berkuasa Tempatan, Bomba, syarikat air, JPS dan TNB. Memang betul, saya setuju. Kita kena memantau keadaan, memastikan tiada pencemaran, tidak mendatangkan penyakit dan sebagainya. Tetapi Dato' Yang Dipertua, macam manalah pemohon nak dapatkan surat sokongan daripada Jabatan Agama Islam untuk pembinaan pusat penyembelihan khinzir. Jadi saya harap perkara ini, pihak Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan semula. Kita anggap daripada, kita perlu menangani perkara ini dari sudut ekonomi bukan dari sudut yang lain. Sekiranya tak sesuai, kita sebut tak sesuai. Sebab saya rasa kalau

melibatkan Jabatan Agama Islam, ia sebenarnya membebankan Jabatan Agama Islam. Macam mana Jabatan Agama Islam nak bagi surat sokongan ni. Sesuatu yang saya rasa menyusahkan.

Dato' Yang Dipertua, saya juga ambil kesempatan pada petang ni supaya satu lagi perkara yang saya sebutkan dalam 30 saat sahaja, Dato' Yang Dipertua, iaitu berkenaan dengan pemasangan kamera AES, *automatik enforcement system*, dengan izin. Pembina, walaupun pembinaan ataupun kita memasang, pemasangan kamera AES ini di bawah tanggungjawab ataupun bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, yang mana kita tahu hari ini penguatkuasaannya akan dijalankan oleh pihak PDRM melalui polis trafik, tetapi Kerajaan Negeri, saya berharap Kerajaan Negeri boleh memberikan satu pendirian sama ada Kerajaan Negeri bersetuju ataupun tidak dengan AES ini. Walaupun sama ada Kerajaan Negeri ber, boleh setuju dengan pemasangan, dengan bersyarat. Sebab saya rasa, kalau AES ini, kalau AES ini kita pasang untuk menangani masalah orang langgar undang-undang, untuk mengatasi masalah jenayah dan sebagainya, saya boleh bersetuju. Tetapi macam mana dengan penyelenggaraannya?

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, masa dah cukup.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Jadi, okay. Jadi, saya, saya tak mahulah, sebab kali pertama Dato' Yang Dipertua jadi *Speaker*, saya tak mahu langgar arahan daripada Dato' Yang Dipertua, dengan itu, saya terpaksa memendekkan ucapan saya dan saya jugak ucapkan terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua atas peluang yang diberikan kepada kami untuk turut serta kepada, dalam perbahasan pada petang ini. Dan saya jugak pada petang ni ucapkan terima kasih sebab lima tahun saya duduk dalam Dewan, ini kali pertama saya nampak seorang Wakil Rakyat ketika berbahas, begitu, ada 'ump' sekali. Walaupun saya sudah lima tahun duduk di sini, tapi saya rasa prestasi Yang Berhormat dari Lenggeng pada petang ni benar-benar membuka mata saya. Inilah Wakil Rakyat yang saya rasa tanpa kira latar belakang politik, kita perlu sama-sama apa, mengikut cara beliau. Patutlah ketua pembangkang kita, Yang Berhormat dari Chennah mengucapkan tahniah, ke, dan selamat kembali kepada beliau. Jadi akhir sekali, saya sekali lagi, saya ucapkan terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua, dan saya menyokong usul Titah Ucapan Baginda. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ada lagi ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan? Ahli-ahli Yang Berhormat

sekalian, usul menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan telah selesai dibahaskan. Seramai, seorang pencadang dan seorang penyokong dan seramai 18 ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam membahaskan usul tersebut. Oleh kerana kita tidak mempunyai masa lagi, maka saya akan menangguhkan persidangan kita pada hari ini dengan memohon maaf kerana terdapat sedikit masalah teknikal tentang *aircond*. Dan inshaa allah jugak pada besok kita akan adakan jamuan tengah hari dengan, kalau sempat, kita akan mendapat nenas Palong. Saya jugak ambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada semua-semua ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian. Pada besok apabila membahaskan usul yang sama, maka kita akan mintak pihak kerajaan untuk menggulung serta memberi jawapan dalam perbahasan tersebut. Dengan ini Dewan semua pada hari Rabu, 2 Oktober 2013 bersamaan 26 Zulkaedah, 1434 Hijrah mulai jam 10.00 pagi.

[Persidangan Dewan ditangguhkan pada jam 5.12 petang]